



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 3

Khamis

3 September 2020

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL:

Usul Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[YB Senator Datuk Razali bin Idris]

(Halaman 32)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Khamis, 3 September 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya panggil pihak yang bertanya, kita suka menyatakan secara kepentingan bersama agar lebih ramai Yang Berhormat Senator berpeluang untuk jawapan diberi kepada soalan-soalan berbanding dengan hanya beberapa orang dan banyak soalan tambahan. Untuk itu, kita cuba untuk meneruskan sumbangan tersebut supaya lebih berkesan, peluang dan lebih adil kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Datuk Donald Peter Mojuntin minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, memandangkan sejak wabak COVID-19 bermula kebergantungan kepada Internet dari segi komunikasi, pendidikan dan urusan perniagaan begitu mendadak sekali, apakah rancangan kementerian untuk memastikan liputan jalur lebar dipertingkatkan lagi dari segi kelajuan dan keluasan liputan merangkumi semua pelosok Malaysia.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi untuk jawapan Yang Berhormat, kebergantungan Internet ini dari segi pendidikan, urusan perniagaan, bukan sahaja dari segi perniagaan tetapi juga dari segi kehidupan sosial, hiburan, melepaskan rindu kepada tersayang. Jadi, ia menjadi perkara yang cukup penting.

Oleh sebab itulah, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan jalur lebar talian tetap dan mudah alih dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara. Antara inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang sedang dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan adalah seperti berikut.

Sebanyak 280 menara baharu dari segi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G sedang dalam peringkat pelaksanaan dan kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama tahun 2021.

Sebanyak 11 alat pemancar komunikasi di menara komunikasi sedia ada sedang dalam peringkat penaiktarafan ke perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G.

Rancangan pembinaan menara komunikasi baharu di sekurang-kurangnya 500 lokasi, kalau 500 lokasi ini lebih kurang 500 menara di 210 mukim di seluruh negara bagi penyediaan liputan perkhidmatan jalur lebar 4G. Projek ini dijangka akan mula dilaksanakan pada suku keempat tahun 2020.

Sebanyak 377,360 pelanggan sedia ada di seluruh negara akan dinaik taraf daripada perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik oleh SKMM. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Telekom Malaysia Berhad ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang tahun 2021. Jumlah ini akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.

Sebanyak 33,112 sambungan jalur lebar talian tetap di pinggir bandar sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap berperingkat pada hujung tahun 2020.

Pada masa yang sama, SKMM telah bekerjasama dengan pihak industri dan penyelia perkhidmatan telekomunikasi untuk membangunkan satu pelan infrastruktur digital yang dikenali sebagai JENDELA ataupun Jalinan Digital Negara bagi memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara dengan menggunakan pelbagai teknologi. Melalui pelan ini, semua perancangan dan pembinaan infrastruktur digital dimudahcara oleh pelbagai kementerian dan agensi terbabit termasuklah di peringkat negeri. Terima kasih.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, hampir tiga bulan yang lalu, satu video *YouTube* seorang pelajar UMS yang berasal dari kawasan Pitas, utara Sabah telah menular dan mendapat lebih daripada 730 ribu tontonan hingga kini. Video tersebut bertajuk, dengan izin, *24 Hours on Tree Challenge*. Pelajar tersebut bernama Veveonah Mosibin daripada sebuah keluarga penoreh getah. Dia telah membuat videonya itu sambil menduduki peperiksaannya di atas pokok dalam hutan di atas bukit kerana dengan hanya cara itu sahaja dia boleh memperoleh, dengan izin, *Internet connection*.

Malangnya, apa yang dialami oleh adik Veveonah ini juga dialami oleh ramai penduduk di seluruh pelosok Sabah. Sama ada mereka pelajar, peladang, peniaga ataupun hanya ingin berhubung secara peribadi atau atas sebab kesihatan. Apa yang dialami oleh adik Veveonah adalah simptom kepada masalah yang sudah lama wujud khususnya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan diberi.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kerajaan sekarang ini akan meneruskan inisiatif Kerajaan Pusat yang lalu yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM21.6 bilion untuk melaksanakan *National Fiberisation*

and Connectivity Plan (NFCP), dengan izin, bagi memastikan keseimbangan *connectivity* dan akses Internet di antara bandar dan luar bandar khususnya dengan apa yang telah dirancang untuk negeri Sabah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator peringkat sekarang ini, kita tengah meningkatkan 4G ini daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus. Jadi, lebih kurang tiga peratus lebih lagi adalah kawasan-kawasan yang tidak dapat liputan, iaitu lebih kurang 3.1 peratus kawasan.

Jadi, walau bagaimanapun kita lihat, di antara kawasan-kawasan di seluruh negara ini terdapat kawasan *blind spots* yang mana kawasan tersebut kadang-kadang- walaupun di bandar contoh di *area Damansara Empire*, banyak kompelin yang kita terima yang mana tidak ada liputan. Jadi kekuatan ia, mana *line* dan sebagainya ataupun kawasan-kawasan yang sesetengah kawasan itu bila ada banyak penggunaan, kawasan itu kita perlu tingkatan.

Kadang-kadang itu ada kawasan yang tidak menguntungkan, *telco* tidak mahu mempercepatkan tempat-tempat itu untuk menambah menara ataupun memperkuat pemancarnya. Jadi sebab itu, ada sesetengah kawasan yang di kawasan luar bandarnya ada kawasan *blind spot*. Jadi kawasan *blind spot* ini juga untuk bagi penerangan kepada seluruh negara dan juga kepada Yang Berhormat, pertama sekali, ia ada bukit-bukit dan sebagainya yang kadang-kadang ada *blind spot* yang perlu kita segera tangani. Makna, kita tambah pemancar atau tambah alat pemancar dan juga *tower*. Jadi kita kena segerakan. Akan tetapi, banyak kawasan tersebut kekuatannya atau pun kawasan *blind spot* ini terwujud di negara kita. Jadi, keadaan ini- makna kita kerana pertama sekali bukit-bukau, bangunan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, *blind spot* itu dalam Bahasa Kebangsaan, apa?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Titik hitam, dengan izin, titik hitam. Maaf Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Titik buta. *Blind spot*, titik buta [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Atau boleh sebut...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Kawasan tidak nampaklah. Pokoknya- kawasan tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Jadi, kadang-kadang ada kawasan tersebut ada bukit-bukau dan juga kadang-kadang itu- macam contohnya menara kita pakai *genset*. Kadang-kadang *genset* kena curi. *Genset* kena curi. Jadi, kadang-kadang pemburu dan sebagainya dia tengok *genset* ini boleh balik rumah, boleh buat elektrik dan sebagainya dia curi.

Jadi, kadang-kadang vandalisme perkara ini pun berlaku. Jadi, kadang-kadang kita tengok kawasan itu sudah tidak ada, dulu ada, sekarang tidak ada. Jadi kadang-kadang kawasan itu dicuri *genset*. Kadang-kadang kawasan *copper* yang kita tanam itu yang kita gantikan dengan *fiber* dikorek dan dicuri. Ini pun juga ada masalah-masalah yang timbul.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator juga, adik yang tersebut yang tadinya *Youtuber* tidak ada *exam*. Kita sudah *checked* sudah. Makna ini dia pandai. Jadi kadang-kadang itu kita sebagai Yang Berhormat jangan mudah tertipu oleh kadang-kadang *Youtuber* dan orang-orang yang membuat isu. Jadi, dia tidak ada *exam* di kawasan itu hanya *Youtuber* sahaja untuk mengambil nama. Jadi, maknanya dia terkenal sekejap tetapi sebenarnya tidak ada *exam* pun. Dia maknanya daripada segi hiburan sahaja dia hendak buat. Jadi maknanya, ini satu perbuatan yang kadang-kadang kita kena tipu, seolah-olah kita kasihan dekat dia tidak ada *line*. Akan tetapi, walau bagaimanapun SKMM...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Sikit sahaja lagi. Cuma kita minta bahawa kalau boleh Yang Berhormat Senator kita tengok kawasan-kawasan yang tidak ada *line* dan *blind spot* kita minta Yang Berhormat Senator maklumkan kepada SKMM dan kita akan segera tangani masalah tersebut terutamanya daripada segi pendidikan dan perniagaan untuk kita bantu rakyat. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, mohon soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, mohon soalan tambahan boleh, satu?

Sini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Ismail bin Yusop.

Puan Asmak binti Husin: Sat lagi kot. Tak bagi. Tidak boleh soalan tambahan? Untuk soalan pertama boleh soalan tambahan?

Tuan Ismail bin Yusop: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Ismail bin Yusop.

Tuan Ismail bin Yusop: Saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua semalam di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor dua.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*

2. Tuan Ismail bin Yusop minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah status terkini kewangan negara selepas Pakej Rangsangan Ekonomi dilaksanakan kerajaan serta sejauh manakah ia memberi kesan terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam mendepani ekonomi pasca pandemik COVID-19.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, status terkini kewangan negara selepas pelaksanaan Pakej Rangsangan dan Pemulihan Ekonomi adalah dalam keadaan terkawal. Pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang melibatkan sejumlah RM295 bilion dengan suntikan fiskal kerajaan sebanyak RM45 bilion dijangka memberikan kesan positif kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam mendepani ekonomi pasca pandemik COVID-19.

Ini adalah berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk berikut. Pertama, pada suku pertama tahun 2020, KDNK negara telah mencatat pertumbuhan sebanyak 0.7 peratus.

Kedua, manakala pada suku kedua KDNK negara telah menguncup sebanyak negatif 17.1 peratus kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketiga, walau bagaimanapun, jika dilihat pertumbuhan ekonomi secara bulanan, KDNK negara menunjukkan trend pemulihan daripada negatif 28.6 peratus pada bulan April, kepada negatif 19.5 peratus pada bulan Mei dan seterusnya negatif 3.2 peratus pada bulan Jun.

Bank Negara Malaysia meramal dan mengunjurkan KDNK negara akan menguncup antara negatif 5.5 peratus hingga negatif 3.5 peratus bagi tahun 2020. Walau bagaimanapun, unjuran KDNK negara dijangka akan kembali berkembang sekitar 5.5 peratus hingga lapan peratus pada tahun 2021. Ini selaras dengan unjuran yang telah dikeluarkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada bulan Jun 2020 bahawa perkembangan ekonomi global dijangka akan tumbuh pada kadar 5.4 peratus pada tahun 2021. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tambahan.

Tuan Ismail bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan tempoh PKPP dilanjutkan hingga Disember, saya percaya ada impak yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Soalan saya ialah, merujuk kepada mereka iaitu peminjam yang menerima moratorium- apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Kewangan, untuk membantu kerana, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *accumulation debt* yang terpaksa ditanggung oleh mereka yang mengambil moratorium terhadap pinjaman yang mereka buat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan bahawa mereka yang terkesan akibat daripada tamatnya moratorium ini akan dapat ditangani.

Oleh sebab itu, kerajaan sepertimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk melanjutkan moratorium ini secara bersasar yang mana mereka yang terkesan, mereka boleh menghubungi pihak bank untuk mendapatkan *rescheduling* ataupun *restructuring* bagi pinjaman-pinjaman mereka dan ini telah pun dinyatakan oleh semua pihak bank yang bersedia untuk mengadakan moratorium bersasar ini.

Hal yang penting sekali ialah kalau sekiranya tidak ada penyelesaian yang tuntas, maka mereka boleh ke Agensi Pengurusan Kredit (APKP) iaitu sebuah agensi di Bank Negara dan juga satu agensi lagi yang bertanggungjawab untuk membantu usahawan-usahawan kecil yang terkesan akibat daripada keadaan ekonomi yang telah berlaku ini. Oleh sebab itu, kita mengharapkan semua pihak dapat menghubungi pihak bank untuk memastikan bahawa bayaran mereka dapat dijadualkan semula ataupun tindakan untuk membolehkan mereka mendapat kemudahan-kemudahan tertentu. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 22, kepada mauduk yang berkaitan dengan pertanyaan untuk dijawab lisan.

Pertama, dikatakan hendaklah padat dan ringkas dan seboleh-bolehnya tidak melebihi sebanyak 40 patah perkataan tanpa mengira nama Ahli yang bertanya.

■1020

Keduanya menyatakan, tidak boleh mengandungi lebih daripada dua pertanyaan yang berlainan.

Jadi, saya rujuk ke situ supaya kita lebih berpeluang untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri masing-masing.

Terus kita pergi kepada Puan Raj Munni binti Sabu.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua dan saya juga mendoakan mudah-mudahan dengan pelantikan ini Dewan lebih dapat diperkasakan sebagai platform para negarawan memainkan peranan dengan lebih cemerlang. Tuan Yang di-Pertua,

*Orang berbudi kita berbahasa;
Soalan saya nombor tiga.*

3. Puan Raj Murni binti Sabu minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sama ada kerajaan bersedia meneruskan inisiatif untuk meminda undang-undang berkaitan pemandu mabuk sebagaimana yang telah diluluskan oleh Kabinet pada akhir tahun 2019.

Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Yang Berhormat.

*Orang berbudi kita berbahasa;
Orang memberi kita merasa.*

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baharu dilantik dan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...Ditabalkan sebagai Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin dengan pengalaman Tuan Yang di-Pertua, kakanda Tuan Yang di-Pertua akan menerajui Dewan Negara ini dengan baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Itu mukadimah Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman, sebagai salah satu strategi utama dalam usaha mencegah dan menjadi *deterrence* kepada orang ramai daripada memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] akan dipinda bagi meningkatkan hukuman-hukuman berkaitan kesalahan memandu dengan tidak mematuhi peraturan jalan raya termasuk memandu dalam keadaan mabuk.

Bacaan Pertama rang undang-undang (RUU) ini telah pun dilaksanakan pada 27 Julai 2020. Susulan itu, RUU ini telah pun dibentangkan, dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Ogos yang lalu. Secara spesifik, pindaan seksyen 41, hingga seksyen 45 merupakan komitmen kerajaan untuk memastikan tindakan tegas bagi kesalahan pemanduan bagi di bawah pengaruh alkohol, dadah atau memandu secara melulu termasuk merempit.

Seterusnya, rang undang-undang ini adalah dijadualkan untuk di bentang dan dibahaskan di dalam Dewan Negara yang mulia ini di dalam sesi Parlimen kali ini yang dijadualkan dalam pertengahan bulan September 2020. Kementerian Pengangkutan berharap agar rang undang-undang (pindaan) yang akan dibentangkan di dalam Dewan ini akan mendapat sokongan penuh dan diluluskan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita menghargai keberadaan Yang Berhormat Menteri sendiri menjawab soalan di Dewan ini... [*Tepuk*] Izin saya tambah sekiranya fiil ini dapat kita teruskan, maka ia akan sejajar dengan kedudukan Dewan yang mulia ini. Terima kasih... [*Tepuk*] Tambahan?

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Di situ faktanya adalah bahawa Akta 333 ini dipinda kali terakhir pada tahun 1999 dan kemudian baharu ada cadangan pada tahun 2019 dan kemungkinan besar *insya-Allah* kita akan laksanakan pada tahun 2020.

Akan tetapi kalau kita lihat dari sudut faktanya dan dari sudut statistik yang berlaku dalam negara kita trend peningkatan kemalangan berkaitan dengan mabuk ini telah meningkat sejak tahun 2010. Seinggalah pada tahun 2016 melibatkan kematian sebanyak 237 dalam angkanya adalah paling tertinggi dan kemudian dia- trend menurun.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tahun 2016, tahun 2017, tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Puan Raj Murni binti Sabu: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, pertama adalah, mengapa keadaan ini berlaku menunggu sehingga sekarang begitu lama daripada tahun 2010 seinggalah tahun 2020?

Kedua, pada tahun 2017 hingga tahun 2019 penurunannya adalah ketara di mana yang disebutkan kemalangan maut hanya sebanyak 23 kes.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan saya sudah tulis.

Puan Raj Murni binti Sabu: Lalu soalannya ialah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta dengar petuanya. Soalan tidak boleh berlapis dua dan berlainan daripada apa yang asal tadi. Tolong kemukakan soalan pertama tadi kepada Yang Berhormat Menteri.

Puan Raj Murni binti Sabu: Soalan adalah berkaitan dengan akta Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi tolong halakan soalan itu tanpa berlapis menjadi dua soalan.

Puan Raj Murni binti Sabu: Ya, soalan saya adalah adakah kerajaan juga mengkaji selain daripada isu yang berkaitan dengan hukuman dinaikkan ada kemungkinan besar isu-isu yang lain menyebabkan penurunan berlaku tidak hanya bergantung kepada pelaksanaan peningkatan denda dan hukuman penjara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi adalah sesuatu yang sering ditanya oleh orang ramai.

Pertamanya, dari segi pindaan dibuat. Pindaan terakhir Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah dua tahun yang lalu.

Akan tetapi, pindaan pada kali itu adalah berkisarkan kepada kuasa yang diberikan kepada Majlis Bandaraya di mana Warden Trafik itu ditubuhkan. Jadi, tidak ada kena mengena dengan mengenai hukuman yang kita hendak bawa ini yang pertama.

Kedua, dari segi jumlah maut yang diakibatkan oleh pemanduan mabuk satu data yang jelas dalam tempoh lima tahun kematian sebanyak 47 kematian tetapi berbanding dengan kematian disebabkan dia atas jalan raya setiap tahun sebanyak 6,900 sampai sebanyak 7,000. Jadi, jumlah kematian ini secara relatif tidak banyak tetapi kesannya kepada masyarakat sangat besar.

Dalam tempoh MCO (PKP) nampaknya beberapa kes telah berlaku dan telah menyebabkan satu masyarakat. Kita telah membuat satu kajian sebanyak 345 ribu responden dalam tempoh tiga minggu mengatakan sebanyak 94 peratus mengatakan kita sudah sampai masanya tingkatkan hukuman, tingkatkan denda dan juga penggantungan lesen.

Jadi, apabila berdasarkan kepada kajian ini, maka kita telah membuat satu kesimpulan dalam tempoh tak lebih daripada tiga bulan, kita bukan sahaja bincang, kita hendak terus terjemahkan daripada tindakan. Oleh sebab itu kita buat pindaan di Dewan Rakyat dan seterusnya akan dikemukakan pada Dewan Negara.

Oleh sebab itulah satu tindakan tuntas, apa yang kita hendak lakukan adalah kalau sudah mengambil alkohol jangan bawa dan jangan memandu. Itu sahaja mesej kita. Kita akan buat secara bukan sahaja kenakan penguatkuasaan. Dari segi ke jurusan trafik yang penting 3E. Pertama dari segi *enforcement*. Betul, kita ada undang-undang kita pinda undang-undang kita ambil tindakan penguatkuasaan.

Kedua adalah *education* iaitu melalui tindakan advokasi. Advokasi ini cukup penting untuk kita memahamkan rakyat kenapa kita buat begitu. Kita bukan mencabuli hak orang lain kalau hendak ambil alkohol mungkin kaum lain dia boleh selain daripada Muslim. Akan tetapi, kalau sudah minum, amaran kita adalah jangan bawa. Ini berlaku kepada negara-negara lain. Kita tidak mencabuli hak orang lain tetapi apa yang penting ialah kita tegas untuk melindungi keselamatan pengguna jalan yang lain.

Oleh sebab itu mesej kita jelas, advokasi... [*Tepuk*] Kita minta syarikat-syarikat e-hailing ini turut bantu kita. Orang sudah minum tidak apa, dia boleh gunakan *Grab*. Itulah tindakan yang kita ambil boleh mengadakan *designated driver*. Ini satu, dua syarikat di Malaysia telah mula perkhidmatan ini. Saya rasa dengan cara ini kita dapat menghindar daripada kemalangan maut.

Cara-cara ini termasuk advokasi ke sekolah dan termasuk juga badan-badan NGO. Kita telah pun berbincang dengan mereka. Ini merentasi kaum dan merentasi agama. Itulah tindakan kita secara holistik bukan sekadar untuk kita tingkatkan hukuman sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya tambah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor empat. Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua yang baharu. Soalan saya soalan nombor empat.

4. Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bilangan pekerja yang memohon subsidi Program Pengekalan Pekerja (ERP) serta bilangan aduan dan tindakan yang dikenakan terhadap majikan. Apakah cadangan kementerian untuk membantu pekerja-pekerja yang terjejas.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada- dan juga takziah jugalah. Liabiliti itu satu takziah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Terima kasih.

Begitu juga, kepada Yang Berhormat bertanya iaitu Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah yang menggariskan empat perkara. Pertamanya, soalan ini dibangkitkan bilangan pekerja yang memohon subsidi Program Pengekalan Pekerja (ERP).

Keduanya, saya menggariskan perkara yang dibangkitkan iaitu bilangan aduan dan tindakan yang dikenakan terhadap majikan. Seterusnya kepada kementerian, apakah cadangan kementerian untuk membantu pekerja-pekerja yang terjejas. Ini perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Terima kasih.

■1030

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Program Pengekalan Pekerjaan ataupun kita panggil ERP adalah bantuan kewangan kepada pekerja yang telah diberi notis cuti tanpa gaji ataupun CTG disebabkan oleh majikan yang mendapat kesan akibat penularan wabak COVID-19. Permohonan ini berjumlah RM600 sebulan bagi setiap pekerja dan terhad kepada pekerja yang bergaji bulanan RM4,000 ke bawah. Kelayakan menerima bantuan ini adalah untuk semua pekerja sektor swasta.

Sehingga 28 Ogos 2020 seramai 340,252 orang pekerja yang telah kementerian melalui agensi kita seperti PERKESO diberikan notis cuti tanpa gaji telah menerima manfaat menerusi program ERP ini yang melibatkan bayaran sebanyak RM210 juta. Sehingga 28 Ogos 2020, perbelanjaan mereka cuti tanpa gaji ini sebanyak RM210 juta. Manakala bagi aduan yang telah direkodkan adalah sebanyak 243 kes yang melibatkan PSU dan juga ERP iaitu

Program Subsidi Upah. PSU sahaja aduan ini sebanyak 215 kes telah dibuat dan ERP ataupun Program Pengekalan Pekerjaan ini sebanyak 28 kes.

Di bawah program ini, aduan telah dibuat terhadap majikan yang telah mengingkari terma dan syarat ERP ataupun PSU kerana tidak menyalurkan bantuan yang diterima kepada pekerja yang layak di bawah program ini. Siasatan lanjut dan tindakan tegas diambil terhadap majikan tersebut. KSM melalui agensi PERKESO berhak untuk menggantung bayaran dan menuntut semula bayaran yang telah diterima dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap majikan yang gagal memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi permohonan yang telah diberikan kelulusan dan dibuat pembayaran, senarai nama majikan akan dipaparkan di laman web PERKESO untuk tujuan semakan para pekerja dan untuk membolehkan mereka membuat aduan sekiranya tidak berpuas hati terhadap majikan mereka. Maknanya kita menyediakan peluang pada kedua-dua belah pihak.

Sehubungan dengan itu, sekiranya aduan diterima, tindakan yang diambil oleh kementerian saya melalui PERKESO, Kementerian Sumber Manusia (KSM) adalah seperti berikut. Pertama, menyenaraihitamkan majikan tersebut sekiranya ada tuntutan yang tidak dibayar ataupun dimanipulasikan tuntutan-tuntutan program yang telah dilancarkan oleh kerajaan.

Kedua, proses pembayaran untuk bulan berikutnya kita akan hentikan sekiranya ada lagi yang tuntutan- tuntutan yang pertama pun tidak dibayar, masih lagi majikan membuat tuntutan. Kita akan menghentikan pembayaran dan seterusnya kita akan membuat siasatan melalui pengesahan aduan dan laporan polis dibuat bagi kes penyalahgunaan program subsidi ataupun *First Information Report (FIR)* setelah siasatan ini dibuat maka beberapa tindakan kita akan ambil alih.

Selain itu, saluran kaunter perkhidmatan pelanggan serta talian khas berkenaan dengan PSU dan ERP turut diwujudkan. Untuk makluman Dewan dan juga Yang Berhormat yang bertanya, ini adalah kaedah perkhidmatan serta untuk kita menangani masalah yang ditimbulkan oleh kedua-dua belah pihak sama ada majikan atau juga pekerja. Semua permohonan dan aduan-aduan berkaitan bagi memastikan pematuhan majikan-majikan yang menerima subsidi ini memenuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh PERKESO. Jadi PERKESO telah menghubungi majikan yang mengingkari.

Maknanya PERKESO akan menghubungi majikan-majikan yang ingkar terma dan syarat yang telah ditetapkan. Kalau ianya betul disahkan, maka tindakan-tindakan susulan akan diambil ke atas mereka yang ingkar terma dan syarat ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua jawapan yang kita berikan. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Tambahan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan. Disebabkan kita merasakan pentingnya kita melanjutkan juga tempoh pemberian ERP ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kemungkinan selari dengan perlanjutan ini kepada Disember 2020 tempoh permohonan ini juga dilanjutkan? Itu yang pertama.

Kedua, apakah aspek penambahbaikan yang dirangka bagi membolehkan program ERP ini tidak hanya tertakluk kepada pemberian wang RM600 dan seterusnya membuka peluang baru kepada pekerja terjejas akibat pandemik COVID-19 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ERP ini kita kena jelaskan bahawa ERP ini adalah program yang ketika kita *lockdown* iaitu di mana sama ada pekerja ataupun penduduk di tempat yang mereka tinggal tidak boleh bergerak untuk mendapat makanan dan sebagainya. Program ERP sesuai sekali ini kita laksanakan ketika COVID-19 dilaksanakan termasuk MCO yang diwartakan oleh pihak kerajaan.

Manakala PSU adalah pasca COVID-19 macam masa sekarang adalah sesuai. Maknanya lanjutan kehidupan mencari pekerjaan dan sebagainya. Jadi inisiatif yang pertama dalam ERP telah diperkenalkan di mana inisiatif ini pekerja yang diminta bercuti tanpa gaji akibat penularan wabak COVID-19 ini kita masukkan dalam program ERP sebagai kita hendak *protect* ataupun kita hendak menjaga mereka dalam bentuk kehidupan ketika COVID-19.

Dalam penerusan pasca lanjutan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, setelah COVID-19 ini yang *lockdown* telah dibuka dan rakyat akan bertebaran kembali kepada kehidupan seperti sebelum ini tetapi kehidupan bukan seperti yang sebelum COVID-19. Sekarang kita sudah ada *term* atau pun terma yang kita panggil norma baharu. Maknanya perubahan kehidupan berlaku tetapi penerusan kehidupan akan diteruskan.

Jadi program ERP diteruskan dengan dinamakan program PSU yang dipanggil Program Subsidi Upah. Program ini adalah bertujuan untuk membantu majikan dan pekerja yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja-pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan.

Tempoh PSU pada mulanya hanyalah adalah untuk tiga bulan bermula pada 1 April 2020 dan telah dilanjutkan lagi *another three month* ataupun, dengan izin, lagi tiga bulan di bawah PENJANA. Bantuan PSU adalah berdasarkan kepada saiz perusahaan seperti berikut:

- (i) bagi majikan yang mempunyai 75 orang pekerja dan ke bawah, kadar bayaran subsidi upah sebanyak RM1,200 sebulan bagi setiap pekerja atau *per worker*,

- (ii) bagi majikan yang mempunyai 76 orang hingga 200 orang pekerja, kadar bayaran subsidi upah sebanyak RM800 sebulan bagi setiap pekerja; dan
- (iii) bagi majikan yang mempunyai 201 orang pekerja dan ke atas dihadkan kepada 200 orang sahaja, maksimum RM600 sebulan bagi setiap pekerja.

Inilah jawapan-jawapan dari apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih. *Wallahu'alam.*

5. Tuan Kamarudin bin Abdun minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, berapakah jumlah lesen AP ayam yang telah dikeluarkan dan berapakah jumlah lesen yang telah dibatalkan oleh pihak kementerian terutamanya di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

■1040

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAFI ataupun Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sentiasa berusaha untuk membangunkan industri ayam dalam negara bagi memastikan kecukupan bekalan ayam.

Keduanya, memandangkan kadar sara diri dengan izin SSL, daging ayam telah melebihi taraf 100 peratus. Pengimportan ayam dalam bentuk ayam bulat telah dibekukan semenjak awal tahun 2016...

Tuan Yang di-Pertua: Ayam bulat Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: *Whole chicken.*

Tuan Yang di-Pertua: *Whole chicken.* Oh, bulat ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Walau bagaimanapun, dengan izin, *approve permit* (AP) untuk pengimportan keratan ayam masih dibenarkan bagi tujuan pemprosesan dalam industri hiliran makanan sahaja.

Ketiganya, berdasarkan daripada rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), sehingga Ogos tahun 2020, jumlah *approve permit* ataupun AP bagi keratan ayam untuk tahun 2020 telah diluluskan kepada 57 buah syarikat daripada 70 permohonan yang telah diterima iaitu sebanyak 81 peratus sahaja. Rekod yang sama menunjukkan terdapat AP keratan ayam yang dibatalkan oleh pihak kementerian disebabkan tiada aktiviti pemprosesan dijalankan di loji pemprosesan.

Pembatalan AP keratan ayam ini tidak melibatkan syarikat-syarikat dari negeri Perlis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tambahan soalnya, ada.

Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad: Soalan tambahan. Pertama bagaimanakah MAFI melakukan pemantauan bagi memastikan AP keratan ayam tidak disalah gunakan. Apakah kaedah kawalan dari pintu masuk negara sehingga ke pengguna terakhir atau dieksport? Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengikut SSL negara bahawa daging ayam ini telah mencapai 100 peratus, tetapi mengapa kita masih lagi mengimport ayam dari luar negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, walau pada ketika ini SSL kita telah melebihi 103 peratus daripada keperluan kita dan juga sebenarnya jumlah pengeluaran kita adalah sebanyak lebih kurang 1.17 juta tan pada tahun 2019.

Sementara penggunaan untuk pasaran dalam lingkungan 1.65 juta metrik tan. Jadi kita hanya ada kelebihan dalam 500 ribu tan sahaja di mana sebahagian daripadanya adalah untuk kegunaan industri dan selebihnya kita eksport. Contohnya, saya bagi, kalau kita eksport ayam hidup ke Singapura sahaja, pada tahun lepas adalah sebanyak 96 juta metrik tan. Maknanya banyak kita eksport. Oleh sebab itu sebanyak 69 juta ekor ayam hidup.

Jadi persoalan Yang Berhormat yang kedua tadi, apakah sebabnya kita terpaksa mengimport daging yang lain, daging daripada luar. Sebenarnya, kegunaan industri tadi 200 ribu metrik tan. Kebanyakan pengusaha-pengusaha pengeluaran ayam ini lebih berminat untuk mengeluarkan ayam bulat dan dia tidak mengeluarkan ayam-ayam keratan.

Tuan Yang di-Pertua: Singapura ini suka yang bulat kah, ayam *cop*?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Ayam hidup Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa pun, jadi ayam yang kita import ini daripada beberapa negara yang telah kita kenal pasti setelah mendapat pengiktirafan bukan sahaja daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bahkan daripada JAKIM yang kita pastikan bahawa halal, kemasukan ayam-ayam ini adalah untuk diproses untuk menjadi produk ayam dan bukan untuk dipasarkan. Setelah diproses, barulah kita boleh pasarkan, sama ada di pasaran tempatan ataupun kita eksport. Pada ketika ini kita mengeksport kepada 38 buah negara dalam dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

6. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membanteras kes penipuan atas talian seperti *Macau Scam*, *Love Scam*, dan *African Scam*, serta sejauh manakah kementerian berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai aktiviti penipuan atas talian.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamaed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-

Pertua merupakan guru saya dan sebagai guru pasti menjadi ilmu sebagai suluh hidup dalam politik saya dan saya mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pemilihan dan pelantikan sebagai Speaker Dewan Negara dan pastinya menyegarkan dan membugarkan landskap negara sesuai dengan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Setinggi-tinggi tahniah Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM pastinya mengambil berat dan memantau serta mengambil tindakan terhadap masalah jenayah di atas talian ini dan kita kategorikan lima jenayah di atas talian ini yang disebut sebagai *scammer* ini yang pertama *Macau Scam*, yang kedua *Loves Scam* atau *African Scam* yang ketiga adalah belian *online*, yang keempat adalah tipu pinjaman yang tidak wujud dan yang kelima ialah tipu SMS.

Di antara usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak PDRM ini adalah untuk mempertingkatkan penguatkuasaan dari segi mengesan, menangkap dan mendakwa mana-mana individu atau sindiket yang terlibat dengan jenayah *scam* ini atau penipuan atas talian ini.

Yang seterusnya, usaha-usaha lain yang dibuat oleh PDRM bagi komuniti setempat dan untuk orang ramai adalah melakukan pameran mengenai kesalahan atau cara-cara melakukan jenayah *scam* ini di pusat-pusat membeli belah atau kompleks membeli belah, tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai dan kita juga mengadakan sesi dialog bersama dengan masyarakat setempat, ceramah dan taklimat kepada kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, persatuan-persatuan, pelajar-pelajar sekolah, pelajar di IPTA dan IPTS dan juga NGO-NGO yang ada di dalam negara kita.

Bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai, PDRM juga mewujudkan satu platform akaun *Facebook* yang dinamakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police* untuk berkongsi maklumat dan juga memberi amaran kepada orang ramai mengenai ancaman penipuan jenayah *online* ini dan juga kita mewujudkan portal-portal bagi membolehkan orang ramai melayari atau menyemak portal kita melalui ccid.rmp.gov.my, semak mula dan ini boleh dimuat turunkan melalui *handphone* kita. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tambahan soalan.

Datuk Haji Bashir bin Haji Alias: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan dan soalan tambahan saya

adalah, apakah cabaran yang dihadapi oleh Polis Diraja Malaysia dalam menangani kes-kes penipuan dalam talian di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertamanya, kalau kita sebut *Macau Scam* atau *Love Scam* ini pastinya dia melibatkan dengan negara luar. Yang pertama yang kita selalu menghadapi masalah iaitu identiti pemanggil kerana identiti pemanggil ini menggunakan nombor telefon yang didaftarkan di negara kita atau di negara luar dan pemiliknya, kita tidak dapat kenal pasti. Yang keduanya mereka ini selalu berhubung melalui Internet dan juga yang kita sebut kalau melalui *voice over Internet protocol* (VOIP) ini pun susah untuk kita kenal pasti dan sebab itulah kita minta kerjasama daripada Bank Negara untuk memperketat, untuk membuka akaun-akaun bank.

■1050

Keduanya, kita minta kerjasama daripada *telco* supaya apabila kita minta identiti dan maklumat pemilik akaun *handphone* atau telefon bimbit yang melibatkan pemanggil berkenaan dapat diberikan dengan kadar segera. Sebab itu adalah salah satu daripada perhatian yang serius daripada pihak PDRM kerana jenayah *scam* ini semakin meningkat di dalam negara kita dan pastinya melibatkan dan menjejaskan sedikit sebanyak bagi ekonomi di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

7. **Dato' Haji Husain bin Awang** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, sejauh mana kajian yang dilakukan berkaitan Akta Keharmonian Nasional yang diperkenalkan bagi menggantikan Akta Hasutan 1948 dalam menyelesaikan isu perkauman dan kebencian agama di negara ini.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang memang mempunyai kewibawaan, pengalaman dan latar belakang yang sesuai untuk menerajui Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Terima kasih

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan 7 bersekali dengan soalan nombor 62 bertarikh 22 September 2020 daripada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang menyentuh isu yang sama.

RUU Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional ataupun, dengan izin, *National Harmony and Reconciliation Bill* tidak diteruskan kerana larangan terhadap diskriminasi telah pun

termaktub di dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan yang juga merupakan undang-undang yang tertinggi di negara kita. RUU Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional telah mencadangkan agar:

- (i) larangan diskriminasi yang tidak adil atas dasar agama, dasar bangsa, keturunan mahupun tempat lahir;
- (ii) larangan diskriminasi yang tidak adil atas dasar kejantinaan ataupun dengan izin, *gender*;
- (iii) larangan diskriminasi tidak adil atas kecacatan.

Kesemua larangan mengenai diskriminasi sebagaimana yang dicadangkan telah pun dinyatakan secara jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan semua orang sama dari segi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan sama rata dan adil. Diskriminasi terhadap warganegara tidak boleh diamalkan semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, warna kulit atau tempat lahir mahupun jantina.

Kerajaan turut membuat keputusan untuk tidak meneruskannya kerana kita sudah pun mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk menjaga keharmonian antara kaum dan antara agama. Mana-mana pihak yang sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian boleh disiasat dan didakwa di bawah undang-undang sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin akhiri dengan dua rangkap pantun.

*Apa guna terus membujang;
Kalau hati ada yang kasih;
Apa guna peraturan kita panjang;
Kalau hati masih tidak bersih... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Lagi satu?

Dato' Sri Ti Lian Ker: ...

*Nampak tangga teruslah naik;
Hati-hati kaki tak tersangkut;
Pemimpin perlulah tunjukkan teladan yang baik;
Barulah rakyat sebut-sebut dan ikut.*

Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan?

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan dan pantun yang menarik. Keputusan kerajaan untuk tidak meneruskan RUU keharmonian nasional saya kira adalah keputusan yang baik memandangkan skop dan parameter yang dicadangkan untuk diguna pakai dalam RUU ini sebelum ini dilihat sebagai kabur dan tidak jelas. Namun begitu, tata sedia ada dilihat lebih kepada bersifat pencegahan berbanding untuk memperkukuh dan memperkasakan keharmonian kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan dia Yang Berhormat.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan saya, apakah kerajaan berhasrat untuk memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan negara dengan memberikan wajah baharu kepada Rukun Negara dengan langkah memperkenalkan Akta Rukun Negara. Hal ini supaya prinsip Rukun Negara terus menjadi teras keharmonian dan perpaduan yang ada dalam negara serta menghindarkan perpecahan. Hal ini sangat penting memandangkan kebelakangan ini terdapat beberapa pihak yang telah menyuarakan agar Rukun Negara disemak dan diubah kepada Rukun Negara 2.0.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan?

Dato' Haji Husain bin Awang: Terutamanya bagi membuang prinsip pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Haji Husain bin Awang: Ya. Soalan saya ialah apakah kerajaan bersedia untuk memberikan wajah baharu kepada Rukun Negara. Itu soalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Sebenarnya, 'rukun tetangga' kita sudah sempurna. Cuma dari segi memperkasakan Rukun Negara.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Rukun Negara.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Rukun Negara. Minta maaf. Rukun Negara kita memang sudah sempurna.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah lain, Yang Berhormat. Tembak itik, kena ayam...
[Dewan ketawa]

Dato' Sri Ti Lian Ker: Minta maaf. Sebenarnya telah sempurna. Cuma kita perlu memperkasakan ataupun menaikkan kesedaran dari segi pendidikan dan sebagainya. Dari segi pendidikan Rukun Negara, kerajaan telah pun menubuhkan jawatankuasa untuk bekerjasama dengan tiga kementerian lain iaitu Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan.

Dari segi pemahaman Rukun Negara, rasanya kita- kebanyakan rata-rata rakyat kita menghafal ataupun kita setakat menghafal semasa kita ada program-program rasmi dan sebagainya. Akan tetapi dari segi kementerian, kita telah menggalakkan penubuhan Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara di sekolah rendah dan juga di institusi tinggi.

Maka, kita mengharapkan bahawa pergerakan ataupun pendidikan Rukun Negara ini kesedaran, serta pemahaman dan penghayatan penjiwaan apa yang tertera dalam Rukun Negara bukan sahaja di kalangan pelajar-pelajar, tetapi juga pemimpin-pemimpin dan rakan-rakan dalam Dewan Negara ini boleh mengambil inisiatif untuk mempergiatkan pemahaman, penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip yang telah termaktub dalam Rukun Negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing.

Datuk Lee Tian Sing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 8.

8. **Datuk Lee Tian Sing** minta Menteri Kesihatan menyatakan, sama ada pihak kementerian sedang memantau dan mengambil tindakan terhadap penjualan ubat-ubatan di atas talian khususnya di media sosial serta penawaran khidmat laser kulit oleh sesetengah pihak yang bukannya doktor bertauliah di laman *Facebook*.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: [*Berucap dalam bahasa Arab*] Tahniah Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Tahniah juga dan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Datuk Lee Tian Sing atas soalan yang penting kerana masalah ini berleluasa dan boleh membahayakan kesihatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, KKM melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) di ibu pejabat dan juga di cawangan negeri sentiasa memantau dan mengambil tindakan terhadap penjualan ubat-ubatan yang tidak sah oleh Kementerian Kesihatan dalam talian termasuk di media sosial dan aplikasi pesanan ringkas. BPF telah menubuhkan Seksyen Forensik Siber yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan mengumpul maklumat digital untuk tujuan tindakan penguatkuasaan. Pemantauan secara berkala dijalankan oleh pegawai penguatkuasa farmasi di seluruh Malaysia ke atas laman sesawang, media sosial dan platform eDagang. Laman sesawang yang telah dikenal pasti dan disiasat akan dilaporkan kepada SKMM, *Facebook*, penyelia domain dan *registrar*, dengan izin, untuk tujuan sekatan. Manakala notifikasi penurunan iklan yang menyalahi peruntukkan undang-undang diberikan kepada pengendali platform eDagang.

■1100

Bagi memperkasakan penguatkuasaan, KKM telah menjalankan serbuan dan pendakwaan ke atas penjualan ubat-ubatan dalam talian termasuk ke atas pengilang dan pemborong. Selain itu, KKM telah menyertai operasi yang diselaraskan oleh pihak Interpol sejak tahun 2012. Ini adalah tindakan penguatkuasaan berasaskan Internet yang terbesar seumpamanya diadakan di seluruh negara.

KKM juga mempunyai jalinan kerjasama antara kerajaan dan industri perkhidmatan e-dagang, media sosial atau Internet di dalam dan di luar Malaysia. KKM telah berkolaborasi dengan platform *e-commerce*, dengan izin, yang berpusat di Malaysia, *Facebook*, *Google* dan juga penyedia perkhidmatan Internet. Mekanisme kerjasama KKM merangkumi kepatuhan terhadap mencegah penyalahgunaan perkhidmatan platform ini untuk penjualan produk farmaseutikal.

Tuan Yang di-Pertua, rawatan estetik hanya boleh diberikan di premis yang berlesen dengan perkhidmatan perubatan estetik di bawah seksyen 3 atau premis yang berdaftar dengan perkhidmatan estetik sebagai *area of interest*, dengan izin, di bawah seksyen 4 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*].

Merujuk kepada perkhidmatan laser, perkhidmatan yang disediakan perlu selaras dengan kemudahan dan personel premis tersebut seperti mana yang ditetapkan dalam, dengan izin, *Guidelines on Aesthetic Medical Practice for Registered Medical Practitioners* di mana personel yang menyediakan perkhidmatan berkenaan perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan mempunyai, dengan izin, *Letter of Credentialing and Privileging* (LCP). *Guidelines* ini boleh dimuat turun di laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan.

Sekiranya mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan swasta (KPJKS) yang berlesen atau berdaftar di bawah Akta 586 mengambil personel yang tidak mempunyai kelayakan yang sewajarnya untuk menyediakan perkhidmatan berkenaan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh KKM kerana melanggar ketetapan seksyen 31(1)(c) Akta 586. Selaras dengan seksyen 43, Akta 586, notis tunjuk sebab boleh dikeluarkan kepada KPJKS tersebut.

Selain itu, kementerian juga boleh mengkompaun KPJKS berkenaan selaras dengan seksyen 99 Akta 586. Justeru, bagi premis yang menyediakan rawatan laser yang ditetapkan dalam, dengan izin, *Guidelines on Aesthetic Medical Practice for Registered Medical Practitioners*...

Tuan Yang di-Pertua: Rawatan apa tadi, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: ...Tanpa pendaftaran atau lesen Kementerian Kesihatan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, rawatan apa tadi?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Ya Tuan Yang di-Pertua, rawatan laser. Kulit.

Tuan Yang di-Pertua: Oh.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan berkenaan dengan laser kulit.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian boleh mendakwa premis tersebut di mahkamah sekiranya premis didapati telah melanggar seksyen 3, atau seksyen 4, Akta 586 di mana hukuman yang dikenakan adalah denda tidak melebihi RM300 ribu atau enam tahun penjara.

Dalam hal ini, dari tahun 2016 sehingga 21 Ogos 2020, sebanyak 12 tindakan penguatkuasaan ke atas premis yang menyediakan perkhidmatan perubatan estetik tanpa pendaftaran atau lesen telah dijalankan. Pendakwaan dan juga denda telah dikenakan di antara RM70 ribu hingga RM110 ribu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada soalan tambahan?

Datuk Lee Tian Sing: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan beliau. Soalan tambahan saya adalah seperti berikut.

Jika dulu pernah dibincangkan oleh mantan-mantan Menteri Kesihatan mengenai kekurangan nisbah katil hospital berbanding bilangan pesakit, apakah keadaan ini menjadi lebih teruk berikutan penularan wabak COVID-19?

Kedua, adakah kementerian akan membina lebih hospital atau menambah kapasiti hospital-hospital sedia ada?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini di luar tajuk pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Setuju.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Ya, saya tengok dia tidak ada sangkut. Ini berkenaan talian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul.

9. Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, penjelasan mengenai aduan dan laporan yang banyak dibuat oleh rakyat marhaen berhubung penempatan dan kedai haram milik warga asing serta kedai perjudian dibiarkan beroperasi tanpa tindakan yang boleh menggugat keselamatan penduduk sekitar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia prihatin. Tuan Yang di-Pertua juga budayawan negara, tahniah dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Moga bunga bangsa negara terus mekar ceria. Tahniah Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memberi perhatian yang serius terhadap aduan dan laporan yang dibuat oleh orang awam terhadap aktiviti perniagaan tanpa lesen oleh warga asing dan kedai perjudian yang beroperasi dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dalam konteks ini, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Penguatkuasaan Pendatang Tanpa Izin pada 29 Mac 2019 yang dianggotai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Wilayah Persekutuan dan turut dianggotai oleh Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan bagi memantau kegiatan perniagaan warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan di negara kita kini terdapat lebih kurang 2.1 juta pekerja asing dan sebahagian besar mereka bekerja dalam sektor 3D iaitu sektor yang agak berat, *difficult*, *dirty* dan juga *dangerous*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, juga terdapat kurang lebih 190 ribu ekspatriat ataupun pegawai dagang bekerja di negara kita.

Tindakan penguatkuasaan ke atas pusat perjudian haram adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan peruntukan Akta Rumah Judi Terbuka 1993 [Akta 289]. PBT boleh mengambil tindakan penguatkuasaan atas kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat lesen termasuk menjadikan premis sebagai pusat aktiviti perjudian. Sekiranya wujud unsur-unsur perjudian haram, pembatalan lesen akan dikenakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019, sebanyak 1,996 operasi penguatkuasaan premis perniagaan warga asing telah dijalankan oleh PBT. Selain itu, KPKT juga telah mengambil tindakan seperti berikut.

Pertama, mengeluarkan surat kepada semua PBT supaya PBT meningkatkan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama Jabatan Imigresen (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi yang berkaitan bagi tujuan mengekang aktiviti perniagaan di pasar borong yang dimonopoli oleh warga asing.

Kedua, mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh PBT pada 30 Jun 2008. Pekeliling ini menyatakan aspek kawalan dan penguatkuasaan yang perlu dipatuhi oleh peniaga yang ingin memohon lesen perniagaan daripada PBT iaitu:

- (i) pengeluaran permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
- (iii) tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta-merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

KPKT juga mempunyai Sistem Aduan Bersepadu (SAB) dan sistem aduan i-Tegur yang turut diguna pakai di PBT. Orang awam juga boleh menyalurkan sebarang aduan termasuk perniagaan tanpa lesen dan premis perjudian haram kepada PBT melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) atau lain-lain sistem aduan yang dibangunkan oleh PBT tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan tidak?

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid: Rakyat menghargai usaha yang telah dan sedang diambil oleh sama ada KPKT ataupun kementerian-kementerian yang berkaitan. Akan tetapi dilihat tindakannya seolah-olah bermusim, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, rakyat hendak ingin tahu, apakah langkah-langkah yang lebih serius akan diambil oleh KPKT? Kita faham syarat-syarat, peraturan, akta telah diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Sambungkan. Dah betul tadi soalan itu.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid: Akan tetapi, kita hendak lihat apakah tindakan agresif yang boleh dilihat oleh rakyat bahawa KPKT bertindak untuk kebajikan rakyat supaya memenuhi *baldatun tayyibatun*, negara yang berkeadilan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Saya juga ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua. Apakah tanggungjawab kita rakyat kepada negara? Mereka yang diberikan lesen perniagaan, apakah mereka jujur kepada negara atau diri mereka sendiri atau mereka sanggup menyerahkan lesen mereka kepada peniaga asing kerana kepentingan peribadi, lantas mengorbankan negara kita? Ini satu jawapan yang perlu kita fikirkan di samping tindakan yang juga diambil oleh pihak kerajaan dan pihak penguat kuasa.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kita telah melaksanakan sepertimana yang saya sebutkan tadi, melibatkan seluruh negeri di negara kita dengan sejumlah 1,996 operasi penguatkuasaan. Kita juga telah melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi lain termasuk Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan dan lain-lain yang melibatkan sejumlah 762.

Tuan Yang di-Pertua, lokasi penguatkuasaan dijalankan di pasar borong, kedai runcit, pasar malam, pasar pagi, premis makanan, pusat hiburan, premis cuci kereta, pusat refleksologi, bistro dan juga penjaja kaki lima tanpa lesen. PBT juga mengeluarkan lesen perniagaan kepada individu syarikat yang memiliki pendaftaran perniagaan daripada SSM.

Walau bagaimanapun, lesen tersebut tidak dibenarkan disewa kepada warga asing. Daripada segi kerajaan Tuan Yang di-Pertua- daripada segi kementerian dan juga pihak penguat kuasa, saya kira kita serius. Kita tidak melepaskan batuk di tangga tetapi tanggungjawab ini adalah bersama. Responsif bukan sahaja oleh kerajaan, oleh kementerian bahkan oleh rakyat termasuk mereka yang mendapat lesen-lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Adrian Banie Lasimbang.

10. Tuan Adrian Banie Lasimbang minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, adakah kerajaan telah mempunyai kategori khas bagi mengiktiraf Syarikat Keusahawanan Sosial- *Social Enterprise*, dan adakah mereka diberikan insentif seperti potongan cukai dan bantuan khasnya kepada golongan usahawan muda.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Cantik bersimpuh si anak dara;
Syabas dan tahniah buat Tuan Yang di-Pertua.*

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan sosial merupakan entiti perniagaan yang didaftarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis di Malaysia dan menghasilkan impak yang positif terhadap sosial dan juga alam sekitar serta pada masa yang sama perlu mempunyai kemampuan kewangan yang baik. Kerajaan telah pun melancarkan pada tahun 2019 iaitu Akreditasi Perusahaan Sosial sebagai mekanisme untuk mengesahkan status sesuatu perusahaan sosial bagi membantu mereka mendapatkan kelayakan insentif potongan cukai serta akses kepada pelbagai bentuk bantuan dan sokongan untuk mereka mengembangkan perniagaan. Untuk melayakkan sesuatu perusahaan itu diakreditasi, ada tiga syarat utama yang perlu dipenuhi:

- (i) penubuhan sesuatu perusahaan itu haruslah mempunyai matlamat dan objektif yang ke arah positif kepada sosial dan juga alam sekitar;
- (ii) mestilah menyumbangkan sumber pendapatannya secara signifikan ke arah mencapai matlamat sosial dan juga alam sekitar; dan
- (iii) perusahaan itu juga perlu mempunyai kemampuan kewangan iaitu mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus daripada jumlah pendapatan tahunannya melalui hasil jualan, barangan ataupun perkhidmatan dan bukannya daripada pendapatan sumbangan ataupun geran.

Akreditasi Perusahaan Sosial ini akan menerima pelbagai manfaat antaranya seperti:

- (i) disenaraikan dalam direktori awam yang membolehkan sesuatu masyarakat mendapat maklumat mengenai sesuatu perusahaan sosial;
- (ii) dimasukkan dalam program pembelian sosial bagi membolehkan perusahaan sosial ini memasarkan produk ataupun perkhidmatannya dengan lebih meluas di samping menggalakkan perusahaan sosial oleh sektor awam dan juga badan-badan korporat;

- (iii) mendapat akses kepada pembiayaan bagi membantu perusahaan sosial mengembangkan perniagaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan manfaat dan juga impak kepada masyarakat serta alam sekitar; dan
- (iv) menerima layanan potongan cukai ke atas sumbangan tunai yang diberikan kepada perusahaan sosial sebagaimana termaktub di bawah subseksyen 44(11c) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Soalan tambahan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan. Soalan tambahan saya, apakah galakan yang diberikan oleh kerajaan untuk memastikan lebih ramai belia-belia menceburi perusahaan sosial ini khususnya apabila COVID-19 ini yang mana terdapat banyak norma-norma baharu yang telah membuka peluang kepada perusahaan sosial ini untuk memenuhi keperluan semasa. Itu soalan saya, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang cukup baik yang mana kita tengok kerajaan komited dalam membantu perusahaan sosial di Malaysia terutama sekali dalam menghadapi wabak pandemik COVID-19. Sehingga 31 Ogos 2020, sebanyak 348 perusahaan sosial telah pun berdaftar di platform akreditasi ini dengan sejumlah 319 berdaftar sebagai SE asas dan sejumlah 29 perusahaan sosial telah pun menerima Sijil Akreditasi Perusahaan Sosial daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Daripada itu, kita melihat bahawa jumlahnya sikit, tidak banyak. Daripada *survey* ataupun kajian yang dibuat oleh *British Council*, yang telah menyatakan pada tahun 2018 sebanyak 7,257 iaitu 0.8 peratus sahaja- yang cukup rendah kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain. Kalau kita tengok Filipina sejumlah 20.1 peratus, Thailand sejumlah 40.3 peratus dan Indonesia dua peratus yang mana kesedaran terutamanya di kalangan muda ini cukup rendah.

Oleh sebab itulah, kita harus meningkatkan lebih banyak lagi program-program kesedaran terhadap perusahaan sosial ini selain daripada kita mengembangkan lagi perusahaan sosial ini kepada peringkat koperasi. Hari ini hanya di peringkat usahawan dan juga syarikat-syarikat. Akan tetapi, kali ini kita ingin mengembangkan lebih banyak lagi dengan melibatkan sekali lagi dengan koperasi.

Yang ketiganya, kita juga ingin hala tuju lebih jauh lagi dengan mengadakan *blueprint* perusahaan sosial yang mana mengambil kira Dasar Keusahawanan Negara 2030 dan juga

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan mengambil hala tuju yang lebih jauh lagi supaya lebih ramai lagi anak muda dapat melibatkan diri dalam perusahaan sosial ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair.

11. Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, mengenai Pakej Prihatin PKS Tambahan yang diumumkan kerajaan dilihat tidak menjurus kepada sektor IPTS. Apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membantu IPTS yang terjejas.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, tahniah Tuan Yang di-Pertua ke atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang bertanyakan soalan ini yang cukup prihatin berkenaan dengan isu dan juga kepentingan IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya prihatin terhadap prestasi dan kelestarian IPTS, terutamanya dalam menghadapi cabaran COVID-19. Selaras dengan itu, pada 4 Mei 2020 KPT telah membentangkan kertas kerja bertajuk, dengan izin, "*Private Higher Education Institutions: Mitigating The Impact of COVID-19 and Inherent Challenges for National Economic Recovery*" kepada *Academic ASEAN Council (EASA)*. Susulan pembentangan tersebut dan melihat kepada kepentingan IPTS terhadap pertumbuhan ekonomi negara, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Mei 2020 telah bersetuju untuk mengiktiraf pendidikan tinggi swasta sebagai satu industri pertumbuhan ekonomi strategik.

Justeru, KPT telah menubuhkan satu *national level taskforce* iaitu Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudah Cara IPTS sebagai industri iaitu PEMUDAH IPTS. Empat jawatankuasa kerja yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Kerja Dasar, Governan dan Prosedur yang bertujuan untuk menambah baik dasar tadbir urus dan peraturan untuk membolehkan IPTS berdaya saing;
- (ii) Jawatankuasa Kerja Kelestarian Kewangan IPTS adalah bagi memudah cara IPTS dalam pengurusan kewangan;
- (iii) Jawatankuasa Kualiti Pelajar, Program dan Institusi adalah bagi menambah baik kualiti dari segi akreditasi dan pengiktirafan; dan
- (iv) Jawatankuasa Kerja Pengantarabangsaan dan Promosi adalah bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa.

Pasukan ini Tuan Yang di-Pertua akan mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh IPTS serta mencadangkan penyelesaian terbaik agar IPTS dapat bergerak maju dan berdaya saing di peringkat global. Komposisi keahlian pemudah IPTS adalah terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan juga IPTS bagi memastikan sinergi dalam menjayakan sasaran menjadikan IPTS sebagai satu industri.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah di atas, bantuan-bantuan lain yang telah diberikan kepada pelajar institusi pengajian tinggi termasuk IPTS juga adalah seperti berikut.

Pertama, peruntukan sebanyak RM52,202,412 disalurkan kepada lebih seramai 82 ribu orang pelajar yang berada dalam kampus semasa tempoh PKP dengan memastikan makan minum mereka terjaga.

■1120

Kedua, KPT telah memberikan bantuan secara *One-Off* sebanyak RM200 kepada setiap pelajar IPT di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat. Bantuan ini sahaja telah melibatkan peruntukan sebanyak RM168,292,800 dan memberikan manfaat kepada 841,464 pelajar.

Ketiganya, seramai 59,471 pelajar telah dihantar pulang sepanjang tempoh PKP dan PKPB bermula 27 April 2020 sehingga 4 Jun 2020. Daripada jumlah tersebut seramai 3,033 pelajar menaiki penerbangan dari Sabah ke Semenanjung dan 2,054 pelajar dari Sarawak ke Sabah dan 8,620 pelajar dari Semenanjung ke Sabah. Kos kewangan keseluruhan yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak KPT bagi urusan penghantaran pelajar IPT adalah sebanyak RM17.3 juta.

Keempatnya Tuan Yang di-Pertua, peminjam PTPTN juga telah diberi penangguhan bayaran balik pinjaman bermula 19 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020. Inisiatif ini dapat memberi manfaat kepada 1.5 juta peminjam dengan jumlah bayaran balik ditangguhkan sebanyak RM790 juta. KPT juga bekerjasama secara rapat dengan KKM melalui perkongsian kepakaran dan fasiliti dalam melaksanakan ujian saringan dan menyediakan rawatan.

Sehingga 17 Jun 2020, Hospital Pengajar Universiti berjaya membantu KKM dengan membuat 49,542 ujian saringan serta mengendalikan seramai 2,780 PUI iaitu *Patient Under Investigation*, dengan izin, dan 508 pesakit yang positif COVID-19. Perkara ini juga merupakan satu obligasi sosial yang ditunjukkan oleh KPT.

KPT juga Tuan Yang di-Pertua, menawarkan geran khas bagi menjalankan penyelidikan dalam 20 bidang kritikal yang dikenal pasti berkait rapat dengan masyarakat bagi menghadapi pasca COVID-19. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada tambahan?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Yang pendek. Kebanyakan IPTS...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Biasakan dengan soalan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya. Soalannya, apakah kementerian sedia memberi kelonggaran bagi IPTS untuk terus menerima pelajar dan mendapat khidmat pensyarah pakar dari luar negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Timbalan Menteri fikir benda ini tidak berkaitan tidak payah jawab, tetapi kalau hendak jawab boleh.

Dato' Mansor bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betul, soalan ini terkeluar sikit daripada tajuk asal. Namun demikian, kemasukan pelajar antarabangsa memang menjadi satu perkara pokok yang menjadi kepentingan kepada IPTS di seluruh negara. Kerajaan dan KPT memang prihatin tentang perkara ini. Namun demikian, oleh sebab keadaan sekarang seperti pelajar-pelajar yang banyak sekarang yang datang ke negara kita ini adalah daripada China, *Xiamen University*, Bangladesh dan Indonesia yang ketiga dan kebetulan di antara negara-negara ini yang terkesan besar dengan COVID-19.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, maka kita mengikut peraturan daripada KKM dan juga MKN. Sekiranya pemudah cara ini dapat dilaksanakan, maka KPT tidak ada halangan sekiranya mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya pergi kepada soalan nombor 12, Datuk John Ambrose. Kita ada lagi enam minit.

Datuk John Ambrose: Tahniah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

12. Datuk John Ambrose minta Menteri Kerja Raya menyatakan, inisiatif kerajaan untuk menggalakkan penglibatan pekerja tempatan dalam industri pembinaan. Apabila kerajaan telah mengumumkan pembekuan pengambilan baharu pekerja asing.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: ...Dan salam sejahtera. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mewakili BERSATU Negeri Sembilan ingin merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan juga memberi peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan, CIDB telah menyediakan program kepada belia dan pekerja tempatan melalui program-program

yang akan dapat membantu mereka menceburi bidang pekerjaan dalam industri pembinaan. Antara inisiatif yang disediakan adalah seperti berikut.

Pertama, program latihan kompetensi. Kemahiran belia dalam bidang berimpak tinggi seperti program menyediakan peluang latihan kompetensi kemahiran di enam Akademi Binaan Malaysia dalam trend berimpak tinggi seperti, dengan izin, *welding, scaffolding erection, air conditioning, ventilation, wireman, charge man, gas pipe fitting, blasting and painting, none destructive testing, train operation, plant operation, plumbing* dan tujuan penempatan di dalam industri pembinaan.

Kedua, program perintis industri pembinaan. Program ini untuk lepasan pelatih dalam bidang kemahiran pembinaan bagi pendedahan dan memberi pengalaman bekerja dengan menempatkan mereka di syarikat majikan dalam sektor pembinaan.

Ketiga, program latihan kompetensi, kemahiran personel binaan. Melaksanakan program latihan kemahiran termasuklah, dengan izin, *reskilling, upskilling, multiskilling* dan penilaian kompetensi kepada personel binaan tempatan atau yang diberhentikan kerja dalam bidang kompetensi kemahiran bagi tujuan meningkatkan peluang pekerjaan.

Keempat, pekerja tempatan dari sektor lain yang diberhentikan. Menyediakan program latihan dan penempatan pekerjaan kepada pekerja tempatan dari sektor lain yang telah diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Ya, selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf. Program-program ini terbuka kepada warga negara berumur di antara 18 tahun hingga 50 tahun. Peserta akan mengikuti latihan kompetensi kemahiran di Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan seterusnya menjalankan penempatan kerja bersama industri kontraktor. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Oleh sebab kekangan masa, saya jemput Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

13. Tuan Robert Lau Hui Yew minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi menaik taraf perkhidmatan Pos Malaysia di Sarawak, memandangkan populariti e-dagang semakin meningkat, yang mengakibatkan kelewatan dalam penghantaran bungkusan dan berbaris panjang di pejabat-pejabat Pos Malaysia.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Senator, Pos Malaysia sentiasa prihatin terhadap kebajikan dan para pelanggan serta rakyat secara amnya.

Sehubungan itu, Pelan Transformasi Pos Malaysia telah mula melaksanakan pada tahun 2019 dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan. Ini termasuk menambahbaikkan dan pengembangan *touchpoint*, dengan izin, meningkatkan kapasiti pemprosesan dan serahan melalui penyumberan luar- *crowdsourcing*, dengan izin, memberi tumpuan kepada sektor e-dagang serta meluaskan proses digitalisasi untuk memperkasakan sistem pos sedia ada supaya dapat memenuhi keperluan perniagaan dan terus kekal relevan.

Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan lebih ramai pengguna beralih kepada kaedah pembelian secara *online*. Untuk meningkatkan berkaitan jumlah pembungkusan diterima, adalah jauh lebih tinggi daripada kapasiti pemprosesan dan serahan yang sedia ada.

Untuk makluman, Pos Malaysia mempunyai kapasiti pemprosesan bungkusan antara 300 ribu item hingga 400 ribu item sehari. Dengan peningkatan kapasiti secara mendadak ini, Pos Malaysia perlu memproses item antara 600 ribu item, dan 800 ribu item sehari bersamaan dengan peningkatan 100 peratus.

■1130

Pelaksanaan PKP juga telah menyebabkan banyak syarikat penerbangan komersial membatalkan penerbangan ke Sabah dan Sarawak. Pengurangan bilangan penerbangan secara drastik ini telah menyebabkan *impact* terhadap kapasiti penghantaran item ke Malaysia Timur dan seterusnya menyebabkan kelewatan penghantaran. Bagi mengatasi situasi ini, Pos Malaysia telah mengambil langkah segera untuk meningkatkan kapasiti pemprosesan dengan penghantaran item di seluruh negara terutamanya ke Sabah dan Sarawak seperti berikut. Menggunakan perkhidmatan penerbangan kargo daripada beberapa syarikat tempatan dan serantau bermula pertengahan April 2020 bagi menggantikan kekurangan penerbangan komersial.

Melalui inisiatif ini Pos Malaysia dapat meningkatkan kekerapan penerbangan Sabah dan Sarawak. Ini membolehkan peningkatan kapasiti pengangkutan kargo daripada 200 tan seminggu sebelum ini kepada 510 tan buat masa ini. Pos Malaysia juga telah menambah seramai lebih kurang 1,300 kakitangan separuh masa untuk mempercepatkan pemprosesan dan isian bungkusan di pusat-pusat Pos Laju seluruh negara sejak 1 April 2020. Dengan jumlah ini sebanyak 30 peratus adalah pelantikan di Sabah dan Sarawak.

Bagi meningkatkan kapasiti serahan kepada penerima bungkusan, Pos Malaysia telah menambah bilangan ejen serahan di bawah program Pos Rider. Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Transformasi Pos dan melantik ejen serahan bagi membantu kakitangan dan serahan sedia ada... [Rakaman kurang jelas]

Tuan Yang di-Pertua: Kita sudah melampaui masa Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Okey, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila... [*Rakaman kurang jelas*]

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana rayuan khas daripada OKU, kita benarkan Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi. Ada?

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: Ada. *Assalamualaikum.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

14. Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah tindakan pihak Kementerian terhadap premis yang gagal mematuhi peruntukan seksyen 34A, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam yang menguatkuasakan MS1184 dalam menyediakan infrastruktur lengkap bagi kemudahan golongan OKU?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi tindakan penguatkuasaan terhadap premis yang gagal menyediakan infrastruktur lengkap bagi kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) terdapat dalam seksyen 34A, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1994 yang terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan.

UKBS 1994 ini merupakan undang subsidiari di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] dan diwartakan oleh kerajaan negeri untuk dikuatkuasakan oleh PBT. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat pemantauan terhadap pewartaan UKBS... [*Batuk*] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua- di semua negeri bagi memastikan ia dapat dikuatkuasakan di peringkat PBT.

Pada masa ini, sejumlah 12 negeri yang telah mewartakan UKBS, seksyen 34A iaitu di Semenanjung Malaysia. Sebarang pemajuan ataupun pembangunan yang gagal menyediakan kemudahan infrastruktur lengkap bagi kemudahan golongan OKU boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun serta boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan itu berakhir sudah soalan dan jawapan bagi soalan-soalan lisan. Saya bawa ke pemerhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sampai hari ini kepada 14 soalan. Jadi, jika rekod seperti ini dapat kita capai, lebih ramai Ahli-ahli Yang Berhormat memperoleh jawapan-jawapan daripada

kementerian-kementerian yang berkenaan. Jika kita lihat senarai soalan-soalan yang ada pada hari ini sahaja iaitu sebanyak 22 soalan, bermakna hari ini kita selesai dengan 14 soalan.

Maksud saya kita harus memberi keadilan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya soalan mereka dijawab oleh para Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga sekali gus kita pohon agar Yang Berhormat Menteri di kementerian masing-masing akan kita cuba hubungi supaya Dewan ini disertai oleh mereka dalam keadaan yang selesa dan dapat bersikap adil. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung prosesnya dan sila Setiausaha teruskan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul dibaca bagi menyambung semula perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas."

[2 September 2020]

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu 2 hingga 9 September, perbahasan selama lima hari diuntukkan bagi perbahasan Titah Diraja. Jawapan oleh para Menteri adalah pada hari Khamis, 10 hingga 15 September yakni selama tiga hari. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari untuk meneruskan.

11.35 pg.

Dr. Yaakob bin Sapari: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan satu rangkap pantun iaitu:

*Mari berehat di pokok angsana;
Sambil berehat sambil makan;
Tuan Yang di-Pertua sangat bijaksana;
Tahniah saya ucapkan.... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika perasmian Dewan Negara di Parlimen yang lalu. Saya menjunjung kasih di atas nasihat dan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan memulakan ucapan dengan rasa mendengar segala nasihat Tuan Yang di-Pertua agar kita hendaklah di Dewan Negara ini satu bersifat *non politics* dalam membahaskan apa-apa ucapan kita di sini. Bagi memulakan ucapan saya, saya memetik kata negarawan daripada Jerman yang sangat popular. John Emerich Edward Dalberg-Acton ataupun Lord Acton, ini sangat popular beliau punya ucapan. Saya minta izin.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

“Power tends to corrupt, and absolute power corrupts absolutely. Great men are almost always bad men”. Ini mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh komenlah.

Orang yang baik, kalau ada kuasa penuh pun kadang-kadang jadi tidak baik. Oleh sebab itulah, ingatan ini disebut di dalam surah Al-Alaq ayat 6-7.... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampau batas. Dengan sebab ia melihat dirinya sudah cukup apa yang dihajatnya”.* Ini dia punya makna di dalam Al-Quran.

Kalau kita lihat dalam Tafsir Mufassir, kecukupan itu pertama disebut dia- cukup harta. Kedua disebut dia- cukup kuasa. Maknanya, orang yang cukup harta dan cukup kuasa ada *tendency* akan menjadi manusia yang melampau batas. Oleh sebab itu, kalau lihat di dalam sejarah diktator-diktator di dalam dunia, dia asalnya baik. Akan tetapi, menjadi diktator, bila masa dia berkecukupan segala-galanya. Oleh sebab itulah, kuasa ini kena dibahagi-bahagikan.

Oleh sebab itulah, semalam Tuan Yang di-Pertua merujuk konsep *separation of powers*. Ini popular seorang negarawan Perancis, Charles-Louis de Secondat, Baron de La

Brède et de Montesquieu, ini ucapan yang paling popular dalam rujukan *separation of powers* supaya kuasa itu dibahagi-bahagikan. Tidak boleh kuasa itu dipusatkan.

Oleh sebab itu ada istilah legislatif, eksekutif, *judiciary*. Oleh sebab itu, kita di Parlimen ini kalau boleh saya setuju reformasi Parlimen ini dilaksanakan. Saya lihat ada satu *paper*, satu kertas jawatankuasa tahun 2016 diperintahkan oleh Dewan Rakyat untuk dicetak. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pada ketika itu Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Mulia. Ada *paper* soal untuk menyemak Akta Parlimen 1962, kajian mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, *sorry*.

Paper ini telah pun siap pada tahun 2016 tetapi tidak dibawa di dalam Parlimen. Saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan, apakah kerajaan bersedia untuk menyemak semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan? Saya rasa *paper* yang baik dan di dalam janji reformasi juga untuk menyemak dan *paper* ini tahun 2016 telah pun siap.

■1140

Saya rasa boleh disemak semula agar kita menghayati benar konsep pengasingan kuasa di mana eksekutif, legislatif dan pihak kehakiman juga diasingkan. Saya terasa benarlah semalam, ketika hendak melantik Tuan Yang di-Pertua ini seolah-olah ada campur tangan eksekutif ke dalam Dewan Negara.

Saya tahu ada perbincangan sedikit apakah kelayakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencalonkan, kenapa tidak dimulihkan, dimurnikan supaya cadangan daripada Ahli-ahli Dewan Negara sedangkan ada Menteri atau Timbalan Menteri yang daripada Dewan Negara yang boleh mencadangkan. Walaupun saya hormat keputusan Speaker semalam muktamad tetapi saya rasa kalau hendak dimurnikan, kita kena betulkan. Kalau salah kita kena betulkan. Jadi supaya konsep pengasingan kuasa itu benar-benar dihayati di dalam Parlimen ini.

Seterusnya, saya hendak merujuk semua- ramai pembahas merujuk kesan kepada pandemik COVID-19. Kalau kita lihat dalam laporan statistik, semua merujuk yang ini, "*Ketua Perangkawan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, kadar pengangguran terus meningkat 0.3 peratus bagi perbandingan bulan ke bulan, ketika itu dia kata bulan ke bulan kepada 53 peratus berikutan bilangan pengangguran bertambah sebanyak 47,300 kepada 826,100 orang dan menurun*".

Saya hendak merujuk yang ini ialah kesannya kepada graduan-graduan universiti yang akan keluar universiti yang sangat terkesan kepada masalah pengangguran ini kerana industri mengecilkan saiz. Dalam keadaan begini logiknya industri akan mengecilkan saiznya dan tiada pengambilan kakitangan baharu. Sudah pasti sektor kerajaan juga tidak membesarkan saiz kakitangannya bahkan kakitangan kontrak yang ada pun hendak dikecilkan.

Jadi apakah penyelesaian kita pada graduan-graduan ini? Apakah cadangan kita untuk membantu graduan ini supaya tidak terkesan pengangguran bila mereka keluar daripada universiti nanti dan sudah pasti kesan kepada COVID-19 ini bukan sekarang. Oleh sebab sekarang ini masih dalam peringkat moratorium di mana peminjam-peminjam bank dikecualikan daripada membayar bank sampai pada bulan September dan kesannya akan terasa pada bulan Oktober nanti di mana pihak bank akan mula menuntut pinjaman mereka.

Sudah pasti ini kesannya tadi syarikat-syarikat akan mengecilkan saiz atau membuang kakitangan. Kita sudah terdengar sebahagian besar *pilot* pun kena buang kerja, pramugari kena buang kerja, *engineer* kena buang kerja bila mana sektor-sektor pelancongan terkesan langsung dengan COVID-19 ini. Cadangan saya ialah supaya pelajar-pelajar universiti itu dilengkapkan ilmu keusahawanan ketika di universiti. Saya pernah menjadi panel kepada Kementerian Pelajaran, ketika itu Kementerian Pengajian Tinggi untuk kita membantu menyiapkan modul keusahawanan untuk universiti-universiti tempatan dan juga IPTS-IPTS.

Akan tetapi silibus yang ada ketika itu Tan Sri juga di UiTM ketika itu, kita hanya perkenalkan dua elektif, dua kredit elektif. Audit elektif saya rasa tidak mencukupi. Kalau kita hendak membantu mereka, saya menasaskan 30 peratus daripada graduan masuk ke pasaran ekonomi dengan menjadi usahawan sebab dengan menjadi usahawan ini dia akan mendapat pendapatan lebih berbanding dengan makan gaji.

Saya dapati *our best student*, pelajar terbaik kalau mereka hanya makan gaji hendak dapat RM10 ribu hendak pencen pun tidak dapat. Akan tetapi seandainya mereka masuk pasaran dan menjadi usahawan saya rasa RM10 ribu itu mereka boleh capai dalam peringkat yang lebih awal lagi. Oleh itu saya mencadangkan supaya universiti-universiti ini memperkenalkan subjek keusahawanan ini lebih meluas dan dibenarkan kepada mahasiswa universiti ini supaya dia boleh berniaga.

Kita sudah pinda Akta Universiti (AUKU) yang lepas, itu hanya membenarkan mahasiswa terlibat dalam politik tetapi masih ada halangan untuk mahasiswa aktif dalam perniagaan. Oleh sebab itu supaya latihan-latihan ini diberi ketika di universiti lagi. Lebih-lebih lagi pelajar politeknik, kolej vokasional, kolej komuniti yang mereka lebih mudah untuk kita latih untuk menjadi usahawan, sesuai dengan Revolusi 4.0 para mahasiswa hendaklah dilengkapkan dengan ilmu semasa, *e-Commerce* dan sebagainya. Saya rasa sekarang sudah ramai juga mahasiswa yang terlibat dalam *e-Commerce* secara kecil-kecilan. Harapan kita bila mereka keluar daripada universiti nanti mereka boleh bersaing untuk menjadi usahawan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dalam sektor pertanian, bagaimana sektor pertanian boleh membantu memberi peluang pekerjaan. Kita maklum bahawa kerajaan mengimport ataupun Malaysia mengimport RM52 bilion barang makanan daripada luar negara. Ini juga jumlah yang besar. Saya menasaskan seandainya kita dapatkan kurangkan

50 peratus kebergantungan kepada import makanan, sudah pastilah besar peluang pekerjaan yang boleh disediakan kepada orang muda khususnya untuk terlibat dalam bidang pertanian.

Contohnya, ialah untuk tenusu, daging dan tenusu, kita import RM9 bilion sebab pengeluaran tenusu dan daging dalam negara masih kecil. Saya rasa sektor ini boleh memberi peluang yang besar kepada orang muda untuk terlibat dalam industri pertanian. Sebagai contoh, seandainya seorang penternak boleh menjual 10 ekor sahaja lembu dengan harga RM4,500 dia dapat pendapatan sekitar RM3,000 sebulan, hanya jual 10 ekor lembu sahaja. Bukan payah sangat hendak bela 10 ekor lembu.

Oleh itu saya mencadangkan supaya Lembaga Ternakan Ruminan ini hendaklah disegerakan. Saya sudah ucap di dalam ucapan yang lepas. Saya difahamkan *paper* untuk Lembaga Ternakan Ruminan ini telah siap tetapi tidak dibawa dalam Parlimen lagi. Apakah masalah kementerian untuk mewujudkan Lembaga Ternakan Ruminan ini bagi kita membantu memperbesarkan lagi industri ruminan ini?

Saya rasa kalau sawah-sawah yang terbiar di Kelantan atau Terengganu lebih ekonomik ditukar kepada industri ternakan ruminan berbanding sawah. Saya berjumpa penternak-penternak di Kelantan dan Terengganu yang menternak di dalam kawasan seluas yang ada itu, ianya lebih menguntungkan berbanding kalau dia menanam padi di kawasan itu dengan bekalan air yang tidak cukup.

Saya pergi ke Baling, saya mendapati masalah kepada petani di Baling ialah pertama saiz tanahnya kecil, untuk sawah, tiada bekalan air yang mencukupi. Kemudian untuk getah saiznya kecil 3 ekar, ke 4 ekar, untuk dusun juga begitu iaitu mereka tidak mengusahakannya sebab tidak ekonomik untuk mengusahakan pertanian pada skala yang kecil.

Akan tetapi saya ada pengalaman bersama NAFAS, ketika saya menjadi *Board* NAFAS seorang penternak ayam di Baling dengan menternak sekitar 9,000 ekor dan kita *sign* kontrak dengan mereka, pendapatannya sekitar RM8,000 sebulan. Maknanya saiz tanah yang kecil tidak boleh tumpukan lagi untuk tanaman getah atau padi ataupun dusun. Itu saya cadangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kena ada geran yang besar untuk menukar bentuk pertanian yang ada.

Kemudiannya, satu lagi yang saya hendak sentuh ialah bantuan untuk IKS. Ada satu *paper* PENJANA yang memberi tumpuan besar kepada IKS. Ini kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*Peruntukan sebanyak RM2 bilion diberi untuk membantu IKS*". Saya difahamkan peruntukan itu telah habis dan Bank Rakyat sudah tidak mampu hendak proses lagi permohonan kerana peruntukan yang ada ini sudah habis dan tidak mencukupi. Saya mencadangkan untuk bantuan IKS ini juga hendaklah ditambah dan dibesarkan.

■1150

Satu lagi poin saya ialah, saya sangat prihatin dengan Kelantan, walaupun saya bukan orang Kelantan. Saya dah banyak kali sebut fasal ini. Saya turun bersama-sama bantuan banjir di Kelantan, saya lihat kemusnahannya berbilion. Ketika banjir besar di Kelantan, tiga suku Kelantan tenggelam. Saya melihat kemusnahannya sangat besar. Saya rasa Yang Berhormat dari Kelantan kena tolong saya ini, kena pastikan yang ini jadi.

Kalau kita lihat, tujuan *maqasid syariah* ialah untuk menjaga antaranya menjaga nyawa dan harta. Menjaga nyawa bukan hanya daripada rompakan atau pembunuhan, menjaga nyawa juga daripada kemusnahan alam sekitar. Menjaga alam sekitar juga termasuk dalam *maqasid syariah*. Saya rasa masalah banjir di Kelantan ini boleh diatasi dengan kita membuat satu *dam* besar di kawasan Kuala Krai dan Gua Musang.

Saya difahamkan ada kajian daripada JICA telah pun dibuat. *JICA study* telah pun dibuat supaya dibina *dam*. Pertamanya untuk mengurangkan aliran air turun ke bawah sebab yang banyak banjir bermula dari Kuala Krai. Keduanya untuk bekalan air Kelantan. Saya pergi Kelantan, orang Kelantan ramai buat *underground water* dalam rumah-rumah. Ketiganya untuk bekalan tenaga elektrik.

Oleh sebab itulah saya mencadangkan bersempena ada ramai Menteri dari Kelantan sekarang ini. Dulu Kelantan dianaktirikan, sekarang ada Menteri. Menteri Alam Sekitar dan Air dari Kelantan, Menteri Pendidikan dari Kelantan, Menteri Parlimen dan Undang-undang dari Kelantan, Menteri Wilayah Persekutuan dari Kelantan. Takkanlah empat orang Menteri tidak boleh tolong Kelantan ini. Ada lagi? Lima Timbalan Menteri lagi, takkanlah.

Saya hendak beri motivasi kepada Menterilah, kalau boleh dapatkan peruntukan RM6 bilion dalam bajet akan datang ini. Sebagai motivasi kepada mereka, kalau tidak dapat RM6 bilion, elok letak jawatan sahajalah. Jumlah RM6 bilion bukan untuk sekali, untuk sepanjang program mungkin lima tahun, untuk membantu antaranya:

- (i) mengurangkan bencana banjir;
- (ii) bekalan air Kelantan; dan
- (iii) untuk sumber tenaga.

Saya difahamkan pihak TNB sanggup melabur untuk sumber tenaga dan pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) juga sedia untuk bantu. Saya harapkanlah supaya yang ini diberi ke Kelantan.

Saya juga melihat perbincangan tadi soal *connectivity internet*. Tidak payah Sabah dan Sarawak, di kampung saya di Pontian, Johor, anak-anak terpaksa buat *assignment* di *McDonald's* Pontian. Sebab apa? Sebab di kampung saya internetnya sangat lemah. Kenapa-saya tengok dari jawapan tadi dikatakan kena membina 280 buah menara untuk bekalkan ke seluruh negara. Saya cadangkan supaya Telekom ataupun pihak berwajib, kita gunakan

satelit. Negara-negara lain gunakan satelit sebagai pemancar untuk memastikan bekalan internet ini sampai sebab hendak sampai ke pedalaman Sabah dan Sarawak itu. Bila nak sampai kalau nak tunggu kita pakai menara? Gunakan teknologi terkini. Takkanlah hendak pasang *fibre optic* sampai ke Bario di Sarawak ataupun sebab Sabah, Sarawak, Sarawak banyak sungai atau Sabah.

Saya cadangkan teknologi yang terbaharu apa dia, untuk memastikan sambungan internet komunikasi ini sampai. Baru kita sedar bila mana COVID-19 berlaku, soal pendidikan melalui talian ini tidak dapat dilaksanakan. Kementerian mengaku bahawa tidak dapat dilaksanakan pendidikan melalui talian sebab kita tidak ada kemudahan internet yang mencukupi. Jadi saya cadangkan pihak kerajaan supaya ambil inisiatif yang lebih ke hadapan dalam penyelesaian masalah *connectivity* ini.

Puan Asmak binti Husin: Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tadi saya hendak bertanya soalan berkaitan dengan *connectivity* ini pada soalan pertama tadi tetapi sebab kita tidak dibuka soalan tambahan lebih daripada satu.

Jadi saya mungkin ingin tanya kepada Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob iaitu sekarang berbanding dengan *broadband internet* yang *wireless*, kita lihat kalau di peringkat antarabangsa mereka mula melabur untuk kita panggil *white-space technology*. Saya tidak pasti dalam Bahasa Melayu diterjemahkan sebagai apa? *TV white-space technology* yang mana frekuensinya lebih jauh kilometernya berbanding dengan yang kita menggunakan pencawang yang ada. Satu lagi, halangan-halangan itu dapat diatasi dengan lebih.

Jadi saya mungkin ingin tanya pandangan Yang Berhormat Senator juga, maksudnya di sini adakah Malaysia ini sudah mula melabur juga dalam teknologi *white-space* atau sudah mula mengadakan uji lari berkaitan dengan perkara ini. Ia sebab dalam kajian, ia lebih murah daripada pemasangan pencawang elektronik yang ada. Sekian, terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya sebut tadi bahawa supaya Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini menggunakan teknologi terkini untuk kita memastikan *connectivity* internet boleh sampai seluruh pelosok negara ini. Sekarang jawapan tadi, hanya 280 buah menara dibina. Sudah pasti tidak cukup sebab kos membina menara juga mahal. Oleh itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kalau boleh teknologi-teknologi terkini digunakan untuk selesaikan masalah ini. Sekarang *e-commerce* sudah jadi trend. Maknanya kalau ada *e-commerce*, dalam pedalaman pun kita boleh berniaga.

Jadi terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan kepada saya. Kita harapkan supaya kerajaan yang ada ini akan terus membantu rakyat dan kita maklum bahawa wabak COVID-19 ini memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, terima kasih banyak ya. Sambung pula Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, silakan.

11.57 pg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, pertama terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena dengan pembukaan Parlimen Penggal Ketiga pada 18 Mei lalu.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan kita kali ini berlangsung lebih kurang enam bulan pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah bertukar daripada Pakatan Harapan kepada Perikatan Nasional. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan serta semua barisan Kabinet beliau.

Semoga barisan pentadbiran baharu ini dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh tanggungjawab. Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan PN ini kerajaan yang tidak sempat berbulan madu kerana sebaik sahaja mengambil alih pentadbiran, mereka terus sahaja berhadapan dengan cabaran yang begitu besar iaitu menangani pandemik akibat penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia dan termasuk negara kita.

Sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan Kabinet kerana berjaya mengharungi cabaran awal ini dengan cemerlang. Tidak lupa juga tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada para wira dan wirawati kita yang terdiri daripada kakitangan perubatan, anggota-anggota keselamatan, kakitangan awam serta semua pihak yang terlibat yang berada di saf hadapan- *frontliners* dalam menangani atau mengawal COVID-19.

■1200

Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana atas kurniaanNya kita mampu mengharungi ujian hebat ini. Walaupun kita belum pulih sepenuhnya tetapi jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara lain yang masih lagi bergelut dengan peningkatan kes jangkitan, maka situasi kita dikira sudah lebih baik.

Walau bagaimanapun, wabak ini masih belum berakhir. Malah penawar ataupun vaksinnya masih belum berjaya dihasilkan. Justeru, ia boleh sahaja kembali merebak malah menjadi lebih teruk sekiranya kita leka serta mengabaikan langkah-langkah pencegahan yang telah digariskan oleh pihak yang berwajib.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan ucapan saya ini dengan menyebut sebagai sebuah negara berbilang bangsa, berbilang agama dan berbilang budaya bangsa, kita bersyukur kerana negara ini sentiasa mendapat limpah nikmat keamanan dan juga kemakmuran, dengan izin Allah SWT, di bawah payungan kepimpinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, simbol Raja berdaulat, Raja Berperlembagaan bagi negara Malaysia. Kita berdoa semoga keamanan dan kemakmuran ini berterusan dan berkekalan selamanya.

Saya mohon untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk melihat kepada Artikel 3, Perlembagaan Malaysia yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan dan kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam Persekutuan dalam konteks masyarakat majmuk.

Kita sedia maklum dan sedar bahawa mutakhir ini ada perbahasan yang menyentuh kedudukan Islam dalam Perlembagaan. Sedangkan status quo Islam sudah diperincikan dengan jelas dan telah diterima oleh semua kaum dan semua agama semasa Suruhanjaya Reid pada tahun 1957, dalam menyediakan draf Perlembagaan Persekutuan sebelum negara mencapai kemerdekaan. Selain daripada meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, semua agama diizinkan untuk diamalkan dengan aman lagi harmoni mengikut kepercayaan masing-masing tanpa ada rasa curiga antara satu sama lain.

Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan fundamental yang kukuh dalam menjamin hak kebebasan beragama dan beramal cara hidup beragama mengikut kepercayaan masing-masing. Masjid, rumah ibadat agama lain dibenarkan didirikan dalam masyarakat kita. Manakala setiap agama diraikan perayaan masing-masing dalam aman dan harmoni. Prinsip hormat-menghormati antara satu sama lain telah membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu.

Selama ini, negara kita tidak ada rekod rusuhan agama dan rusuhan kaum seperti di negara lain. Biarlah peristiwa hitam 13 Mei 1969 kekal menjadi lipatan sejarah yang tidak perlu dibuka semula buat selama-lamanya.

Saya mengambil contoh peristiwa di luar negara untuk dijadikan panduan bersama seperti mana yang berlaku dalam kes Masjid Babri di Ayodhya yang dibina dalam abad ke-16 telah diruntuhkan pada 6 Disember 1992 dengan dakwaan bahawa Kuil Ram purba berada di tapak yang sama di mana sebelum itu telah tercetus rusuhan agama yang serius dan telah mengorbankan nyawa.

Demikian juga dalam kes genosid Muslim di Rohingya mutakhir ini oleh junta tentera Myanmar yang membawa kepada pembunuhan tanpa perikemanusiaan dan seramai 730 ribu etnik Rohingya melarikan diri ke Bangladesh. Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada awal tahun ini telah memutuskan supaya Kerajaan Myanmar mengambil tindakan untuk

melindungi etnik Rohingya daripada pembunuhan beramai-ramai di mana tindakan tersebut melanggar Konvensyen 1948.

Masyarakat barat masih lagi mengalami trauma *Islamophobia* apabila berhadapan dengan umat Islam dan Islam. Peristiwa 11 September dijadikan alasan untuk menakutkan masyarakat antarabangsa terhadap Islam. Propaganda dan provokasi oleh puak anti Islam sentiasa berusaha untuk mencemarkan imej Islam dan memberi gambaran yang salah berkenaan ajaran Islam juga telah meresap masuk dalam pemikiran masyarakat majmuk di negara ini.

Dalam menyelesaikan isu-isu berkait keagamaan, kita perlu banyak mengadakan dialog antara agama dan diskusi ilmiah kerana masyarakat kita telah dibina selama ini dengan kefahaman berasaskan ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, isu undang-undang Islam perlu diperhalusi dan ditangani dengan cermat oleh pihak berkuasa dan rakyat jelata. Sejauh manakah isu perundangan Islam ini menjadi sensitif dan adakah benar ia boleh memecahbelahkan masyarakat majmuk dalam negara kita? Kefahaman terhadap undang-undang Islam di kalangan umat Islam dan bukan Islam mesti dipertingkatkan melalui pelbagai medium yang dibenarkan oleh undang-undang supaya tidak berlaku salah faham.

Kita mengajak semua pihak ketika membicarakan perundangan Islam dan undang-undang sivil dalam suasana kesederhanaan dan menghormati tradisi keilmuan bagi mengupas sesuatu ketidakfahaman di kalangan rakyat jelata dengan mudah dan jelas agar penerimaan boleh terjadi dengan baik dan harmoni. Untuk terus memberi penghakiman negatif kepada undang-undang Islam tanpa meneliti dan memahami *Maqasid Syariah* dan kaedah-kaedahnya adalah tidak adil kepada Islam dan umatnya.

Jika Dewan yang mulia ini memberi peluang untuk meluluskan undang-undang bagi menaikkan dan meluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah atau menyeragamkan pentadbiran Mahkamah Syariah seluruh Malaysia seperti Kanun Tanah Negara 1965 pada masa hadapan, makanya kedudukan Mahkamah Syariah boleh berdiri sama tinggi dengan Mahkamah Sivil dan pelaksanaan perintah ataupun penghakiman dapat dijalankan secara berkesan kepada pesalah. Di sana, kita akan dapat melihat peranan Mahkamah Syariah dalam memberi keadilan dan mendidik masyarakat.

Pertembungan barat dan Islam dalam negara kita sudah lama berakhir setelah kita mencapai kemerdekaan. Kita berhak untuk menentukan acuan pentadbiran dan perundangan negara selari dengan budaya dan adab resam bangsa Malaysia. Kita tidak terikat untuk berkiblat kepada *Common Law of England* dalam pembentukan dan penggubalan undang-undang kita. Walaupun sistem pentadbiran dan perundangan adalah warisan sistem penjajah, sampai masanya untuk kita membina negara bangsa kita dengan acuan kita, adab resam

agama budaya kita dan nilai-nilai yang baik dari barat selari dengan pegangan kita boleh kita adaptasikan dalam sistem kenegaraan ini.

■1210

Telah terbukti bahawa pertembungan barat dan timur bukan disebabkan isu agama tetapi sebaliknya lebih kepada isu kekuasaan politik, kekayaan minyak, propaganda dan juga pengaruh. Semua pihak sedia faham bahawa sumbangan Islam dalam membina tamadun manusia dari abad terdahulu sehingga sekarang, cukup bermakna. Ini kerana, Islam bukan hanya sekadar agama atau *religion* tetapi Islam ialah cara hidup. Islam tidak boleh dikaitkan dengan fahaman keganasan.

Puan Asmak binti Husin: Mohon mencelah Yang Berhormat Dato', mohon mencelah. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan isu pemerkasaan undang-undang jenayah Islam terutamanya di Kelantan, Terengganu dan sekarang di bawah kerajaan Islam adalah Kedah lah. Ada yang membuat dakwaan bahawasanya kita banyak fokus kepada pemerkasaan undang-undang jenayah Islam dan tidak fokus kepada yang lain seperti tadi isu banjir dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

Namun begitu, mungkin saya ingin bertanya, adakah benar ia berlaku begitu di Terengganu? Ini kerana, kalau kita di Kelantan kita memang bergerak serentak, membangun bersama Islam dan sekarang rakyat membangun bersama Islam bukan sahaja kita memperkasakan undang-undang jenayah.

Sebenarnya, ambil masa lama sebab lebih 10 tahun kita buat program pemahaman sahaja. Kita membangunkan juga sistem daripada sudut kekeluargaan, belia dan lain-lain. Jadi itu di Kelantan. Jadi, bagaimana pula di Terengganu Yang Berhormat Senator Dato'? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang membantu saya untuk memperjelaskan kedudukan di kedua-dua buah negeri ini. Terima kasih. Dalam konteks negara kita sudah tentu kita menolak apa jua bentuk kefahaman keganasan yang bercanggah dengan Islam sebagai agama Persekutuan. Majoriti rakyat Muslim dalam negara kita tidak pernah memandang prejudis atau sangkaan jahat kepada saudara agama lain daripada kalangan Buddha, Hindu, Kristian dan sebagainya. Sebaliknya, Islam tetap memimpin dan membimbing umat Islam untuk menghormati dan menjaga hak-hak bukan Muslim dalam semua lapangan dan institusi masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang perundangan, kita sedia maklum bahawa kita mempunyai dwi sistem iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah yang mana masing-masing tertakluk kepada bidang kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan. Kita dapati bahawa terdapat ketidakharmonian antara bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dalam beberapa kes kontroversi seperti hak penjagaan anak di bawah

umur apabila salah seorang memeluk Islam, kita diikat dengan *Law Reform (Marriage and Divorce Act) 1976* bagi perkahwinan sivil dan juga Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam Negeri-negeri bagi urusan mentadbir hak orang Islam.

Mahkamah Persekutuan mutakhir ini, dalam kes Indra Gandhi memutuskan, antara lain bahawa Mahkamah Syariah tidak kuasa semakan ke atas keputusan dibuat oleh pihak pentadbiran Jabatan Agama Islam Perak. Mahkamah Persekutuan memutuskan, urusan Mahkamah Syariah di bawah bidang kuasa negeri dan tertakluk kepada peruntukan Jadual 2.

Oleh sebab itu, kerajaan negeri hendaklah memasukkan bidang kuasa semakan dalam enakmen masing-masing. Dengan keputusan ini, Mahkamah Sivil masih mempunyai bidang kuasa membatalkan keputusan dalam hak tertentu di luar senarai Jadual 2 Perlembagaan.

Walaupun telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah, keputusan ini membuktikan kredibiliti badan kehakiman kita dalam mengharmonikan antara undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Kita juga sedar bahawa peranan legislatif termasuk Dewan Negara ini sebagai Dewan tertinggi, sebagai tempat penggubal undang-undang negara mempunyai obligasi untuk mengkaji dan melawati undang-undang bertulis yang telah dikanunkan dari semasa ke semasa. Dalam penggubalan undang-undang, kita tidak harus bersikap jumud dan *rigid*.

Kita hendaklah akur dengan perkembangan dan perubahan semasa kerana matlamat akhirnya ialah keadilan ditegakkan. Jika undang-undang sivil sepanjang masa dilihat boleh dikaji dan dipinda menurut keperluan dan tuntutan mendesak dalam institusi ekonomi, pendidikan dan keselamatan yang mengehendaki Dewan yang mulia membahaskan dan meluluskan secara pindaan atau sebaliknya sebelum diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, senantiasanya diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak, apakah perhatian sewajarnya dapat diberikan kepada rang undang-undang untuk menambah baik bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Rang Undang-undang 355 umpamanya, hendaklah dilihat dalam bentuk akademik dan melalui proses perbincangan keilmuan daripada pakar undang-undang sivil dan syariah. Jika terdapat kekurangan dan kelemahan kepada RUU tersebut, hendaklah sama-sama kita baiki selari dengan semangat Perlembagaan Persekutuan.

Setiap undang-undang digubal bermatlamat untuk memberi keadilan dan mendidik anggota masyarakat dan bukannya menghukum semata-mata. Jika dilihat daripada sudut menghukum sahaja sekali pun, jumlah denda dan hukuman penjara maksimum tetapi masih gagal mendidik pesalah untuk berubah, maka undang-undang itu dilihat gagal mencapai matlamatnya.

Oleh kerana itu, kesalahan di bawah jenayah syariah seperti khalwat dan sebagainya tidak boleh dipandang ringan lagi. Nilai denda maksimum sejumlah RM5,000 atau penjara

maksimum tiga tahun atau sebatan enam rotan tidak lagi relevan dalam konteks hari ini berbanding dengan hukuman di bawah *Penal Code* atau lain-lain akta yang sedang berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, statistik Jabatan Pendaftaran Negara tahun 2007 mencatatkan sebanyak 16,100 pendaftaran anak luar nikah berbangsa Melayu meningkat sebanyak 16,541 pada tahun 2008 dan 17,303 pada tahun 2009. Manakala statistik kes pembuangan bayi yang dilaporkan oleh PDRM menunjukkan sejumlah 396 kes dicatatkan dari tahun 2003 sehingga 2010. Puncanya bermula daripada khalwat dan akhirnya membawa kepada perzinaan. Fakta ini cukup serius untuk kita pertimbangkan. Kelonggaran peruntukan undang-undang sedia ada dalam seksyen 375 Kanun Keseksaan yang mengiktiraf jenayah rogol apabila pasangan yang cukup umur melakukan hubungan seks secara paksaan dan di luar kemahuan pasangannya.

Jika sebaliknya, tidak dianggap rogol. Seksyen 376 terpakai kepada semua termasuk orang Islam. Manakala daripada kaca mata Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri, sekalipun ada persetujuan dan kemahuan daripada perempuan bukan isteri, yakni pasangan bukan isteri, perbuatan zina sudah berlaku. Sebagaimana seksyen 25, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995. Persetubuhan luar nikah boleh membawa hukuman denda RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau sebatan tidak melebihi enam rotan. Ini bermakna bagi orang Islam kesalahan zina tidak boleh disabitkan di bawah Kanun Keseksaan melainkan ada elemen rogol.

Hanya disabitkan zina jika didakwa di bawah Enakmen Jenayah Syariah sahaja. Ada perbezaan undang-undang kepada kesalahan yang sama daripada perspektif Kanun Keseksaan dan Enakmen Jenayah Syariah. Keadaan ini mesti diperbetulkan kerana punca peningkatan kes anak luar nikah dan pembuangan bayi adalah zina. Kita mengharapkan satu kajian untuk mengharmonikan undang-undang sivil dan syariah untuk menghalang salah laku jenayah dalam masyarakat terus berkembang.

■1220

Walaupun kuasa- maaf. Tuan Yang di-Pertua, dalam kes melibatkan kemalangan berpunca daripada minuman arak yang mengakibatkan mabuk kepada pemandu dan seterusnya kematian kepada mangsa kemalangan, statistik telah menunjukkan pertambahan kadar kemalangan tersebut. Desakan untuk meminda undang-undang sedia ada oleh masyarakat dilihat kencang dan tadi dijawab oleh Yang Berhormat Menteri akan dibentangkan pindaan undang-undang ini di dalam sidang Parlimen kali ini.

Isu mabuk dilihat sensitif apabila menyentuh perasaan golongan tertentu dalam masyarakat kita. Persoalan kaum dan agama menjadi tajuk perdebatan. Bagaimana kita melihat isu ini dalam konteks perundangan semasa, sampai masanya kita memberi perhatian juga kepada keluarga mangsa kemalangan dengan memasukkan elemen pembayaran

pampasan atau dinamakan dalam istilah syarak sebagai bayaran *diyat* akibat kehilangan orang tersayang yang merupakan pencari utama rezeki keluarga. Konsep ini selari dengan prinsip keadilan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyentuh sedikit mengenai dengan Pelaksanaan Tindakan Perpaduan Negara. Saya menyokong Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam mengukuhkan perpaduan rakyat melalui Pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara. Maka ini diharap dapat menjamin kestabilan dan keamanan negara jika dihayati dan diamalkan sepenuhnya, *insyaa-Allah*. Perpaduan sudah tertentu terjalin berasaskan ikatan yang kukuh di antara kepelbagaian bangsa yang wujud. Malah, kepelbagaian ini juga merupakan *sunnatullah* untuk kebaikan manusia sejagat. Agama Islam turut mengiktiraf maruah dan martabat semua manusia supaya kita *bertaaruf* ataupun kita senantiasa berinteraksi dan saling memelihara hak di antara satu sama lain.

Sebagaimana firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] Wahai umat manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari kalangan lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan, beramah mesra antara satu dengan yang lain.*

Negara kita mempunyai kepelbagaian kaum, bangsa dan agama yang sewajarnya tidak dijadikan alasan untuk berpecah belah, betapa sempurnanya Islam. Perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti seperti menghina, mencela dan mencerooboh dilarang sekeras-kerasnya agar perpecahan dan pergaduhan mampu dicegah. Seperti mana Firman Allah SWT dalam Al-An'am, ayat 108... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Janganlah kamu cerca (ataupun mencaci) benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampau batas dengan ketiadaan pengetahuan."*

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal perpaduan, saya menzahirkan sedikit kekecewaan apabila sesetengah individu memperalatkan tulisan jawi sebagai alat politik sehinggakan tercetusnya pelbagai polemik yang tidak sewajarnya timbul. Malah, sesetengah individu mendakwa dengan mempelajari tulisan jawi ia adalah jalan untuk mengislamkan kaum mereka semata-mata. Perkara tersebut adalah satu prasangka yang langsung tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, seni khat jawi merupakan tulisan yang telah lama wujud dalam manuskrip ketamadunan Melayu di Gugusan Kepulauan Melayu sekitar abad ke-10 Masihi bersamaan dengan Tiga Hijrah. Jelas sekali, tulisan ini juga sebahagian daripada sejarah negara kita. Oleh itu, saya harap kerajaan baharu pada hari ini terutama melalui Menteri Perpaduan dan Menteri Pendidikan dapat mengukuhkan lagi perpaduan rakyat Malaysia melalui tulisan jawi.

Selain itu, saya juga berhasrat agar tulisan jawi dijadikan sebagai ejen perpaduan kaum, perkara ini termasuk menjadikan mempelajari tulisan jawi sebagai warisan bahasa yang perlu diperluaskan lagi, bukan sahaja kepada bangsa Melayu tetapi juga bukan Melayu seperti kaum Cina, India dan sebagainya. Malah, semua rakyat perlu bekerjasama dalam memartabatkan seni ini dan tidak menentanginya sama sekali bagi mengekalkan keharmonian kaum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya bersyukur kepada Allah SWT kerana rakyat di negara ini dapat hidup dengan sejahtera dan harmoni atas kesedaran bahawa perpaduan membawa kekuatan dan kejayaan. Sebaliknya, perselisihan membawa permusuhan yang mengakibatkan kehancuran negara. Oleh itu, kepelbagaian kaum, bangsa dan agama merupakan suatu kekuatan yang seharusnya kita bersama-sama pastikan agar ia kekal terpelihara dalam apa jua keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Hampir setengah jam. Banyak ilmu yang dicurhkannya. Banyak benda yang kita tidak tahu kita tahu yang disuarakan oleh Yang Berhormat kita tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang jemput pula Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

12.27 tgh.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menjemput saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya bangun untuk menyokong Titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan sesi Parlimen Keempat Belas Penggal Ketiga tempoh hari lalu. Tuan Yang di-Pertua, kita masih dan sekarang dilanda oleh COVID-19. Puncanya kita pun tidak tahu sebenarnya. Dahulu kata di Wuhan, China ada yang kata di Amerika dan ada yang kata dari haiwan dan juga binatang lain dan ikan dan sebagainya. Sebenarnya, belum ditentukan punca COVID-19.

Saya hairan juga, ada kawan mengatakan mungkin dibawa oleh kapal terbang angkasa yang pergi atas ruang angkasa, balik dan membawa kuman. Kita tahu COVID-19 itu iaitu virus dapat bermutasi. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, letaklah penyelidik atau *research* ini kepada pakar-pakar saintis dan *microbiologist*, hairan jugalah saya negara-negara yang sangat maju macam Amerika, Britain dari luar negeri China juga belum dapat menentukan atau mencari vaksin untuk COVID-19.

Justeru itu, saya hendak bertanya kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, adakah kita berlumba-lumba dengan negara yang akan mencari vaksin COVID-19 ini? Apakah tindakan kita sekarang dan nanti?

■1230

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dijadualkan berakhir pada 31 Ogos lalu telah dilanjutkan sehingga 31 Disember seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Memang saya fikir tepat. Ini juga mengambil kira pelbagai aspek dalam negeri memandangkan keadaan wabak COVID-19 dalam situasi global dan atas syor Kementerian Kesihatan Malaysia. Penularan COVID-19 ini di negara kita dan hampir semua negara lain di luar, masih belum dikatakan pulih sepenuhnya. Kes import masih direkodkan hampir setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, majoriti rakyat setuju Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang sudah dilanjutkan kepada hujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Jun tahun lalu, hasil tindakan kerajaan dalam usaha pembukaan sektor ekonomi dalam cara yang sistematik. Memang kita tidak nafikan sektor-sektor lain seperti sektor pelancongan menghadapi kesukaran akan tetapi dengan usaha pembukaan semula sektor ekonomi berkaitan pembangunan semula sektor akan bermula baik pulih lagi.

Dalam keadaan seperti mana kebanyakan sektor ekonomi masih terkawal dan tidak dilanda sangat teruk. Sebahagian kita mesti memberi ucapan tahniah kepada pihak kerajaan dan Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Bomba, RELA, Imigresen, kerajaan negeri dan semua badan-badan kerajaan, NGO dan badan sukarela. Mereka ini digelar *frontliners*, dengan izin, atau kumpulan hadapan.

Kerjasama di antara semua lapisan masyarakat dalam peperangan dengan COVID-19 dan hasilnya kita sudah capai. Setakat ini adalah menunjukkan patriotisme di negara Malaysia masih kukuh dan berapinya. Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah lupa kepada *the backroom boys*, dengan izin, atau *the unsung heroes*, dengan izin, seperti pihak perancang dan pelbagai lapisan masyarakat yang sudi menyumbang masa dan tulang mereka dalam peperangan pandemik COVID-19 itu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya memandangkan pelanjutan PKPP kepada hujung tahun ini, adakah program bantuan seperti yang diadakan selama ini akan disambung seperti moratorium dan insentif-insentif lain kepada *business sector* dan bantuan kewangan kepada isi rumah khususnya, kepada golongan B40 dan SMEs atau peniaga kecil dan sederhana. Adakah sempadan negara kita akan dibuka atau beransur-ansur?

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh hubungan terkini antara Kerajaan Persekutuan dan Sarawak. Kita rasa sekarang lebih lega dan gembira melihat hubungan

antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sarawak adalah semakin baik. Keadaan ini memang kita alu-alukan. Ketika dahulu, kita mengalami keadaan sangat sukar dalam meneruskan rancangan pembangunan dan pelaksanaan infrastruktur. Banyak prosedur diolah-alih, ditarik-tendang dan melintang-pukang.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS sudah bertemu dengan kerajaan atau bersemuka dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan isu pembayaran royalti peratus hasil produk petroleum sudah juga diselesaikan. Kedua-dua pihak sudah menarik balik usul-usul di mahkamah.

Hal pembinaan dan pengubahsuaian bangunan sekolah daif khususnya di kawasan pedalaman Sarawak yang lambat dilaksanakan kerana tidak ada sehaluan perhubungan antara pihak Persekutuan dan negeri selama hampir dua tahun. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, sudahlah selesai. Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pendidikan dalam penyelesaian perkara yang sangat rumit ini. Soalan saya, bagaimanakah prestasi pembangunan atau baik pulih sekolah daif setakat ini? Apakah cabaran dalam pelaksanaan projek ini? Bagaimanakah status projek di Sarawak yang terdahulu sudah tidak dijalankan, ia ditangguhkan atau dibatalkan?

Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kesihatan yang baru-baru ini mengumumkan akan membina sebuah hospital di kawasan pedalaman iaitu di Simpangan, Bakun dan Murum di Belaga. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, dengan rancangan pembinaan hospital tersebut, soalan saya, adakah kerajaan berhasrat membina markas tentera darat di kawasan sama yang diletakkan dua aset negara yang paling penting iaitu Hidro Bakun dan Hidro Murum dan juga di kawasan Empangan Batang Ai, Lubok Antu yang terletak dekat sempadan Sarawak dengan Kalimantan, Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya akan menyentuh perkara tentang kedaulatan negara iaitu melibatkan perairan kawasan negara Beting Patinggi Ali kerana kawasan ini kerap dicerobohi oleh kapal nelayan dan tentera laut dari negara asing. Kawasan Beting Patinggi Ali ini adalah terletak 80 batu nautika dari Tanjung Baram, Sarawak yang berada di dalam kawasan Zon Eksklusif Ekonomi Malaysia (EEZ). Berdasarkan dalam UNCLOS 1982 iaitu peruntukan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Undang-undang Laut 1982, peruntukan UNCLOS 1982 jelas mengatakan negara berpantai berhak menuntut kawasan EEZ dan pelantar benua sehingga 200 batu nautika. Tuan Yang di-Pertua, Beting Patinggi Ali adalah hanya 80 nautika dari pantai Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu isu tuntutan di perairan negara kita menjadi alasan untuk melakukan medan peperangan antara negara berkuasa besar nanti. Kita sedia maklum kapal perang Amerika Syarikat dan China pernah berada di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tentang pengeluaran kad pengenalan yang sukar untuk orang tempatan memohon, tetapi diberikan kad pengenalan sementara.

■1240

Soalan saya, adakah mereka yang diberi status bukan negara atau kad sementara yang berasal usul dari pedalaman dan daerah terpencil akan diberi status warganegara Malaysia setelah kriteria ditetapkan di bawah Perlembagaan seperti dia orang fasih berbahasa Malaysia dan dialek tempatan?

Berapa lamakah tindakan susulan Jabatan Pendaftaran Negara sebelum tarikh luput tempoh kad sementara untuk memaklumkan kepada mereka yang tinggal di pedalaman yang memohon kewarganegaraan tetapi diberi status bukan warganegara? Di tangan saya ada dua kes yang baru-baru tadi dihantar kepada saya. Jadi saya akan merujuk kes ini kepada kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan COVID-19 ini, kita bimbang dalam pengeluaran beras, makanan tempatan. Malaysia memanglah ke-22 *net importer* beras ataupun kita membeli beras daripada luar untuk 33 *million* penduduk. Ada tiga, empat bulan lalu kita dengar Vietnam akan mengehadkan eksport beras kepada kita di Malaysia. Ini sangat berbahaya. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua saya menyeru atau mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk memberi tumpuan penting kepada usaha untuk menambah baik kerja mengeluarkan atau usaha dalam mengeluarkan makanan seperti beras.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang akan saya sentuh sedikit ialah mengenai pendapatan garis kemiskinan yang ditingkatkan kepada RM2208 daripada RM990 di Semenanjung dan RM1020 di Sarawak. Soalan saya, ini akan melibatkan lebih tinggi orang di kriteria- lebih 400 ribu orang akan dikategorikan miskin daripada 20 ribu orang sekarang. Soalan saya, apakah anggaran kementerian berkenaan, berapakah akan ditanggung? Apakah kriteria untuk memastikan orang dapat bantuan daripada kementerian?

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sahajalah, saya menyokong usul ini. *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Paul Igai yang telah banyak membangkitkan ilmu-ilmu dan ungkapan yang baharu. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin, dipersilakan.

12.44 tgh.

Datuk Ng Chiang Chin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua untuk saya kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian buat kali terakhir di dalam perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 18 Mei yang lalu.

Saya merafak sembah dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia kerana telah mencemar duli bagi merasmikan Mesyuarat Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, serta menyampaikan Titah dengan penuh makna dan kebijaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, izin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelapan oleh Ke Bawah Duli Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Sesungguhnya pelantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini adalah selari dengan peruntukan di bawah Perkara 43(2)(A) Perlembagaan Persekutuan.

Semoga Yang Amat Berhormat Tan Sri terus diberikan kekuatan, kesihatan yang berkekalan untuk mengemudi pentadbiran kerajaan dengan jaya.

Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat ini merupakan mesyuarat terakhir saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya bersyukur telah diberi peluang mengalas amanah sebagai Ahli Dewan Negara sejak 10 haribulan 2014 yang lalu sehingga 9 September 2017 dan diberikan peluang menyambung tugas sebagai Ahli Dewan Negara buat penggal kedua di mana tugas saya sebagai Ahli Dewan Negara akan berakhir dalam sesi mesyuarat ini pada 9 September.

Justeru, saya ingin menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang merupakan payung negara dan menjadi tonggak kepada institusi Parlimen ini. Baik di Dewan Negara mahupun di Dewan Rakyat yang telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama terlibat di dalam proses penggubalan undang-undang di dalam negara ini. Ia adalah satu penghormatan yang sangat tinggi dan pengalaman berguna kepada saya untuk terlibat sama menyumbang kepada negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang hampir dua penggal, enam tahun saya berada di dalam Dewan yang mulia ini, pastilah banyak pengalaman dan kenangan manis yang telah saya peroleh. Mudah-mudahan dengan pengalaman saya berada di dalam Dewan Negara yang mulia ini akan membantu saya untuk terus menyumbang kepada masyarakat kelak di luar selepas tamat tempoh jawatan saya.

Tuan Yang di-Pertua, secara asasnya sistem badan perundangan di seluruh dunia ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama, sistem *bicameral* maknanya dua Dewan. Kedua, sistem *unicameral*, satu Dewan. Negara kita yang pernah dijajah British mengamalkan sistem *bicameral* yang merupakan antara 79 buah negara menurut data *Inter-Parliamentary Union* (IPU) yang masih lagi mempunyai sistem dua dewan di dalam badan legislatif di dalam kalangan negara-negara di seluruh dunia.

Jika di sorot sejarah Dewan Negara di dalam amalan demokrasi berparlimen di Malaysia. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Reid sama ada menyediakan laporan

berhubungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1957 telah dibekalkan bersama dengan terma rujukan agar cadangan Perlembagaan Persekutuan adalah untuk- *to make recommendations for a Federal form of Constitution for the country as a single independent self-governing unit within the Commonwealth based on Parliamentary democracy with a bicameral legislative*, dengan izin.

Oleh yang demikian saya yakin Dewan Negara akan terus berperanan penting dan signifikan di dalam proses pengubalan undang-undang di dalam negara seperti yang telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, bukan sahaja buat masa ini, malah pada masa hadapan juga.

Tuan Yang di-Pertua, wabak pandemik COVID-19 telah memberikan kesan terhadap politik, ekonomi, malah sosial di seluruh dunia. Data sehingga 24 Ogos 2020, jumlah kes yang dicatatkan yang berlaku di seluruh dunia telah melebihi 23 juta dengan kes kematian melebihi 800 juta orang.

■1250

Bagi negara Malaysia, sejak berlakunya COVID-19 negara ini telah mencatatkan jumlah keseluruhan kes sebanyak 9,267 kes sehingga 24 Ogos dengan 125 kematian. Data ini boleh dianggap kecil berbanding dengan dunia yang lain dan kita sungguh bernasib baik dapat mengambil langkah pencegahan lebih awal dan berjaya mengawal penyebaran COVID-19 dengan cemerlang. Tahniah diucapkan kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin dan seluruh *frontliner*, dengan izin. Barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus memastikan keselamatan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini di sini untuk kita sama-sama merapatkan penghargaan di dalam Dewan yang mulia ini kepada barisan hadapan kita yang terdiri daripada perkhidmatan kesihatan, Majlis Keselamatan Negara, angkatan tentera, polis, RELA, APMM, Jabatan Imigresen, Jabatan Bomba, Agensi Pengurusan Bencana, SKMM serta lain-lain pihak.

Pada masa yang sama juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi dan bantuan kepada rakyat Malaysia. Dengan jumlah keseluruhan bantuan ialah sejumlah RM295 bilion yang mana PRIHATIN I iaitu sebanyak RM250 bilion, PRIHATIN II sebanyak RM10 bilion, dan PENJANA sejumlah RM35 bilion. Ini semua dijangka akan membantu mengurangkan beban yang dihadapi rakyat semasa dilanda COVID-19.

Di antara langkah kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat dan kehilangan pekerjaan dan pendapatan adalah dengan memperkenalkan tempoh moratorium selama enam bulan yang ditetapkan oleh Bank Negara yang bakal berakhir pada bulan Oktober ini.

Justeru, kita akan mula melihat kesan COVID-19 pada ekonomi negara apabila rakyat mula gelisah apabila di mana ansuran kereta perlu dibayar, ansuran rumah perlu juga dibayar, maka ketika itulah kita akan melihat bagaimana situasi kewangan yang sebenarnya dirasai oleh rakyat Malaysia. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan adakah kerajaan akan meneruskan moratorium bagi terus membantu golongan berpendapatan sederhana dan rendah khususnya B40 di dalam menggunakan hutang-hutang seperti di atas.

Tuan Yang di-Pertua, wabak COVID-19 ini juga telah menyebabkan berlakunya pengangguran dan pembuangan kerja terhadap pekerja-pekerja di Malaysia. *New Straits Times* mencetak kenaikan jumlah pengangguran kepada 42 juta orang di negara Amerika Syarikat sehingga selepas berlaku krisis COVID-19 pada awal bulan Jun 2020.

Manakala, data dari *Malaysian Institute of Economic Research* pula menjangkakan akan berlakunya pengangguran hampir satu juta orang di Malaysia kesan dari penyakit pandemik COVID-19. Justeru, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan bantuan khusus terhadap golongan B40 bagi mengurangkan bebanan kepada mereka dan keluarga khususnya bukan semata-mata untuk bentuk wang ringgit malah dapat diberi dalam bentuk kupon bantuan makanan asas, bantuan petrol atau pengangkutan awam dan sebagainya. Dengan cara ini, ketirisan dapat dikawal dan bantuan dapat disampaikan kepada golongan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang penyakit pandemik COVID-19 berlaku bidang pendidikan dan pengajian tinggi turut menerima tempiasnya. Aspek pengajaran dan pembelajaran menjadi aspek paling terkesan daripada wabak pandemik. Krisis penyakit pandemik COVID-19 ini kita telah dapat melihat wabak penyakit menjadi agen transformasi dan pemangkin kepada pelaksanaan perbelanjaan secara radikal.

Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan keupayaan jaringan Internet data dari *Organization for Economic Cooperation and Development* menunjukkan sebanyak 48 peratus pelajar di negara ini tidak mempunyai akses komputer di rumah untuk tujuan pembelajaran. Manakala, 23 peratus atau dianggarkan 1.3 juta pelajar tidak mempunyai akses Internet.

Justeru, saya ingin mencadangkan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia harus melihat pelaksanaan pembelajaran secara maya kini bukan bagi satu pilihan, malahan satu kemestian yang harus dipastikan dilaksanakan di seluruh kawasan. Jurang digital sama ada bagi mereka yang berada di bandar dan luar bandar, kaya dan miskin harus diatasi dengan kadar segera agar perbelanjaan maya tidak akan meninggalkan terlalu jauh masyarakat miskin daripada terus menikmati pembelajaran.

Namun, kita percaya hal ini boleh kita tangani dengan baik melalui pelbagai pilihan pendekatan. Apa yang lebih penting capaian Internet perlu ditambah baik secara berterusan kerana kita tidak mahu melihat ada pihak yang gagal mendapat hak pendidikan hanya kerana masalah akses.

Oleh itu, saya bertanya kepada Kementerian Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia, sejauh manakah kerajaan memandangkan serius langkah-langkah yang bakal diambil untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar mampu dicapai atas talian hatta hingga di pedalaman kawasan.

Isu-isu tempatan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang dan ruang dalam perbahasan ini untuk menyentuh beberapa isu tempatan di dalam Dewan yang mulia ini. Lebuhraya Pantai Timur sudah lama menjadi impian orang ramai atau perantau yang berasal dari negeri-negeri yang ada di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan. Hal ini dilihat semakin signifikan apabila tibanya musim perayaan apabila hari biasa laluan keluar masuk menghala ke Plaza Tol Gombak menerima jumlah kenderaan sekitar 80 hingga 120 ribu dan ia bertambah teruk sewaktu musim balik kampung semasa perayaan sehingga mencecah 180 ribu kenderaan sekali gus menyebabkan kesesakan yang agak kritikal.

Kita bersyukur atas keprihatinan kerajaan maka sebuah lebuhraya baharu yang dicatat iaitu *highway* baharu Padang Tengku, Gua Musang sejauh 60 kilometer telah dibuka dan selamat digunakan. Dengan adanya kemudahan lebuhraya seperti ini ia akan membantu menjimatkan masa pengguna kereta di atas jalan raya khusus bagi mereka yang datang dari Gua Musang yang ingin menuju ke Kuala Lumpur atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengutarakan satu pendapat memandangkan kemudahan lebuhraya ini masih baharu dan kurangnya kenderaan yang menggunakannya terdapat rungutan rakyat agar had kelajuan kenderaan di sepanjang lebuhraya Padang Tengku ini dapat dinaikkan had maksimum dari 90 kilometer sejam kepada 110 kilometer sejam.

Hal ini, memandangkan kurangnya penggunaan kenderaan di sepanjang lebuhraya ditambah lebuhraya ini yang mempunyai jalan yang lurus pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kualiti jalan di lebuhraya ini tidak terjejas, maka satu larangan penguat kuasa terhadap pengguna lori kenderaan melebihi muatan daripada lori yang membawa kayu balak tidak dibenarkan menggunakan jalan lebuhraya ini atau dikenakan tindakan saman yang tegas terhadap mereka yang mengingkarinya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya ingin mengucapkan tahniah atas cadangan kerajaan untuk memperkenalkan dasar *zero alcohol* di kalangan pemandu yang memandu di atas jalan raya. Setiap tahun dianggarkan seramai 1.3 juta orang meninggal dunia

manakala 50 juta lagi mengalami kecederaan di jalan raya memandu di bawah pengaruh alkohol adalah satu kesalahan daripada tiga penyebab utama kematian di jalan raya selain daripada faktor memandu dengan laju dan tidak memakai tali pinggang keledar.

Berdasarkan laporan statistik Polis Diraja Malaysia merekodkan sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari 2014 hingga 2018 sebanyak 637 kematian adalah punca daripada kemalangan membabitkan pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol. Seksyen 45G(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 memperuntukkan bahawa had yang dibenarkan oleh kerajaan sekiranya seseorang itu mengambil minuman alkohol dan seterusnya memandu kenderaan hendaklah kandungan alkohol yang ditetapkan untuk pemandu adalah 35 mikrogram alkohol dalam 100 milimeter nafas. 80 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah atau 107 miligram alkohol dalam 100 mililiter air kencing.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah?

Datuk Ng Chiang Chin: Tiga minit.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Ng Chiang Chin: Okey. Justeru, pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan adalah kerajaan akan meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi mengenakan hukuman yang lebih tegas kepada pengguna jalan raya yang menyebabkan kematian akibat minuman alkohol melebihi dan maksimum sehingga menyebabkan kematian kepada orang ramai. Pada masa yang sama, apakah kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas terhadap masalah pengguna motosikal yang melakukan aksi-aksi berbahaya seperti *Superman* di atas lebuhraya dan berlumba secara haram khusus di atas lebuhraya sehingga mengganggu pengguna kenderaan orang lain?

Tuan Yang di-Pertua, penyakit COVID-19 telah memberikan kepada lebih ramai kepada rakyat dan mengguna untuk mengambil barang-barang keperluan asas dalam bentuk makanan atas sebagainya tanpa tunai atau dengan katanya belanja di atas talian. Kajian Sikap Pengguna Visa 2019 yang dijalankan pada akhir Oktober tahun lalu ke atas 519 rakyat Malaysia yang berusia 18 tahun hingga 65 tahun yang dipetik Berita Harian pada 17 Mei 2020. Di dalam Berita Harian menyatakan tujuh daripada 10 rakyat Malaysia menyokong cita-cita negara untuk menjadi masyarakat tanpa tunai dan 60 peratus percaya maklumat ini boleh dicapai dalam tempoh lima tahun akan datang.

Berdasarkan makluman balas pengguna tiga manfaat utama yang didakwakan oleh masyarakat tanpa tunai termasuk menjejak rekod kewangan dengan mudah, mengelakkan beratur di bank dan menjadikan negara lebih cekap. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kursus di pejabat-pejabat agensi kerajaan khususnya di pejabat imigresen dan sebagainya agar disediakan ruang atau laluan khusus kepada golongan warga emas atau orang-orang kampung yang berurusan dengan menggunakan tunai

walaupun pada masa yang sama kita tidak menafikan keperluan untuk menjadi masyarakat tanpa tunai.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018 hasil pertanian di Malaysia telah mencecah 9.5 bilion. Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan pelbagai agensi seperti FAMA dan MARDI telah mewujudkan membantu sektor pertanian di Malaysia. Antara contoh agensi yang berjaya adalah MARDI apabila pusat penyelidikan ini telah berjaya membantu petani dan pengusaha ladang buah-buahan menghasilkan benih dan lebih baik untuk menambah hasil pertanian dan buah-buahan untuk digunakan petani-petani di Malaysia. Tahniah kepada MARDI.

Pada masa yang sama, FAMA pula adalah agensi kerajaan yang diwujudkan untuk menyelaraskan aktiviti pemasaran di samping membantu petani dan pengusaha buah-buahan di dalam memasarkan hasil-hasil buah-buahan. Walau bagaimanapun, wujud keadaan sejak kebelakangan ini hasil pertanian dan buah-buahan telah menjadi lebih baik menyebabkan terdapat lebih buah-buahan yang terlalu banyak di pasaran menyebabkan harga buah-buahan jatuh dan merugikan petani-petani dan pengusaha ladang buah-buahan.

Justeru, soalan saya kepada- apakah langkah proaktif yang akan dibuat oleh FAMA bagi mengatasi masalah di atas? Boleh sedikit lagi? Ini kerana ingin sambung. *Two minutes.*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *Two minutes.*

Datuk Ng Chiang Chin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Fasal serba salah hendak sambung. Sempena Hari Kebangsaan yang ke-63, Hari Malaysia yang bakal kita sambut pada 16 September nanti saya rasa terpanggil untuk kita sama-sama menginsafi tentang generasi masa depan. Tidak kira sama ada mereka Melayu, Cina, India, Kadazan, Bidayuh, Iban dan sebagainya, mereka anak-anak kita, mereka adalah Anak Malaysia.

Tahniah kepada kerajaan di atas penubuhan Kementerian Perpaduan yang diwujudkan. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk melihat perpaduan di Malaysia direalisasikan dengan lebih baik. Saya berkeyakinan jika setiap rakyat Malaysia bersikap toleransi menghormati antara satu sama yang lain. Saya yakin satu hari nanti kita akan dapat menuai hasil dengan mewujudkan satu warganegara yang bukan sahaja saling menyayangi di antara satu sama lain tetapi juga menyayangi negara ini sebagai tanah tumpah kita sebagai rakyat Malaysia. Akan tetapi, jika kita bersikap sebaliknya maka kita tidak akan dapat hasil yang kita inginkan untuk rakyat kita semua.

Adalah sebahagian kita percaya kepada sistem persekolahan kebangsaan tetapi ada juga masih percaya sistem vernakular demi pendidikan masa depan anak-anak mereka. Ketika ini terdapat lebih 55 ribu pelajar bumiputera di sekolah-sekolah Cina yang mewakili 10 peratus keseluruhan pelajar-pelajarnya. Sekolah adalah tempat di mana anak-anak ini belajar dan menuntut ilmu. Justeru, menjadi tanggungjawab kita semua memastikan anak-anak ini

mendapat pendidikan yang terbaik di sekolah yang ada sama ada melalui sistem pendidikan kebangsaan atau sistem persekolahan yang lain dari yang harusnya dianaktirikan memandangkan mereka semua adalah pewaris masa depan yang perlu diberikan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengakhiri ucapan saya dalam Dewan Negara. Sekalung penghargaan kepada mantan Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Yang Berhormat Tan Sri Tan Sri S. A Vigneswaran Sanasee. Tidak lupa juga ucapan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memberi kepercayaan kepada saya yang untuk dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli dalam Dewan Negara ini atas tunjuk ajar, bantuan bagi memastikan saya turut sama dapat berpartisipasi di dalam proses pembuatan undang-undang di sini.

Saya doakan kita akan berjumpa lagi, jika tidak di Parlimen, di lain masa dan ketika. Izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan serangkap pantun.

*Tuai padi antara masak;
Esok jangan layu-layuan;
Intai saya antara nampak;
Esok jangan rindu-rinduan... [Tepuk]*

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengundur diri dan mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan kepada saya sepanjang saya berkhidmat dalam Dewan Negara yang mulia ini. Saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin. Kita bagi dia masa *special* sebab dia sudah khidmat untuk negara kita dua *terms*, enam tahun itu. Enam tahun sudah berkhidmat untuk kita. Kita pun kenang jasa kepada Dewan kita dan kami ucapkan syabas dan tahniah atas jasa baik ataupun pengorbanan tuan tadi.

Satu yang baik yang saya tengok, dia tidak lupa jasa orang. Dia tidak lupa budi baik orang. Dia sebut nama siapa yang meletakkan dia di sini. Itu bagus, satu contoh yang terbaik iaitu tidaklah kami rindu lagi. Saya juga ucap terima kasih dan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin. Selamat bersara, selamat berjuang dan teruskan saudara punya perjuangan itu Yang Berhormat.

Sekarang sudah jam lebih, saya ada hendak bagi tahu di sini. Ada jemputan menghadiri Majlis Taklimat Rang Undang-undang Jalan pukul 1 tengah hari ini di Bilik Taklimat Blok Utama Parlimen Malaysia. Jam 1 lebih, dengan itu saya tangguhkan mesyuarat kita ini pada jam 2.30 petang.

Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.09 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dipersilakan penerusan ucapan bagi Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

2.32 ptg.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Salam Negaraku, salam Dewan yang mulia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk menyertai perbahasan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya mulakan bicara ini dengan sebuah pantun untuk Tuan Yang di-Pertua yang mahir dalam seni bahasanya.

*Inderagiri pasirnya lumat;
Paya berisi dengan lokan;
Kalau Nabi kasihkan umat;
Kami di sini kasihkan tuan.*

*Sampan kolek hilir mudik;
Dayung patah galah sebatang;
Ikhtiar tidak datang bergolek;
Akal tidak datang melayang.*

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diangkat dan dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Saya sangat setuju dengan kenyataan Tuan Yang di-Pertua supaya Dewan ini dapat menyediakan satu rumusan dan kesimpulan perbahasan untuk dihantar kepada semua agensi untuk tindakan susulan dan maklum balas yang berkesan.

Kita sering berbahas di Dewan ini bagaikan anjing menyalak bukit. Bak kata Tuan Yang di-Pertua, berbahas bagai menarik habuk. Namun tindakan hanya di Dewan ini sahaja, dan kita berharap perkara ini dapat kita selesaikan di antara agensi yang terlibat dalam menyelesaikan masalah umat yang diadukan kepada kami.

Tuan Yang di-Pertua, penghargaan kepada barisan hadapan sangatlah dihargai. Terlebih dahulu saya mewakili komuniti Orang Asli di seluruh negara mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya mengurus tadbir negara dalam mendepani pandemik COVID-19 yang menular di seluruh dunia. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua

Pengarah KKM dan seluruh warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana berjaya menangani COVID-19 ini.

Para petugas KKM yang bekerja tanpa mengira bangsa dan agama, bekerja siang dan malam mengesampingkan kepentingan diri dan keluarga lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan dan bulan Syawal amat menyentuh naluri kami. Penghargaan juga kepada pasukan tentera, keselamatan, PGA, Imigresen dan barisan hadapan yang lain yang bertungkus-lumus siang dan malam. Semoga Allah memberkati mereka.

Maka dengan ini saya memohon kepada pihak kerajaan, suatu penghargaan khas perkhidmatan awam kepada yang bertugas di barisan hadapan dengan cemerlangnya dalam COVID-19, dalam proses PKP, dalam membentuk sebuah negara yang selamat. Maka itu, apalah salahnya pihak kerajaan perkhidmatan awam dapat memberi sijil penghargaan kepada semua barisan hadapan yang bertungkus-lumus memerangi COVID-19 sepanjang tempoh yang dihadapi.

Apabila kerajaan melaksanakan perintah PKP pada 18 Mac yang lalu, rakyat amat gelisah dan resah. Pelbagai keperluan harian sangat tidak mencukupi. Kita lihat barang-barang keperluan asas naik harga. Dengan inilah usaha kerajaan untuk membantu mereka dengan mengagihkan pelbagai bantuan melalui pejabat daerah, majlis agama, korporat, NGO dan sebagainya. Namun, apa yang kita lihat bantuan yang diagihkan amat bertindih. Pelbagai pihak mencari publisiti untuk mengagih bantuan. Namun kita lihat banyak asnaf yang tidak dapat, ada yang terpinggir.

Maka dengan inilah saya mencadangkan supaya setiap pejabat daerah ada pusat pengumpulan bagi pengedaran barang-barang keperluan bagi mangsa COVID-19 sekiranya perkara ini berlaku di kemudian hari. Kita melihat bahawa NGO banyak mengedarkan bantuan-bantuan mencari publisiti, memviralkan gambar-gambar sumbangan sedangkan ini juga dikatakan mengaibkan asnaf-asnaf. Perkara ini juga dilakukan oleh ahli-ahli politik. Kita berharap perkara ini dapat disantuni oleh NGO mahupun ahli politik supaya menjaga keharmonian asnaf-asnaf ini.

Seperkara lagi saya melihat bahawa sumbangan yang disediakan juga menjadi isu masa agihan COVID-19. Kita dimaklumkan ada kebanyakan agensi membekalkan lebih kurang RM100 nilai bakul makanan atau keperluan. Namun barang yang dinilai tidak sampai pun RM50. Maka ini juga menjadi isu kepada penerima sumbangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang sangat menyentuh saya di kampung apabila banyak aduan daripada ketua kampung. Mereka ini merupakan tenaga kerja di peringkat akar umbi. Mereka kebanyakannya tersisih daripada dilibatkan mengagihkan bantuan-bantuan. Kebanyakan bantuan yang diagihkan dijalankan oleh NGO tidak melibatkan ketua kampung sehinggakan ada asnaf-asnaf yang tertinggal. Ada juga kumpulan-kumpulan yang mendapat

lima hingga enam kali bantuan, sedangkan ada yang langsung dapat sekali ataupun ada yang langsung tidak dapat.

Maka dengan inilah saya berharap supaya akan datang pihak pejabat daerah dan pegawai-pegawai yang berkaitan di peringkat agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya dapat menyelaras perkara ini di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, COVID-19 memberi kesedaran kepada kita tentang pentingnya menjaga keselamatan. Peringatan juga kepada kita supaya menjaga kesihatan dengan lebih baik, menyediakan simpanan untuk hari susah dan sakit. Menyedarkan tanggungjawab pemimpin terhadap golongan asnaf ini yang perlu dibela tanpa mengira bangsa dan negara. Maka dengan itu, saya berharap supaya pihak kita dapat melihat usaha-usaha yang begini dengan lebih baik. Kerjasama semua pihak supaya dapat menjaga kepentingan di peringkat akar umbi.

Infrastruktur yang berkaitan dengan JAKOA, pandemik COVID-19 juga sememangnya aturan Allah untuk ciptaanNya. Semua sektor terjejas. Namun kita bersyukur, negara kita adalah antara negara yang paling kurang terjejas. Pelbagai sektor sudah mula bergerak dan dibuka secara perlahan. Tahniah kepada JAKOA kerana telah menyalurkan bajet sebanyak RM20.9 juta yang melibatkan 213,725 Orang Asli. Hampir 42 ribu keluarga Orang Asli telah diberi sumbangan ini.

Banyak projek dan aktiviti yang dirancang telah dibatalkan, ditangguhkan. Pelaksanaan projek tahun ini juga banyak tertangguh dan tidak boleh dilaksanakan sejak PKP 18 Mac. Projek pembangunan JAKOA untuk komuniti Orang Asli juga terjejas teruk terutamanya di bahagian pedalaman.

Soalan saya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, berapakah kos projek dan program tahun 2020, yang mana projek dan program tahun 2020 yang dirancang yang tidak dapat dilaksanakan akibat COVID-19? Mohon juga penjelasan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menjelaskan kos projek dan sambungan 2019 yang gagal disiapkan disebabkan juga COVID-19?

■1440

Soalan ketiga, saya meminta penjelasan status jalan pedalaman Betau ke Pos Lenjang sejauh 27 kilometer, adakah ia telah diluluskan? Jika telah diluluskan, bilakah akan dimulakan?

Melihat sekiranya JAKOA ada membuat kajian dan dapatan jumlah Orang Asli yang terjejas atau diberhentikan kerja akibat daripada COVID. Sebahagian besar komuniti Orang Asli telah bekerja di pinggir bandar dan sektor-sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon penjelasan daripada JAKOA di mana baru-baru ini kerajaan telah meluluskan RM200 juta untuk pembinaan jalan *premix* di pedalaman

Kelantan. Bolehkah dijelaskan kampung yang terlibat, manfaat penduduk sekitar komuniti Orang Asli yang berkaitan?

Tuan Yang di-Pertua, program kerja di rumah. COVID juga mewujudkan norma baharu dalam pekerjaan masa kini. Bagi mengurangkan kesesakan tempat kerja, nilai praktikal yang sangat munasabah bekerja di rumah merupakan konsep yang wajar supaya sektor swasta dan kerajaan melihat perkara ini. Kita melihat supaya perkara ini dapat diperluaskan. Namun, kerja di rumah ini memerlukan kerangka KPI dan SOP yang sesuai untuk dilaksanakan supaya perkhidmatan awam mempunyai kualiti pendidikan yang tinggi walaupun pekerja ataupun kakitangannya bekerja daripada rumah.

Bekerja di rumah banyak kelebihan dan kebaikannya. Mengurangkan kos tol, tambang, minyak pengangkutan, menjimatkan perjalanan lalu lintas dan sebagainya. Memberi masa fokus untuk ibu dan bapa kepada anak-anak. Namun, kos di rumah seperti bil elektrik, Internet dan sebagainya harus dikira oleh pihak majikan dan pihak kerajaan untuk mengurus KPI atau SOP bagi kakitangan yang bekerja di rumah.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, Kementerian Sumber Manusia, berapakah jumlah dan peratus kakitangan awam yang bekerja di rumah dan mohon dinyatakan sektor yang terlibat. Berharap juga, adakah terdapat garisan panduan, SOP dan KPI bagi perkara tersebut iaitu kakitangan awam yang bekerja di rumah?

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali Dewan bersidang, saya sering membangkitkan isu sistem penyampaian yang rendah dan bermasalah kepada JAKOA. Saya banyak mengkritik sebab bagi saya ia merupakan tanggungjawab apabila saya dilantik dan dipilih. Mungkin ia menjadi tidak selesa bagi JAKOA tetapi saya terus untuk menggerakkan tanggungjawab ini bagi kepentingan setiap masalah yang diadukan kepada saya.

Banyak isu yang ditimbulkan tidak dapat diselesaikan dengan baik sebab saya melihat tidak ada penyelarasan di antara jabatan dengan jabatan, kementerian dengan jabatan dan begitu juga dengan komuniti. Sedangkan mereka mempunyai objektif dan matlamat yang sama. Bagaimana mungkin jika mereka dapat bekerjasama, tentulah impak maksimum kepada kumpulan sasaran akan lebih tinggi.

Jika kita melihat isu pendaftaran- sebab itu saya katakan bahawa kerjasama antara agensi-agensi, Jabatan Pendaftaran dengan JAKOA- masih banyak kes Orang Asli Batek yang tidak ada IC. Banyak lagi kes Orang Asli tercicir dalam daftar e-Kasih. Oleh sebab itu saya menjelaskan di sini dalam ringkas ucapan saya kali ini supaya Jawatankuasa Pembangunan Orang Asli, Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Orang Asli dapat dibangunkan segera, dapat digerakkan semula supaya antara jabatan dapat bekerjasama menyelesaikan isu-isu fokus di kawasan Orang Asli.

Saya juga berharap supaya isu-isu wang saku- sebab baru-baru ini saya telah pergi ke JAKOA, isu wang saku kadang-kadang pelajar tertunggak lima, enam bulan. Begitu juga isu pengangkutan. Isunya ialah kehadiran pelajar Orang Asli di sekolah tidak dapat diakses oleh JAKOA. Sedangkan untuk membayar pengangkutan, jumlah Orang Asli yang naik bas ataupun van perlu senarai kehadiran. Membayar wang saku perlu senarai kehadiran. Senarai kehadiran itu adalah di pihak sekolah. Yang ini yang menjadi isu pada JAKOA dan kami. Akhirnya sistem yang lambat ini, birokrasi ini menyebabkan pelajar Orang Asli tidak dapat wang saku, lambat dapat wang saku, pengangkutan lambat dibayar dan akhirnya menjadi isu dalam pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat perkara yang sangat penting ialah bagaimana kita dapat mewujudkan tanggungjawab yang lebih besar untuk membangunkan Orang Asli. Seperti yang saya nyatakan tadi, majlis pembangunan atau majlis penasihat Orang Asli perlu diwujudkan dan saya mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin mempengerusikan majlis ini supaya dia dapat memanggil semua kementerian, dapat menyelaraskan dengan KSU-KSU perkara-perkara yang berpuluh tahun yang dialami, yang disangkuti oleh komuniti Orang Asli dan juga JAKOA.

Maka itu, saya mencadangkan sekiranya pihak kerajaan prihatin dengan masalah Orang Asli, saya mencadangkan supaya jawatan Timbalan Menteri II diwujudkan di KPLB ataupun JPM untuk mengurus tadbir JAKOA dengan lebih berfokus.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah berbahas pada sesi yang lalu tentang pusat kajian penyelidikan Orang Asli kebangsaan. Bagi memperkasakan kemajuan Orang Asli dengan secara holistik dan berdaya saing, saya mencadangkan supaya KPLB atau JAKOA mewujudkan kajian penyelidikan Orang Asli peringkat kebangsaan.

Jika kita lihat di IPTA, IPGM dan juga pelbagai entiti NGO, telah banyak mengadakan wacana penyelidikan dan kajian Orang Asli. Kalau saya melihat beberapa contoh- saya mengucapkan tahniah kepada IPGM Kampus Temenggung Ibrahim, Johor Bahru yang telah mewujudkan Pusat Ilmu Watan @ Orang Asli di mana ia telah menyantuni kaum-kaum Orang Asli di Johor dan kaum Kanaq yang hampir pupus di Mawai. Inilah tanggungjawab IPT terhadap komuniti Orang Asli.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada IPGM Tengku Ampuan Afzan, Lipis kerana sudah lebih 10 tahun melatih guru-guru Orang Asli dalam pendidikan khas pedagogi peribumi Orang Asli dan kebanyakan guru-guru mereka mempunyai daya saing yang tinggi di sekolah-sekolah Orang Asli. Saya juga telah bercakap dengan *expert* di UTHM supaya menjadi pengkaji bagi komuniti Orang Asli di lokal iaitu suku kaum Kuala, Jakun di Batu Pahat dan orang Seletar di Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, isu pelajar-pelajar Orang Asli juga sangat menyentuh saya. Saya sering bercakap bahawa untuk mengubah masa depan Orang Asli, pendidikan merupakan strategi yang sangat utama. Kita sedar bahawa masyarakat Orang Asli agak lemah dan daif. Kebanyakan mereka boleh dikatakan lebih 90 persen adalah golongan B40.

Pada sesi yang lalu, saya telah mencadangkan supaya diberi peruntukan RM1,000 untuk pelajar Orang Asli yang mendaftar di universiti. Kita lihat pelajar-pelajar Orang Asli yang mendaftar di universiti tiada keperluan, tiada kecukupan wang untuk mereka melaporkan diri terutamanya pada semester pertama. Oleh sebab itu saya mohon kepada JAKOA untuk menyediakan bantuan asas awal pendaftaran di universiti.

Pada sesi yang dulu juga, saya membangkitkan geran penyelidikan bagi komuniti Orang Asli iaitu saya mencadangkan RM100 ribu untuk setiap universiti. Bagi ini, Kerajaan PH telah meluluskan geran penyelidikan RM1 juta dan sukacitanya Kementerian Pendidikan telah membuka permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) pada tahun 2020 dan telah meminta menghantar permohonan ke kementerian. Saya ingin mohon penjelasan daripada kementerian, bolehkah dijelaskan jumlah peruntukan Geran Penyelidikan Fundamental ini iaitu jumlah yang telah diperuntukkan, diedarkan dan diluluskan kepada senarai IPT yang terbabit?

Seperkara lagi saya ingin membangkitkan tentang program khas perjawatan Orang Asli dalam perkhidmatan awam. Komuniti Orang Asli mengucapkan jutaan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana telah membuat program kemasukan khas perjawatan Orang Asli dalam pengambilan khas konstabel Orang Asli di PGA Senoi Praaq dan juga polis arus perdana.

Saya dimaklumkan baru-baru ini tentera laut juga telah membuat pengambilan bagi belia Orang Asli. Saya juga menyarankan agensi besar seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), bomba, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membuat pengambilan khas bagi belia-belia Orang Asli dalam perkhidmatan awam.

Kalau kita melihat Kementerian Kesihatan (KKM) juga boleh membuka saranan kepada komuniti Orang Asli dalam perkhidmatan awam seperti jawatan separa medikal, jururawat, pembantu jururawat, juru X-ray, pembantu farmasi dan pelbagai jawatan ini boleh ditempatkan di Hospital Orang Asli Gombak. Kita juga melihat Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan juga sesuai dengan komuniti Orang Asli yang suka alam sekitar dan alam semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh isu perpaduan negara. Isu perpaduan negara sejak lima tahun yang belakang ini agak merisaukan rakyat. Provokasi dan cercaan, hinaan menakutkan masyarakat yang telah membibitkan bunga-bunga persengketaan kaum.

■1450

Kita akui parti politik adalah penyumbang kepada isu perpaduan negara. Kita kena akui dendangan kebencian kaum, bersajak menyindir bangsa, berdoa menghukum sesama agama, krisis ini berlaku dalam setiap masa di negara kita. Kita hilang mencari bentuk dan makna merdeka. Syariat pada hakikat, bangsa Malaysia yang hilang adap dan budaya. Agama hilang pada insan dan ihsan antara kaum hilang muafakat dan hormat.

Oleh sebab itulah, saya mencadangkan supaya perpaduan negara dapat diperkukuhkan, dengan itu saya ingin mohon penjelasan kepada pihak kementerian, berapakah kes jumlah yang telah ditangkap disiasat yang didakwa dan didapati bersalah bagi kes mengganggu gugat perpaduan negara dan mohon penjelasan daripada KDN.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkasakan perpaduan negara saya juga menyarankan kepada KPM supaya memperluaskan pendidikan dwibahasa di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan. Pengajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil boleh diperluaskan di sekolah kebangsaan. Ini supaya pelajar bumiputera dapat memahami pelbagai bahasa dan budaya antara kaum di negara ini.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah pelaksanaan sekolah pelaksanaan dwibahasa tadi bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dan sekolah wawasan yang telah dilaksanakan sebelum ini dan juga mohon perluasan tulisan jawi di sekolah SJKT dan SJKC. Saya juga memohon Kementerian Komunikasi dan Multimedia menjelaskan program dan bajet yang disediakan untuk memupuk perpaduan kaum. Dahulunya RTM banyak menyiarkan program-program integrasi kaum namun kini agak berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lagi lima minit.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Saya membangkitkan isu yang sering diadakan kepada saya Tuan Yang di-Pertua iaitu isu Batin. Terdapat sebanyak 854 buah kampung Orang Asli, seramai 566 orang Tok Batin, seramai 197 orang Pengerusi.

Apa yang saya bangkitkan pada hari ini ialah isu kelewatan Watikah Pelantikan Batin. Watikah Pelantikan Batin diterima enam, tujuh bulan ke atas ya dan terkini saya dapat hampir lapan bulan. Ini menyebabkan Batin-batin merasa risau dan bermasalah menghadapi perkara ini. Apa yang saya dibangkitkan- saya mohon JAKOA membayar tunggakan elaun Batin pada tarikh pelantikan Batin bukan tarikh terima Watikah Pelantikan Batin.

Tarikh terima Watikah Batin setelah Watikah Batin ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri JAKOA ataupun Yang Berhormat Menteri KPLB dan ini menyebabkan proses yang lambat iaitu tujuh, lapan bulan. Tujuh dan lapan bulan Batin tidak dapat elaun sedangkan dia menjalankan tugas, menjalankan tanggungjawab menghadiri mesyuarat dan mengurus keperluan kampung. Saya mohon JAKOA menjelaskan isu pelantikan juga

melibatkan Jabatan Pembangunan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKK) di Kampung Baru Kuala Benut, Taman Sri Mahkota Pontian dan Kampung Bumiputera Rengit. Seperkara juga saya ingin membangkitkan isu MPKK ataupun JPKK Kampung Melayu...

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat, mohon mencelah Yang Berhormat.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Masa sudah tak banyak jadi cepat kemukakan supaya dapat direaksikan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ada menyebut tadi berkenaan dengan jawatan Batin dan saya tengok jumlah Batin memang seramai 800 lebih, tetapi jumlah JKPP ini JK yang baharu ini, dahulu MPKPOA- sangat kecil kalau dibandingkan dengan jumlah Batin dan jumlah kampung Orang Asli. Jadi, ini boleh merencatkan pembangunan dan juga kerjasama di antara JPKK ini dengan Batin tadi.

Adakah- soalan saya kepada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya jumlah Batin dan juga jumlah JPKK ini diselaraskan ya supaya dia seimbang, Batin ini tidak melebihi jumlah Pengerusi MPKK ini tadi. Terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Saya sangat bersetuju pandangan Yang Berhormat dan mohon diminitkan dalam saya punya ucapan. Apa yang saya ingin jelaskan bahawa Tok Batin dia lebih kepada Pengerusi Pengurusan Institusi Adat Budaya di sebuah kampung. Namun, kepentingan Pengerusi MPKK ataupun JPKK sangat penting dalam pengurusan urus tadbir iaitu membantu kampung. Mana kampung yang mempunyai JPKK biasanya pengurusan yang lebih baik. Isu-isu keciciran, isu-isu masalah sosial juga agak berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi membangkitkan isu JPKK atau MPKK Kampung Melayu. Untuk makluman bahawa baru-baru ini kerajaan telah menukar MPKK kepada JPKK sebab penjenamaan semula. Namun, yang kita sedihkan apabila Jemaah Menteri telah memutuskan penamatan bayaran elaun empat bulan lebih awal daripada tarikh tamat, menyebabkan empat bulan elaun ini tidak dibayar kepada Pengerusi MPKK di kampung-kampung Melayu.

Apa yang saya sedihkan mereka ini telah bertugas dengan begitu berat, dengan begitu komitmen tinggi dalam semasa proses COVID-19 dan juga dalam PKP. Kita tahu elaun sebanyak RM400 dibayar oleh Kerajaan Pusat yang ditambah oleh sebanyak RM400 ada yang sebanyak RM600 di bawah kerajaan negeri tidak sebesar mana dia pun lebih rendah daripada gaji minimum yang disarankan kerajaan.

Tugas ketua kampung sangat berat. Kalau kita lihat rumah terbakar Tok Ketua Kampung menjadi Bomba, orang bergaduh Ketua Kampung jadi Polis, orang bercerai dia jadi Tok Kadi, orang hendak beranak tiada kenderaan dia jadi ambulans. Makanya tugas Ketua Kampung MPKK ini sangat besar. Itu sebab, apalah kita berkira sangat dengan ketua

kampung yang banyak tanggungjawab ini yang membantu kita supaya dapat kita bantu kita jelaskan- kalau boleh kita naikkan elaun.

Saya mencadangkan supaya kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat berbincang untuk menaikkan sekurang-kurangnya sebanyak RM1,200 elaun Ketua Kampung... [Tepuk] Dan apa yang saya harapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu setengah jam. Tolong pendekkan.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada banyak lagi. Namun, saya bercakap perkara-perkara penting untuk tindakan sekiranya boleh dua tiga minit lagi.

Saya baru-baru ini telah pergi SK Kudung yang menyediakan Sekolah Kluster Orang Asli Kudung tidak ada internet. Sedangkan kampung kawasan pedalaman Taman Negara ada internet sehingga Tok Batin memberitahu saya, "*Kami di sekolah dan orang kampung tidak ada internet, beruk dan gajah ada internet*".

Maka, ini amatlah menyedihkan dan saya mohon Kementerian MMC dapat menjelaskan- tadi dijelaskan sebanyak 500 lokasi menara baharu telah dibina di sebanyak 250 mukim dan saya ingin tahu berapakah kawasan Orang Asli yang terlibat dalam pembinaan ini.

Saya akhir sekali untuk membangkitkan seminit lagi isu masalah kawasan saya di Benut. Saya telah balik ke Benut dan menjadi warga daerah Pontian. Pertama, Jambatan Sungai Kampung Sepah Beruang jaraknya hanya sejauh 150 meter daripada rumah saya telah mencipta rekod Malaysia sebab dibina dalam tiga zaman pemerintahan. Jambatan ini runtuh zaman BN, diluluskan pada zaman PH, sekarang disambung kerja zaman PN. Saya berharap kerajaan negeri dapat dan kementerian dapat menjelaskan bilakah projek ini dapat disiapkan selepas dari COVID-19 ini.

Kedua, menjelaskan tentang Klinik Kesihatan Benut yang dimaklumkan daripada sidang yang lalu sebanyak 95 peratus telah siap dan kini klinik itu sudah siap namun tidak boleh beroperasi lagi. Dimaklumkan peralatan belum diterima. Namun, saya sebagai penduduk tempatan mohon penjelasan bilakah boleh dibuka.

Ketiga mohon jelaskan tentang status naik taraf Hospital Pontian yang telah tertangguh dan telah diluluskan pada bajet yang lalu. Akhir sekali, saya menutupkan ucapan ini. Akhir sekali, saya menyokong usul ini dengan sepenuh hati dengan dua rangkap pantun.

*Kayuh perahu sampai seberang;
Singgah bermalam di kampung hulu;
Bukan tak tahu politik sekarang;
Gaharu dibakar kemenyan berbau... [Tepuk]*

*Hilir tenang mudik Jauseh;
Singgah teluk mengetam papan;
Hadir kah tenang budi yang kasih;
Nasi sesenduk tidak termakan.*

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Panjang ucapan itu dan saya telah buat harakatnya seminit kurang dari 30 minit. Jadi, empat pantun tadi saya rumus satu.

*Kerakap tepi pematang;
Pematang ada di sana;
Bercakap jangan panjang;
Bertandang jangan lama... [Dewan ketawa] [Tepuk]*

Itu bergurau kita dengan bahasa molek.

Saya ada cadangan kepada Yang Berhormat- sebab banyak mengemukakan hal-hal tentang Jabatan Orang Asli. Apa kata kalau kita rumuskan *point* tadi dengan kuat kuasa Senat. Kita hantar memo itu terus kepada yang berkenaan.

■1500

Kalau kita hendak tunggu pegawai buat reaksi, tentulah ini bak kata orang- berjalan berbelok-belok. Kalau ini dapat kita laksanakan, bagaimana juga rakan-rakan Yang Berhormat yang lain, kita buat bingkisannya yang penting terus kita hantar menerusi memo bersama. Ini satu cara yang saya rasa akan meletakkan Dewan ke paras yang diperhatikan oleh pihak berkuasa.

Pihak saya akan meminta Setiausaha supaya bekerjasama dengan Yang Berhormat supaya hasil apa yang sempat kita sebut ini dapat direalisasikan. Terima kasih. Saya pergi...

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan yang hendak dicelah. Ini hanya pandangan atas yang dikemukakan sebentar tadi.

Tuan Manolan bin Mohamad: Sedikit. Saya hendak sokong, saya hendak sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sekiranya ada pandangan lain nanti, masukkan dalam sisipan yang berkenaan. Oleh sebab saya hendak pergi terus kepada Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim. Ada? *Alhamdulillah.*

3.01 ptg.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada para petugas *frontliners* yang telah bertugas dengan berani dan cemerlang semasa pandemik COVID-19. Memang betul, ibarat kata berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul. Penularan COVID-19 telah merencatkan perkembangan ekonomi. Wabak virus COVID-19 juga telah memberi kesan kepada kesihatan dan cara kehidupan rakyat Malaysia.

Kesan utama ke atas ekonomi adalah penutupan kilang-kilang dan perusahaan serta gedung-gedung perniagaan akibat daripada penutupan perniagaan mereka. Ini telah menyebabkan pemberhentian para pekerja. Jika sebelum pandemik COVID-19, lebih kurang 300 ribu orang pekerja mahir akan berulang alik melalui Tambak Johor, dari Johor Bahru, Kulai dan Pasir Gudang ke Singapura setiap hari.

Bayangkan jika mereka menerima gaji minimum SDG2,000, kalau dibawa balik ke Malaysia ia bernilai lebih kurang RM6,000. Mereka mampu membeli rumah yang melebihi harga RM500 ribu. Akan tetapi apabila moratorium tamat pada Oktober ini, adakah mereka mampu untuk membayar pinjaman perumahan mereka? Sekiranya mereka tidak mampu membayar pinjaman bank, pihak bank akan melelong rumah-rumah mereka.

Ini akan menyebabkan lambakan rumah-rumah di Johor Bahru, Kulai dan Pasir Gudang. Mereka pula akan diisytiharkan bankrap. Maka ramailah penduduk Johor Bahru, Kulai dan Pasir Gudang menjadi orang-orang yang bankrap.

Oleh itu, saya cadangkan agar pihak Bank Negara untuk menurunkan kadar BLR ataupun kadar faedah dan juga memanjangkan jangka tempoh bayaran balik. Ini supaya mungkin dalam waktu tiga tahun ini kita bagi sedikit untuk bagi mereka supaya janganlah ambil tindakan kebangkrapan supaya mereka boleh dapat mencari kerja selepas COVID-19 ini. Itu yang saya harapkan daripada pihak Bank Negara.

Mungkin beri sedikit kelonggaran dalam tempoh tiga tahun ini. Carilah jalan untuk menang-menang. Bukan bertindak mengikut peraturan yang sedia ada. Permasalahan kita sekarang ini, kita kurang menghormati orang lain. Kita tidak setia kepada Raja dan negara. Ada orang yang memasang bendera negara secara terbalik. Kita boleh tidak suka kepada seseorang tetapi bukan dengan menterbalikkan bendera negara, memaki hamun Raja-Raja di dalam *Facebook* dan lain-lain *social media*. Apa salah bendera hingga ada yang menterbalikkannya.

Kita juga perlu menghormati keluhuran undang-undang. Mana boleh Perdana Menteri mencampuri institusi kehakiman. Terpulanglah kepada Peguam Negara dan juga hakim untuk mempercepatkan sesuatu kes. Kalau kes mencuri yang jelas dan ada seorang atau dua saksi,

saya percaya penghakiman boleh dibuat dalam satu penghakiman yang singkat. Akan tetapi kalau berpuluh-puluh saksi, maka kita akan mengambil semua kesaksian mereka sebelum sesuatu perbicaraan itu dapat diselesaikan.

Kalaulah kita salah kerana memandu laju seperti yang tadi dalam bilik taklimat itu mungkin boleh pergi ke mahkamah terus jatuh hukumnya, kena dalam RM300 dan sebagainya. Akan tetapi kalau perbicaraan untuk kes yang tinggi sebab memerlukan saksi yang ramai, jadi setiap saksi itu kita kena panggil. Jadi itu yang menjadikan hukuman itu agak lewat untuk dijatuhkan.

Oleh itu, pentingnya Rukun Negara ini dijadikan *syllabus* pendidikan. Bukan setakat tahu apa itu Rukun Negara dan menghafalnya. Apa yang paling penting adalah penghayatannya. Kita telah merdeka lebih daripada 63 tahun tetapi kita semakin menjarakkan diri kita dari bersatu dan harmoni.

Sepatutnya mana-mana badan atau persatuan yang mengajak orang-orang ke arah perpecahan seharusnya diharamkan. Persatuan ini yang menyebabkan kita rakyat Malaysia sering bersengketa. Kita perlu balik semula kepada Rukun Negara. Ini supaya kita dapat bersatu, berharmoni dan menuju negara maju. Pendidikan yang berteraskan kemahiran profesional amat diperlukan oleh negara ini.

Saya dapati *Federation of State Skill Development Centre* menghadapi masalah untuk membuat program-program profesional. Ini kerana akta daripada Kementerian Sumber Manusia iaitu Akta 640, Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 melalui Kementerian Sumber Manusia melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Malaysia banyak menimbulkan masalah kerana Akta 640.

Kita mahu melahirkan *welder* gred 6 dan lain-lain tetapi birokrasi berkenaan menyekat *Federation of State Skill Development Centre* seperti PUSPATRI di Pasir Gudang untuk mendapat bantuan daripada Tabung Pembangunan Kemahiran berkenaan.

Apabila birokrasi ini berlaku, kita telah menyekat untuk membangunkan para belia dalam pekerjaan yang melibatkan 3D iaitu *dangerous*, *dirty* dan *difficult*. Akan tetapi kita perlukan kursus profesional supaya dapat membina belia-belia untuk pekerjaan yang profesional. Bagaimana belia-belia hendak buat kerja 3D?

Oleh itu saya cadangkan di dalam RMKe-12 nanti agar peruntukan untuk *Federation of State Skill Development Centre* diletakkan di bawah MIDA ataupun di bawah MITI atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Saya percaya, dengan cara ini sahaja kita boleh membantu melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang teknik yang diperlukan oleh industri semasa khususnya dalam Revolusi Industri 4.0. Barulah kita boleh bersuara kepada orang-orang muda supaya menceburi kerja-kerja 3D.

■1510

Keselamatan negara adalah amat penting. Sekarang ini Tentera Laut Filipina dan juga China sering masuk ke kawasan perairan kita. Soalan saya seterusnya adalah, apakah tindakan kita untuk mengatasi masalah ketenteraan yang datang daripada China dan juga Filipina ini.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pertahanan berkenaan dengan status tanah tentera di Skudai dan juga di Tebrau. Bagaimanakah- adakah sudah permasalahan yang dibawa ke mahkamah telah dapat diselesaikan dan juga adakah tanah tentera di Skudai akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Johor? Setakat ini, itu sahaja. Saya pun tidak ada lagi poin yang saya hendak ucapkan. Jadi, dengan ini saya menyokong usul. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua:Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sukacita dipelawa Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

3.11 ptg.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut melibatkan diri dalam perbahasan Usul Titah Diraja yang disampaikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia pada 18 Mei 2020.

Terutama sekali saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan penghargaan yang setinggi-tinggi kepada seluruh warga yang digelar *frontliners*, termasuklah pegawai Kementerian Kesihatan, askar-askar, anggota polis dan termasuk juga mereka yang seperti *delivery*, *Foodpanda delivery* yang telah memastikan sempena tempoh PKP ini, rakyat Malaysia dilindungi daripada wabak COVID-19 dan penghargaan saya ini adalah untuk mereka. Kita bersyukur kerana dengan semangat mereka yang sanggup menaruhkan nyawa dan memikul tanggungjawab yang diberikan itu, maka prestasi kita agaklah cemerlang dalam membendung penularan COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya ingin bangkitkan, isu pertama adalah mengenai industri pelancongan di negara kita ataupun di seluruh dunia telah terkesan, terjejas. Bagi saya salah seorang Ahli Dewan Negara daripada Sarawak, Sarawak turut terkesan akibat wabak COVID-19. Sekarang ini saya difahamkan Kementerian Pelancongan ataupun MOTAC telah mempergiatkan satu kempen yang dipanggil pelancongan domestik. Ini satu inisiatif yang sangat baik, yang harus kita mempergiatkan supaya kita boleh sedikit sebanyak menyelamatkan industri ini, kepada sektor perhotelan, restoran, makanan dan juga pemandu pelancong kita.

Kita haruslah memberi tekanan dan sokongan yang padu kepada kementerian tersebut untuk mempergiatkan pelancongan domestik dan saya rasa Sarawak ini memang indah. Kita

terdapat banyak tarikan pelancongan tetapi masalah untuk Sarawak ini adalah, kalau kita ingin menarik pelancong dari Semenanjung, kita harus melalui penerbangan, *it's not by road*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi kadangkala tambang itu agak mahal dan saya harap mungkin Kementerian Pelancongan boleh berunding dengan Kementerian Pengangkutan dan juga syarikat-syarikat penerbangan untuk kita sama-sama mengeluarkan satu promosi untuk kita merendahkan tambang itu supaya kita boleh menarik pelancong-pelancong daripada sembilan negeri dan dua wilayah di Semenanjung ini ke Sarawak dan juga orang-orang Sarawak datang ke Semenanjung untuk kita menggalakkan pelancongan domestik ini. Saya harap kementerian dapat mengambil berat.

Satu lagi adalah oleh kerana kita ada SDMC, dengan izin, *Sarawak State Disaster Committee* yang kita ada garis bantuan SOP yang berlainan kadang-kadang. Saya berharap mungkin yang datang ke Sarawak untuk melancong, mungkin kita harus membuat ujian COVID-19 *test*. Akan tetapi kos itu haruslah munasabah dan boleh ditanggung oleh individu-individu ataupun pelancong-pelancong yang ingin melawat ke Sarawak.

Daripada aspek itu juga saya harap mungkin kementerian boleh campur tangan, kita *formulate* ataupun rangka kan satu kos ujian itu yang munasabah, murah dan ekonomi supaya dimasukkan dalam pakej Rangsangan Pelancongan Domestik. Ini supaya mereka dapat datang dan juga kita dapat memastikan kita menyelamatkan ekonomi dan pada masa yang sama, kita tidak berkompromi dengan tahap kesihatan rakyat jelata.

Itulah saya harap satu SOP untuk menarik pelancong daripada Semenanjung ke Sarawak dan juga tambang itu boleh dikurangkan. Kementerian harus memperhalusi perkara ini dan saya memang sambut baik tentang inisiatif pelancongan domestik. Saya berharap Menteri Pelancongan ini yang berasal dari Sarawak, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, saya harap dan pasti beliau akan mengambil berat terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang ingin saya bangkit di Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan caj perkhidmatan keluar dan masuk Brunei. *This is something new*, dengan izin. Pada baru-baru ini, negara Brunei ingin mengenakan, termasuklah warganegara Brunei sendiri, satu caj BND3 untuk warganegara Brunei dan juga warganegara asing yang keluar masuk Brunei.

Kalau BND3 ditukar dengan Ringgit Malaysia adalah lebih kurang RM9. Itu telah ditangguhkan oleh kerana ada sedikit rundingan di antara Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri Sarawak dengan Brunei ditangguhkan ke tanggal satu Oktober. Sepatutnya ia akan dimulakan pada tanggal 1 Ogos tetapi telah ditangguhkan, tetapi belum dibatalkan. Ini sangat penting untuk penduduk-penduduk di utara Sarawak, dengan izin, *in the northern part*

of Sarawak, oleh sebab kita tidak ada jalan raya yang menghubungkan Lawas dengan Miri dan Miri sampai ke Sabah, kita kena orang kata, pinjam jalan raya Brunei untuk kita melalui.

Oleh itu saya harap dan kita juga ada Menteri Pengangkutan ataupun Timbalan Menteri Pengangkutan secara spesifik yang berasal dari Limbang, Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Habibollah. Dia memang tahu tentang isu ini. Saya harap kerajaan boleh runding dengan jiran baik kita, kita menghormati kedaulatan negara Brunei tetapi pada masa yang sama, saya harap mungkin satu mekanisme boleh dirangka supaya kita jangan lagi, kita boleh ringankan beban penduduk-penduduk khususnya di utara Sarawak.

Sekiranya tidak boleh, maka saya bercadang dengan rendah diri mungkin satu sistem subsidi tuntutan boleh dibuat oleh penduduk-penduduk Malaysia ataupun di utara Sarawak ini untuk tuntutan balik *claim, claim back the money*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, supaya kita tidak dibebankan oleh kerana kita kena tunggu lama lagi untuk *Pan Borneo Highway* dibina. Itulah saya harap mungkin kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan ataupun Kementerian Luar Negeri boleh campur tangan untuk nasib penduduk di utara Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya juga berhubung kait dengan Kementerian Pengangkutan. Ini telah dibangkitkan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan selama ini sebagai wakil dari Limbang sebab kenderaan kita ataupun kita kata cermin gelap, *tinted glasses* untuk kenderaan di Malaysia standard dia berbeza dengan Brunei.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini di Brunei, langsung tidak boleh ada *tinted* ataupun *tinted transparent* pun tidak boleh. Tidak payah kata kalau ada gelap sedikit.

■1520

Akan tetapi di Malaysia baru-baru ini kita sudah ada undang-undang yang baharu. Kita boleh *tinted 70* peratus di belakang dan cermin besar belakang. Depan, 30 peratus kegelapan. Tepi di sisi pemandu adalah 50 peratus. Akan tetapi di Brunei langsung tidak. Saya harap kita boleh mencari penyelesaian dengan Brunei untuk ketenteraan yang hendak melalui Brunei. Mungkin satu pengecualian istimewa boleh diberikan kepada ketenteraan yang melalui Brunei untuk tempoh misal kata tiga jam, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we pass by only for the three hours*.

So, ketenteraan kita harus dikecualikan untuk diambil tindakan. Oleh sebab ada penguatkuasaan di Brunei, ketenteraan Malaysia akan ditahan dan kita perlu bayar kompaun *on the spot* Brunei Dolar. Ini agak susah untuk kita dan Timbalan Menteri Pengangkutan telah bangkitkan isu ini. Sekarang beliau berada di Kementerian Pengangkutan. Saya harap beliau akan membawa isu ini untuk satu rundingan kerajaan ke kerajaan supaya isu ini boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah mengenai Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin mengucapkan terima kasih sebab baru-baru ini juga saya ada beberapa kes

permohonan kewarganegaraan yang diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Selepas kelulusan itu, saya telah sedar Tuan Yang di-Pertua, bahawa proses untuk dapatkan MYKAD dari surat kelulusan KDN itu agak panjang lagi.

Pemohon yang hadir untuk dapatkan- pemohon menganggap setelah mendapat surat kelulusan itu, maka dia boleh pergi ke JPN terus untuk dapatkan MYKAD. Akan tetapi itu sebaliknya.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua ataupun Dewan yang mulia ini, setelah surat kelulusan diambil, si pemohon kena menghadiri ke JPN yang terdekat untuk memohon sijil kewarganegaraan terlebih dahulu. Permohonan itu tidak boleh diproses oleh cawangan JPN masing-masing. Permohonan itu harus dihantar ke JPN Putrajaya. Ini ulang-alik dan proses ini mungkin makan masa tiga ke enam bulan. Selepas pembayaran dibuat, resit dikeluarkan. Sijil itu akan selepas diproses, dihantar balik ke cawangan tersebut dan dipanggil untuk diambil.

Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, untuk permohonan MYKAD selepas kita mendapat sijil kewarganegaraan, selepas itu baru kita boleh memohon MYKAD, IC kita. Itu pun proses dia adalah kita hantar ke JPN Putrajaya sekali lagi untuk diproses dan dikeluarkan MYKAD. Itu pun akan memakan masa sekurang-kurangnya tiga sehingga enam bulan sebab ada masa *courier* ataupun lambat diterima dan sebagainya.

Saya rasa dengan ICT pada masa sekarang ini dan sistem yang ada *linkage online system* dan sebagainya kita harus *delegate*, dengan izin, kuasa pemprosesan kepada Jabatan Pendaftaran Negara masing-masing di seluruh negara. Ini akan menjimatkan masa dan kos menunggu oleh si pemohon sebab mereka rasa, dengan izin, *very excited* ada surat kelulusan.

Akan tetapi proses itu agak panjang dan saya rasa mungkin kita boleh memendekkan prosedur itu supaya proses untuk mendapatkan MYKAD dapat disingkatkan dan kuasa diberi kepada cawangan-cawangan JPN untuk memproses. Itu sedikit cadangan daripada saya. Sebab kalau kita orang biasa, kita boleh buat MYKAD dalam setengah jam. Sedangkan mesin itu sudah ada. Kalau hendak memeriksa, kita boleh terus memeriksa atas talian dengan ibu pejabat kita. Memang kita ada standard prosedur. Akan tetapi proses itu hendaklah dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya juga mengenai Kementerian Dalam Negeri adalah mengenai isu sijil pengesahan status bujang *single status*. Ini juga pengalaman bukan permohonan untuk saya sendiri. Saya *normal single*. Permohonan untuk rakyat yang hendak minta. Saya telah menghadiri ke JPN di Miri dan saya dimaklumkan borang permohonan ada. Kita buat bayaran tetapi borang permohonan kena dihantar lagi ke ibu pejabat Putrajaya untuk diproses satu surat *single status*. Selepas itu saya hadir sendiri untuk mempercepatkan saya bawa si pemohon ke Putrajaya sendiri.

Akan tetapi bukan setiap orang dapat terbang sekarang ini penularan wabak COVID-19 dan ini pun memakan masa mungkin dua bulan, tiga bulan mereka hendak kahwin lagi di luar negeri. *So, they need the single status certificate*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya harap kuasa ini haruslah kita mengagihkan kepada cawangan JPN tersebut untuk mengeluarkan sijil sahaja. *Print out from the system*. Kalau kita bujang, bujang lah terus. Kita buat bayaran di JPN masing-masing, kita *print*. Jangan lah kita hendak kirim ke ibu pejabat lagi untuk proses itu. Ini dapat singkatkan. Itu lah cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang bagi perempuan pula? Kalau dia *single* ataupun belum berpasangan sama juga?

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Sama. Permohonan itu sama untuk perempuan, untuk lelaki.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat ada kawan lah.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: [*Ketawa*] Lelaki, lelaki. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab saya bawa kes itu, baru saya tahu bahawa dia kena hantar ke Putrajaya untuk *check* lagi, *check* lagi. Sekarang ini COVID-19 kita kena mempercepatkan untuk tingkatkan efisien kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini lagi isu masa COVID-19 sekarang. Perkahwinan juga. Berkenaan perkahwinan dengan warganegara asing. Sekarang ini ada masalah timbul. Kita tidak boleh terbang ke negara asal pasangan kita tersebut ataupun pasangan itu *stranded* di Malaysia. *So*, macam mana kita hendak uruskan sijil perkahwinan sedangkan kadang-kadang kita kena hadir ke negara asal untuk dapatkan sijil status bujang dan sebagainya.

Saya harap isu ini diambil berat oleh Jabatan Pendaftaran Negara supaya boleh runding dengan duta-duta besar untuk membantu dalam kes ini. Memang ada pasangan yang ingin kahwin pada masa ini tetapi tidak boleh. *They cannot fly at all*. Tidak boleh uruskan.

Ada juga pasangan warga asing di Malaysia dan mereka tidak dapat. Saya telah uruskan satu kes di Brunei. Beliau ingin mendapatkan *single status* di Brunei. Akan tetapi di suruh balik dari Brunei ke Malaysia untuk buat permohonan. Dia tidak boleh balik sebab dia kalau balik dari Brunei ke Malaysia, dia tidak boleh masuk Brunei lagi untuk buat sijil perkahwinan di negara Brunei. Itu lah masalah yang timbul dan juga ada pasangan mungkin pasangannya warga Indonesia.

Sekarang ini Indonesia wabak ini sangat serius. Dia tidak dibenarkan balik. Itulah saya harap Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara boleh merangka satu cadangan supaya kita boleh selesaikan. Kalau tidak, mungkin berlaku *stateless children* lagi sebab mereka memang sudah berpasangan dan dalam rancangan untuk berkahwin. Akan tetapi tidak boleh uruskan oleh sebab sekatan dan sempadan itu tidak buka buat masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga mengenai Kementerian Dalam Negeri ataupun khususnya pihak Polis Diraja Malaysia. Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih dan syabas kepada Jabatan Narkotik Bukit Aman kerana pada bulan Julai mereka telah melalui *Ops Nutt Crackers* Sarawak. Merampas pelbagai jenis dadah termasuklah 500 biji *emarik*, *eramin* 5, *syabu* 63 kilogram dan *ketamin* 12 kilogram. Kes ini telah dibuat sidang media oleh Datuk Ramli Din, Ketua Jabatan Siasatan Narkotik. Syabas kepada mereka. Akan tetapi yang malang sekali ada dua polis ditangkap juga sekongkol dan mereka bukan orang biasa, polis biasa.

■1530

Mereka adalah Ketua Jabatan Siasatan Narkotik Miri. Seorang yang berpangkat ASP ditangkap juga seorang subinspektor dari IPD Miri yang menjaga narkotik yang dikatakan telah ditangkap dan disiasat. Sehingga sekarang ini selepas sidang media itu, saya belum lagi terbaca apa-apa perkembangan siasatan terhadap sindiket tersebut dan yang lebih penting sekali terhadap kedua-dua polis kita.

Saya harap bukan semua, ada yang mungkin disyaki dan majoriti polis memang baik telah membanteras dadah, menjaga keamanan dan kesejahteraan negara kita. *We salute them but* kita tidak boleh kompromi dengan ada polis yang bersubahat dengan sindiket ini, seumpama kita harapkan pagar, pagar makan padi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin satu laporan daripada kementerian melalui pihak polis, apakah perkembangan terhadap kedua-dua polis ini? Dia adalah Ketua Jabatan Siasatan Narkotik bahagian Miri dan juga seorang subinspektor yang terlibat. Ini harus diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa ada lagi untuk saya, saya ingin merayu kepada Tuan Yang di-Pertua supaya kita hidup semula peruntukan kepada semua warga Ahli Dewan Negara... [*Tepuk*] Boleh? Boleh Tuan Yang di-Pertua bantu dalam hal ini kerana *this is a political platform* dan peruntukan itu penting. Buat masa ini lagi kritikal untuk kita menghulurkan bantuan kepada rakyat, kepada organisasi dan kepada NGO.

Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh sampaikan pesanan saya dan seluruh Ahli Dewan Negara kepada Jabatan Perdana Menteri kerana melalui sistem permohonan peruntukan khas ataupun melalui e-Khas itu Ahli Dewan Negara dapat sedikit sebanyak bantuan peruntukan. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat, mohon mencelah. Sini, sini.

Tuan Alan Ling Sie Keong: Mana ini orang?

Tuan Manolan bin Mohamad: Sini, sini.

Tuan Alan Ling Sie Keong: Oh! jauh [*Ketawa*] Okey boleh, boleh.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak buat apa itu?

Tuan Manolan bin Mohamad: Hendak minta penjelasan. Yang Berhormat, saya pun bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi iaitu peruntukan untuk Senator. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, memang selalu masuk ke kampung-kampung Orang Asli ini dan memang banyak sebenarnya masalah dan bantuan yang perlu kita salurkan. Kecil-kecil pun kadang-kadang banyak juga, kena RM1,000, RM100, RM200. Jadi saya haraplah supaya Yang Berhormat tadi saya pun menyokonglah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Alan Ling Sie Keong: Terima kasih Yang Berhormat atas sokongan yang diberikan. Saya harap, saya merayu jasa baik Tuan Yang di-Pertua supaya bantulah kita Ahli Dewan Negara. *We are very professional; this is a less conflict...*

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Alan Ling Sie Keong: Oh, boleh, boleh. Silakan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Berapa hendak minta tambah itu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, kalau hendak tanya. Halakan ke orang yang bercakap ini. Jangan terus sahaja [*Ketawa*]

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Alan Ling Sie Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang sifar, sekarang tiada. Dulu satu penggal RM300 ribu kalau tak silap. Satu tahun hanya RM100 ribu itu pun tidak cukup Tuan Yang di-Pertua. Duit ini bukan pakai kita sendiri, duit ini untuk organisasi, untuk NGO, untuk kerja amal, untuk membiayai projek-projek kecilan untuk penduduk-penduduk kita. Duit ini akan di monitor oleh JPN dan juga termasuk MACC, campur tangan juga sebab kita kena hantar laporan dan sebagainya. Ini duit untuk rakyat dan saya harap kita mula dengan Dewan Negara ini. Itu pesanan sedikit daripada saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ada satu isu mengenai Kementerian Kewangan kerana baru-baru ini saya telah- kalau tidak silap bulan Julai, Kementerian Kewangan ada keluarkan satu kenyataan rasmi bahawa kononnya ada penularan sepucuk surat daripada Kementerian Kewangan yang mengatakan bahawa telah membenarkan sebuah syarikat untuk menjalankan judi atas talian ataupun *online gambling*.

Selepas itu, mengikut *Instagram* kementerian, mereka akan membuat laporan polis terhadap surat palsu ini yang dikatakan palsu untuk membenarkan sebuah syarikat menjalankan *business* judi atas talian. Selepas itu saya tidak tahu, adakah kementerian kewangan ataupun pegawai berkenaan telah membuat laporan polis? Adakah siasatan dalaman juga dijalankan terhadap mungkin sesiapa pegawai yang terlibat dalam

mengeluarkan atau menyalahgunakan *letterhead* Kementerian Kewangan yang ditandatangani oleh Menteri, Yang Berhormat Senator YM Tengku Dato' Sri Zafrul. Dalam hal ini saya memohon supaya Kementerian Kewangan menjawab.

Mungkin sekarang ini perkembangan pesat teknologi digital, kita ada banyak *online gambling*. Sekarang tidak payah buka kedai sudah sebab semua setiap orang ada *handphone*. Isu ini sangat serius dan kita perlukan penguatkuasaan daripada pihak polis. Akan tetapi mungkin tidak begitu berkesan kerana setiap seorang kita dapat akses kepada Internet dengan begitu mudah sekali.

Sama ada Kementerian Kewangan ada cadangan untuk membenarkan ataupun memberi kelulusan istimewa dalam hal ini supaya kerajaan pun boleh kutip cukai daripada hasil itu ataupun tidak. Kalau tidak, mungkin Kementerian Kewangan boleh memberikan satu pendirian dan yang paling penting sekali adalah mengenai surat palsu ini yang dikatakan akan dibuat laporan polis. Akan tetapi setakat ini saya belum nampak lagi apa-apa yang diumumkan oleh kementerian yang berkenaan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya harap isu-isu yang telah saya bangkitkan tadi mendapat perhatian yang secukupnya, mendapat jasa baik dan simpati daripada kementerian-kementerian yang memang komited untuk membantu rakyat. Saya harap semua isu ini akan diambil berat tanpa mengira latar belakang politik kita tetapi kita utamakan nasib rakyat kita dan kita angkat Dewan Negara sebagai satu landasan yang terbaik yang tertinggi untuk negara kita untuk kebaikan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Satu perkara yang saya dapat buat pemerhatian ialah Yang Berhormat berucap tidak menggunakan nota. Semalam saya ada memohon dari Yang Berhormat Senator supaya kita berbuat sedemikian. Oleh kerana dalam peraturan mesyuarat kita, kita tidak dibenarkan membaca.

Jadi saya ulangi itu, dari Peraturan 34 misalnya hal ini tercatat. Jadi apa yang Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong lakukan tadi saya menghargai sangat sebab mematuhi peraturan mesyuarat. Terima kasih. Saya dengan hormatnya mempersilakan, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

3.38 ptg.

Puan Lim Hui Ying: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Salam sejahtera dan terlebih dahulu tahniah saya ingin rakamkan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua bagi Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya dan memberikan peluang kepada saya di sini untuk menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berlaku pada 18 Mei 2020.

Keprihatinan Tuanku kepada kemajuan negara adalah teramat tinggi sekali. Kita sama ada sebagai penjawat awam, anggota pentadbiran, ahli perniagaan, rakyat yang muda dan tua menyanjung kasih ke atas Titah yang sangat rapat dan tepat kepada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, serangan wabak pandemik COVID-19 di seluruh negara di dunia ialah seramai 13.24 juta dengan kematian seramai 575,525 orang dan kes sembuh 7.69 juta. Namun, masih ada lagi 4.96 juta yang sedang dijangkiti dan dirawat.

■1540

Malaysia bernasib baik kerana berjaya memerangi COVID-19 dengan cemerlang. Kita dianggap antara negara yang terbaik di dunia. Mari kita rakamkan penghargaan di Dewan yang mulia ini kepada perkhidmatan kesihatan, Majlis Keselamatan Negara, anggota tentera, polis, RELA, APM, Jabatan Imigresen, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), SKMM, pihak media cetak, media elektronik dan digital serta lain-lain pihak yang tidak sempat disebut satu-persatu. Penghargaan juga kepada seluruh rakyat di negara ini daripada Semenanjung hingga ke Sarawak dan Sabah yang telah dengan taat menuruti SOP PKP, PKPD, PKPB dan PKPP. Oleh sebab pematuhan rakyat, maka negara ini dapat bangkit semula setelah mengalami episod COVID-19 yang mengerikan.

Walaupun keadaan negara kita boleh dikatakan telah berjaya memerangi penularan wabak COVID-19, namun perjuangan kita masih belum selesai. Penularan wabak ini telah memberikan pelbagai cabaran besar kepada ekonomi, pengangguran, perubahan kepada corak kehidupan rakyat jelata serta lain-lain lagi.

Seperti yang semua sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah membuat satu pengumuman untuk melanjutkan lagi tempoh PKPP sehingga Disember 2020 akibat daripada perjuangan bagi membendung penularan wabak COVID-19 yang masih belum selesai ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pengumuman tersebut, Perdana Menteri juga menyuarakan sokongan terhadap cadangan Kementerian Kesihatan agar kadar kompaun bagi kesihatan berkaitan peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 dinaikkan sekurang-kurangnya dua atau tiga kali ganda dari kadar sekarang. Menteri Kanan Keselamatan, Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob berkata kemudian bahawa kerajaan perlu membuat pindaan terhadap dua akta jika ingin meneruskan cadangan menaikkan kadar kompaun bagi kesalahan ingkar peraturan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*]. Pindaan tersebut perlu melalui Parlimen dan akan mengambil masa yang lama.

Saya berharap kerajaan mengkaji keperluan pindaan terutamanya kesesuaian jumlah kadar kompaun yang lebih tinggi apabila rakyat sedang tertekan dengan masalah pekerjaan dan pendapatan. Daripada merancang untuk menaikkan kompaun terhadap rakyat, lebih baik

kerajaan memastikan penguatkuasaan undang-undang COVID-19 secara saksama. Jangan ada dasar pilih kasih ataupun membezakan antara dua darjat di mana Menteri dan VIP dikenakan hukuman jauh lebih ringan daripada rakyat biasa.

Saya pohon status siasatan PDRM terhadap Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi yang terang-terang telah melanggar undang-undang SOP dengan tidak melaksanakan kuarantin, namun tidak dihukum seperti rakyat biasa. Apabila menteri yang kena, dihukum manja denda RM1000. Apabila rakyat biasa yang kena, dihukum denda RM8000 hingga RM12000 dan dipenjarakan.

Selain itu, lanjutan PKPP sehingga 13 Disember 2020 sudah tentu akan memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara yang kini sudah berada dalam kemelesetan. Kita faham mungkin kerajaan kluatir gelombang kedua, justeru membuat keputusan melanjutkan PKPP. Namun, sekadar melanjutkan PKPP tanpa melanjutkan dan mengembangkan bantuan kepada ekonomi, tidak mencukupi sama sekali.

Ekonomi negara kita telah menguncup 17.1 peratus di suku kedua tahun ini dan ini merupakan prestasi tercorot dalam sejarah Malaysia. Data Bank Negara Malaysia menunjukkan perbelanjaan mengurus pada suku kedua kerajaan menurun 2.1 peratus daripada tahun lalu berbanding kenaikan 5.2 peratus pada suku pertama. Sikap ambil mudah kerajaan dengan berharap ekonomi negara akan pulih seperti sedia kala tanpa sebarang tindakan yang bermakna dan pantas amat merisaukan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran telah mencecah kepada 5.3 peratus pada bulan Mei 2020 berbanding 3.2 peratus pada bulan Januari 2020. Kita memang ada sedikit penurunan di bulan Jun kerana ekonomi dibuka semula. Namun, ada ahli ekonomi yang telah menjangkakan bahawa angka 5.3 peratus tersebut belum lagi merupakan tahap tertinggi dan kalau kerajaan tidak melakukan sesuatu dengan segera, kadar pengangguran akan mencecah melebihi angka enam peratus pada bulan-bulan yang akan datang.

Walaupun Subsidi Upah dilaksanakan, terdapat rungutan daripada majikan bahawa program ini sudah kehabisan dana. Isu ini bertambah runcing apabila lebih 51 ribu orang graduan dijangka akan memasuki alam pekerjaan pada tahun ini. Saya juga berasa kluatir terhadap golongan penganggur anak muda iaitu mereka yang berumur dalam 15 sehingga 24 tahun yang akan memasuki ke alam pekerjaan serta golongan yang sudah mempunyai komitmen keluarga dan mempunyai pinjaman perumahan ataupun kenderaan yang perlu dilunaskan.

Sejurus dengan ini, saya juga ingin meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah tambahan kerajaan untuk membantu golongan yang menganggur yang begitu besar angkanya akibat pandemik COVID-19. Menurut *SME Association of Malaysia*, terdapat 900 ribu SME dalam negara kita. Antara 300 ribu SME

memenuhi kelayakan memohon *Special Relief Facility* (SRF), dengan izin, tetapi kelulusan hanya melebihi 20,000 permohonan sahaja. Begitu juga dengan SOCSO, Subsidi Upah, *Employment Retrenchment Program* yang kekurangan dana menyebabkan ada permohonan-permohonan tidak dapat diproses.

Oleh itu, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan laporan penilaian terhadap program-program dana jamin SRF, bantuan PRIHATIN, PRIHATIN 2 dan PENJANA dari segi bukan sahaja jumlah kelulusan tetapi peratusan kejayaan dan juga peratusan kegagalan ataupun permohonan-permohonan yang tidak diproses termasuk sebab dan laporan permohonan-permohonan yang ditolak. Ini kerana terdapat rungutan daripada SME, industri, majikan dan pekerja kerana permohonan mereka tidak diproses ataupun ditolak.

Jika lanjutan PKPP tidak disekalikan dengan suntikan baharu pakej rangsangan ekonomi, maka ekonomi akan terus merudum dan akhirnya rakyat yang akan susah. DAP dan Pakatan Harapan telah menggesa kerajaan untuk mengeluarkan dana tambahan RM45 bilion lagi bagi meneruskan pakej rangsangan ekonomi demi menyelamatkan pekerjaan dan perniagaan rakyat Malaysia. Selain itu, moratorium pembayaran balik pinjaman bank yang akan tamat pada akhir bulan September ini haruslah dilanjutkan untuk enam bulan lagi.

Kerajaan perlu bertindak segera untuk menyuntik dana tambahan pakej rangsangan ekonomi dan melanjutkan moratorium dibuat sekarang juga. Bukan buat tahun depan. Kita kena beri pelampung apabila orang tengah lemas, bukan setelah dia tenggelam baru hendak lontar pelampung.

Tuan Yang di-Pertua, antara kumpulan yang terjejas teruk akibat Perintah Kawalan Pergerakan adalah isi rumah yang diketuai oleh wanita dalam golongan berpendapatan rendah atau B40 di Malaysia. Ini adalah berdasarkan laporan kajian Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dikeluarkan baru-baru ini iaitu *Families on the Edge*, dengan izin, yang memberi fokus terhadap kesan krisis COVID-19 ke atas kesejahteraan hidup wanita dan kanak-kanak dalam keluarga berpendapatan rendah di Kuala Lumpur.

Dalam kajian ini, 40 peratus keseluruhan responden merupakan ibu tunggal. Majoriti ketua isi rumah wanita 50 peratus menjangkakan keadaan kewangan lebih teruk dalam tempoh enam bulan yang akan datang. Dari segi pengangguran, ketua isi rumah wanita mencatatkan angka dua digit yang tinggi iaitu 32 peratus manakala kadar pengangguran nasional lebih rendah pada 5.3 peratus.

■1550

Lebih merisaukan, sebahagian besar ketua isi rumah wanita, kekurangan perlindungan sosial, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial

(PERKESO) bagi membantu mereka menghadapi kejutan ekonomi dengan sejumlah 57 peratus berdasarkan data tahun 2019.

Pada tahun 2020 kajian menunjukkan hanya sejumlah 21 peratus responden yang kehilangan pekerjaan dan mempunyai akses kepada perlindungan sosial pekerjaan adalah wanita. Berdasarkan laporan dan statistik ini, kerajaan perlu melakukan tindakan yang segera dan tertumpu kepada mengurangkan kesulitan dihadapi kelompok kurang bernasib baik ini. Saya mempunyai tiga cadangan yang khusus berkaitan wanita.

Pertama, saya merayu agar kerajaan menambah baik lagi skim Insentif Suri (i-Suri) dengan meningkatkan sumbangan kerajaan dalam skim tersebut daripada sebanyak RM480 setahun kepada sejumlah RM1,000 setahun serta mengembangkan program ini untuk meliputi semua suri rumah tangga dan bukan mengehendak kepada mereka yang mendaftar dengan eKasih sahaja.

Kedua, kerajaan patut meneruskan program #WanitaKerja yang dilancarkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam pasaran kerja. Saya juga ingin mencadangkan agar insentif sebanyak RM500 dan RM300 sebulan kepada peserta program #WanitaKerja dan majikan mereka masing-masing, dinaikkan kepada sejumlah RM600 dan RM400 sebulan.

Ketiganya disebabkan kerisauan terhadap golongan kurang tumpuan seperti ini, saya selaku Ahli Dewan Negara yang menyokong cadangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin agar bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat antara sejumlah RM200 hingga RM300 untuk orang yang memerlukan ditingkatkan kepada RM1,000. Dengan menaikkan bantuan bulanan kesejahteraan sosial, dengan izin, *social welfare monthly aid* kepada RM1000, ia akan membantu mereka yang memerlukan daripada semi kewangan terutama daripada golongan ketua isi rumah wanita B40.

Susulan daripada penyemakan semula Jabatan Perangkaan Malaysia ke atas garis kemiskinan dengan kaedah yang baharu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menyelaraskan syarat penerimaan bantuan bulanan JKM bersekali dengan peningkatan jumlah bantuan kepada sebanyak RM1000 sebulan berdasarkan pendapatan garis kemiskinan yang baharu. Pendapatan garis kemiskinan baharu tahun 2019 ialah sejumlah RM2,208 melebihi dua kali ganda berbanding RM980 sebulan bagi satu isi rumah pada tahun 2016. Ketika negara dan rakyat sedang bergelut dengan kemelesetan ekonomi, penambahan perbelanjaan kerajaan dan sekiranya kerajaan perlu meminjam lebih banyak untuk menampung perbelanjaan tersebut, ia adalah sesuatu yang boleh kita sama-sama setuju dan menyelamatkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan prinsip yang sama, saya tidak setuju sama sekali dengan beberapa pengumuman pembatalan dan penangguhan projek yang berbentuk perbelanjaan pembangunan di negeri Pulau Pinang. Tindakan Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan kerisauan dan menunjukkan sikap ambil ringan Kerajaan Persekutuan dalam usaha mengeluarkan negara daripada kemelesetan ekonomi. Ini adalah kerana keputusan seperti ini akan memperlahankan kegiatan ekonomi dan seterusnya memberi kesan buruk kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Contohnya adalah tindakan kerajaan membatalkan projek pembangunan di Pulau Pinang seperti projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bernilai sejumlah RM800 juta dan kereta kabel Penang Hill bernilai sejumlah RM100 juta. Projek-projek yang telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2020 di Parlimen tahun lalu untuk Pulau Pinang bertujuan untuk menangani kapasiti penumpang yang berlebihan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan juga di Penang Hill, Bukit Bendera. Selain menyelesaikan masalah kapasiti, projek-projek pembangunan seperti PIA dan Penang Hill juga dapat menyumbang impak ekonomi yang positif yang amat diperlukan negara untuk keluar segera daripada kemelesetan ekonomi yang disebabkan oleh wabak COVID-19.

Tindakan Kementerian Pengangkutan mengambil keputusan secara terburu-buru dan tidak bertanggungjawab untuk menangguhkan projek tersebut sehingga tahun 2023 tanpa sebab yang munasabah amatlah mendukacitakan terutama kepada rakyat Pulau Pinang. Ini menimbulkan rasa syak wasangka bahawa keputusan ini adalah berlandaskan pertimbangan politik.

Jangan sesekali mempertaruhkan ekonomi negara yang sedang bergelut dengan kemelesetan ekonomi dan kebajikan rakyat dengan politik balas dendam dan manipulasi. Saya menyeru Kerajaan Persekutuan agar meneruskan kembali projek-projek pembangunan ini demi kepentingan rakyat Pulau Pinang dan Malaysia.

Dengan ini sukacita saya mengakhiri ucapan saya dan saya menyokong dan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

3.56 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah ke atas pemilihan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Begitu juga kepada rakan-rakan Senator yang baharu sahaja dilantik dan mengangkat sumpah masuk ke Dewan. Terima

kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan dan peluang saya untuk berbahas, terlibat dengan perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong semasa Majlis Pembukaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara baru-baru ini.

Saya juga ambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan sebab kita sekarang ini dalam bulan kemerdekaan dan saya rasa ini satu masa yang sangat penting bagi kita untuk bersatu dan memupuk perpaduan dalam negara kita Malaysia. Saya mulakan perbahasan saya ini dengan perkara berkaitan dengan kemerdekaan sebab ini penting. Baru-baru ini di Sabah kita berasa agak terkilang kerana tuntutan Filipina ini timbul kembali. Apabila kita merayakan kemerdekaan, selalunya kita merayakan perasaan kita ini bebas, kita ini telah bebas daripada kuasa penjajah dan juga tekanan-tekanan daripada kuasa-kuasa di sekeliling kita.

Akan tetapi, apabila baru-baru ini Kerajaan Filipina membuat satu *claim* ataupun tuntutan yang saya rasa agak provokatif, saya rasa ini adalah satu tindakan yang mencabar kedaulatan negara Malaysia dan juga apatah lagi mencabar kedaulatan negeri Sabah serta kedudukan Sabah di dalam Persekutuan Malaysia. Saya ingin membawa ini supaya di Dewan Negara ini kita harus mengambil tindakan ataupun langkah untuk mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Filipina ini. Oleh sebab ini adalah satu bukan sahaja melanggar semangat yang dipupuk dalam ASEAN, iaitu sebuah kerjasama dalam ASEAN, tetapi juga ia telah melanggar pelbagai peraturan-peraturan dan juga perjanjian-perjanjian di peringkat antarabangsa Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya sebagai Senator dari Sabah, saya ingin minta kerjasama dengan juga sokongan kalau boleh kita keluarkan satu mesej yang keras kepada pihak Kerajaan Filipina untuk menarik balik segala tuntutan mereka terhadap negeri Sabah. Ini kerana, setahu saya Sabah itu sama dengan Malaysia, tidak akan satu inci pun dari negeri Sabah itu akan jatuh ke tangan Filipina. Saya minta supaya Kementerian Luar Negeri untuk membuat satu kenyataan untuk mengutuk sekeras-kerasnya tindakan dan juga *claim* ataupun tuntutan dari Filipina ini.

Saya juga ingin meminta kalau boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk memanggil Duta Filipina ke Malaysia dan menyatakan kekesalan Kerajaan Malaysia terhadap tindakan Filipina ini.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, pada 31 Ogos ini adalah satu tarikh yang sangat signifikan bagi Malaysia. Ia juga menandakan tarikh Hari Kebangsaan. Namun, tarikh ini juga bertindih dengan banyak perkara. Jadi, bagi saya di Sabah, pada 31 Ogos itu juga satu tarikh yang sangat signifikan kerana dua perkara.

Pertama, kerana pada 31 Ogos tahun 1963, kita di Sabah telah ada pemerintahan sendiri, tahun 1963. Jadi, apabila kita merayakan Hari Kebangsaan biasanya kita laungkan

Selamat Hari Kebangsaan ke-63 tahun ini. Akan tetapi, di Sabah kita agak keliru sikit sebab 63 tahun itu beza dengan tahun 1963, kita baru 57 tahun. Jadi, kadang-kadang isu berkaitan dengan Hari Kemerdekaan ini masih samar-samar.

Jadi, saya rasa kita harus mengambil satu pendekatan berkenaan dengan untuk memastikan bahawa apabila sejarah-sejarah yang berlaku di dalam negara ini dapat diterangkan dengan lebih terbuka untuk menerima fakta-fakta sejarah berkenaan dengan Hari Kemerdekaan kita. Harusnya saya rasa sejarah seperti ini juga diperhalusi ketika kita memasukkan *syllabus* ke dalam sekolah, khasnya dalam mata pelajaran Sejarah.

Tarikh yang kedua yang maksud saya Tuan Yang di-Pertua adalah pada 31 Ogos tahun 1964 iaitu ulang tahun Batu Sumpah Keningau. Saya rasa di dalam Dewan yang mulia ini ramai tidak tahu apa itu Batu Sumpah Keningau. Akan tetapi, bagi kami masyarakat asal, orang Asal di Sabah, batu sumpah ini sebenarnya adalah satu dokumen ataupun satu batu sumpah yang sangat penting. Ini disebabkan di dalam sejarah penubuhan Malaysia, semasa *Cobbold Commission* dan juga membuat pungutan suara untuk mengetahui adakah Sabah ataupun pada masa itu *North Borneo* setuju dengan kemasukan dan juga penubuhan Federasi Malaysia atau *The Malaysian Federation*.

Pada masa itu, pemimpin-pemimpin di pedalaman Sabah yang diketuai oleh G. S. Sundang, Datuk OKK Sedomon dan juga pemimpin kaum-kaum adat pada masa itu sebenarnya telah ambil pendirian bahawa mereka tidak bersetuju dengan Malaysia. Jadi, apa yang telah mereka buat mereka mahu supaya Sabah merdeka dulu daripada *British*, baru kita buat satu perjanjian baharu dengan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak pada masa itu.

Akan tetapi, kerana keinginan dan juga semangat untuk merdeka pada masa itu, Tun Haji Mohammad Fuad Stephens dan ramai lagi pemimpin yang menyokong *Federation of Malaysia* pada masa itu telah berunding dan berbahas banyak kali bersama dengan kita punya pemimpin di pedalaman yang diketuai oleh G. S. Sundang. Akhirnya, G. S. Sundang bersetuju tetapi dengan syarat. Ini kerana menurut G. S. Sundang pada masa itu, dia bilang ini kertas, 20 perkara dan undang-undang semua ini boleh dipinda pada bila-bila masa. Boleh diubah dan boleh dimansuhkan.

Jadi, beliau bersama dengan pemimpin-pemimpin masyarakat adat di sana, Orang Asal telah mengatakan bahawa- okey, kita akan setuju kalau kita bersumpah dan kita mahu ada satu monumen untuk menandakan jaminan-jaminan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pemimpin-pemimpin pada masa itu tidak minta banyak. Mereka hanya minta tiga perkara iaitu dijamin untuk memastikan bahawa mereka pemimpin masyarakat Asal bersumpah dan akan taat setia kepada Malaysia. Batu ini masih ada di Keningau dan kita masih boleh melawatnya.

Saya baru-baru ini telah membuat lawatan dan sedikit mendapat maklumat daripada kurator Muzium Keningau dan baru-baru ini menurut beliau batu sumpah itu telah dipindahkan ke perkarangan Muzium Warisan Keningau. Ini juga adalah satu- saya rasa tindakan yang baik kerana sebelum ini, batu sumpah terletak di perkarangan Pejabat Daerah Keningau yang tidak senang untuk dilawatlah. Akan tetapi, dengan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan, peruntukan telah diberikan untuk membuat ia di satu tempat yang lebih sesuai.

Saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan pada masa itu, Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2017 telah melalui Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya pada masa itu, Dato' Sri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz telah mengisytiharkan batu sumpah itu sebagai satu warisan negara telah memperuntukkan sejumlah bajet untuk memindahkan batu-batu sumpah tersebut. Batu sumpah itu masih di Muzium Warisan Keningau.

Perkara yang saya maksudkan tadi adalah jaminan-jaminan yang telah terpahat di atas batu itu. Sangat menarik sebab dalam batu sumpah itu, pemimpin-pemimpin di pedalaman telah minta tiga perkara. Pertama sekali adalah agama bebas di Sabah. Ini kerana mereka menyedari bahawa di dalam satu-satu keluarga besar itu ada banyak kepelbagaian. Ada beragama Islam, Kristian dan pada masa itu masih juga ramai mengamalkan agama tradisi. Jadi, mereka tahu bahawa kalau agama itu tidak bebas, sudah tentu keharmonian dan juga hidup dalam keluarga besar ini, mungkin ada konflik. Jadi, mereka mahu agama itu bebas di Sabah.

Perkara kedua adalah tanah-tanah di dalam Sabah dikuasai oleh kerajaan Sabah. Jadi, tanah itu sangat penting bagi masyarakat orang Asal. Tanpa tanah itu tiada jati diri dan tanpa tanah tidak akan dapat hidup. So, hak terhadap tanah itu sebenarnya sama dengan hak untuk hidup bagi masyarakat orang Asal.

Ketiga, ada istiadat anak rakyat Sabah dihormati dan dipelihara oleh kerajaan. Jadi, adat istiadat itu sebenarnya undang-undang yang telah wujud sebelum apa-apa kerajaan. Jadi, pengamalan adat itu adalah sangat penting bagi masyarakat Orang Asal di Sabah. Di dalam plag tersebut, ada satu perkataan yang saya perlu baca di sini ialah:

“Batu Sumpah Peringatan Mengikut Perlembagaan.

Kerajaan Malaysia Jamin:

- 1. agama bebas dalam Sabah;*
- 2. tanah dalam Sabah di-kuasa oleh kerajaan Sabah; dan*
- 3. adat istiadat anak rakyat Sabah di-hormati dan di-pelihara oleh kerajaan.*

Sebalek pula, rayat2 Sabah di-dalam interior bersumpah taat setia kepada kerajaan Malaysia”.

Begitulah sumpah...

Puan Asmak binti Husin: Mohon mencelah, mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Puan Asmak binti Husin: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Saya ingin bertanya tentang tadi tuntutan mengenai agama bebas. Ini sebab sefaham saya ikut Perlembagaan, memang bebas kecuali kepada bangsa Melayu. Jadi, mungkin dapat dihuraikan sedikit tentang isu ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah? Sila.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih. Ulasan saya di sini, agama bebas maksud di sini adalah ia merangkumi semua. Akan tetapi, apa yang penting adalah sebenarnya pada masa itu, kebimbangan utama pemimpin-pemimpin Sabah adalah mereka takut bahawa kalau kita masuk Malaysia, ia akan jadi negara Islam pada masa itu. Itulah sebab mereka mahu supaya ada jaminan bahawa Malaysia ini adalah sebuah *federation* yang mengamalkan *secularism* daripada segi agama.

Memang kita akui bahawa Perlembagaan menyatakan agama Islam itu sebagai agama rasmi Persekutuan tetapi di Sabah mereka mahu supaya tidak ada halangan dan tidak ada sebalang- *sorry*, sebarang provokasi ataupun yang menghalang pengamalan agama-agama secara bebas. Jadi, itu maksud saya. Okey.

•1610

So, saya teruskan perbahasan ini. Jadi bagi saya jaminan itu tadi sangat penting sebab tanpa jaminan ini sebab Batu Sumpah ini sebenarnya ada dua hala. Jadi bagi saya inilah *social contract* yang ada pada kami di Sabah. Tanpa tiga perkara ini di bilang, ini sebaliknya pula taat setia.

Jadi, inilah saya mahu pastikan bahawa minta Kerajaan Persekutuan untuk memastikan jaminan-jaminan ini dan saya berterima kasih kerana tindakan pertama oleh Kerajaan Persekutuan, melalui kerajaan yang lalu telah memperakui bahawa Batu Sumpah ini adalah satu khazanah warisan negara kita. Akan tetapi, jangan anggap dia sebagai hanya satu warisan tetapi sesuatu dokumen. Ya, Orang Asal ini tidak ada bahasa bersurat. Jadi semua kita ini secara *oral tradition*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita mahu pastikan bahawa apa-apa jaminan yang ada dalam Batu Sumpah itu haruslah diperakui dan juga dimartabatkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi, untuk seterusnya Tuan Yang di-Pertua, tahun ini kita merayakan ulang tahun Rukun Negara ke-50. Ini signifikan kerana Rukun Negara ini adalah prinsip-prinsip yang telah dipilih dan selepas berlakunya Peristiwa 13 Mei dan banyak perkara yang pada masa itu dalam proses pembinaan negara bangsa itu, kita telah menerima prinsip-prinsip Rukun Negara ini. Akan tetapi malangnya kebanyakan daripada prinsip-prinsip Rukun Negara ini sering kali

diabaikan, bukan sahaja oleh- kadang-kadang ada ahli-ahli politik, tetapi bahkan banyak kita ini tidak menjiwai prinsip-prinsip ini.

Saya harap- saya rasa di Sabah ini prinsip Rukun Negara ini sangat penting sebab untuk menjadikan kita sebagai satu negara bangsa, kita mesti ada satu prinsip-prinsip yang kita pegang bersama. Saya harap bagaimana kita boleh meningkatkan kita punya nasionalisme ini dengan memastikan bahawa prinsip-prinsip ini diangkat dan dimartabatkan dalam semua lapisan masyarakat. Jadi saya minta supaya khususnya, Kementerian Perpaduan untuk meningkatkan lagi program untuk memastikan prinsip-prinsip Rukun Negara ini diterapkan dengan lebih mendalam dan dijiwai dalam setiap genap masyarakat Malaysia di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membawa isu yang berkaitan dengan Batu Sumpah tadi kerana ia adalah satu bentuk jaminan. Akan tetapi bagi saya, ada sesuatu perkara dalam Perlembagaan yang harus kita perbetulkan. Pertama sekali adalah berkenaan dengan Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi dalam Persekutuan. Kita harus perbetulkan itu kerana pindaan Perlembagaan terhadap Perkara 1(2) pada 28 Ogos 1976 telah menurunkan tarafkan Sabah dan Sarawak itu kepada hanya 13 negeri sedangkan dalam penubuhan Persekutuan Malaysia kita adalah rakan kongsi setara termasuk Singapura pada masa itu tetapi malangnya Singapura pada tahun 1965 sudah tidak ada bersama kita.

Akan tetapi perkara ini harus dilihat kembali dan malangnya masih lagi gagal kita kembalikan kita punya status ini, sungguhpun ada tindakan untuk meminda Perlembagaan ini tahun lalu oleh Pakatan Harapan. Akan tetapi kerana tidak mendapat sokongan dua per tiga daripada Dewan Rakyat jadi rang undang-undang tersebut tidak berjaya lepas. Jadi, saya mohon kepada Perdana Menteri untuk mengembalikan lagi agenda ini sebab ia sangat penting bagi Sabah dan Sarawak.

Oleh sebab kalau perkara ini kita tidak dapat perbetulkan, maka Perjanjian Malaysia 1963 itu tidak ada ertinya. Oleh sebab kita ini hanya satu daripada 13, sedangkan *Malaysian Agreement 1963* (MA63) itu adalah satu dokumen yang penting dalam membentuk Persekutuan Malaysia. Jadi, saya mintalah kepada pihak kerajaan khususnya oleh Perdana Menteri untuk kembalikan hasrat untuk meminda Perlembagaan ini kembali kepada *wording-wording* yang sebelum ini yang asal dan kalau boleh lebih baik daripada yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, poin yang seterusnya saya ingin kemukakan di sini adalah berkaitan dengan PTI. Oleh sebab pendarat tanpa izin (PTI) ini, adalah satu isu yang sangat kronik di negeri Sabah. Jadi, kehadiran mereka yang sangat ramai itu bukan sahaja menggugat kita dari segi *security* tetapi juga memberi tekanan yang sangat dahsyat terhadap ekonomi Sabah.

Sungguhpun mereka ini juga menyumbang kepada ekonomi tetapi kerana kehadiran mereka yang sangat banyak juga memberi tekanan terhadap kita punya hospital, infrastruktur dan sebagainya. Jadi, saya minta penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri berhubung kait dengan isu dokumen IMM13, dan Pas Sementara Sabah (PSS) yang sebelum ini diumumkan. Buat masa ini kita tidak tahu mana satu yang akan diteruskan oleh kerajaan sekarang.

Jadi, kami minta kalau boleh mendapat penjelasan sejelas-jelasnya daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa dokumen-dokumen yang akan dikeluarkan untuk menangani isu PTI ini dapat memberikan penyelesaian yang terbaik sebab banyak perbincangan telah berlaku berkaitan mana satu yang bagus, IMM13 kah, ataupun PSS. Akan tetapi asas pokoknya adalah adakah pendatang tanpa izin (PTI) ini selepas diberi dokumen IMM13 atau PSS, adakah mereka ini mendapat hak untuk mendapat kewarganegaraan. Itu perkara pokoknya.

Jadi, mana-mana dokumen yang membolehkan mereka dapat warganegara itu seharusnya diambil dengan serius, apatah lagi apabila kita pernah mengadakan *Royal Commission of Inquiry* (RCI) berkenaan dengan isu PTI ini. Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, apakah status RCI berkenaan dengan pendatang tanpa izin yang pernah dijalankan di Sabah. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk menangani isu ini sebaik mungkin? Oleh sebab selagi kita tidak buat tindakan seperti ini, isu PTI di Sabah akan terus menghantui banyak kita di Sabah. Sukar untuk kita bergerak sebab ini bukan sahaja menggugat keselamatan tetapi juga menggugat keharmonian. Isu ini selalunya dipolitikkan, apatah lagi sudah sampai tiba pilihan raya di negeri Sabah tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan COVID-19. COVID-19 saya rasa semua orang ada ulas tetapi saya ingin membawa beberapa perkara yang sangat penting sebab COVID-19 ini sebenarnya telah membawa beberapa perkara. Pertama sekali adalah, berkenaan dengan *internet*. Kadar penembusan dan kualiti *internet* ini. Pagi tadi ada soalan kepada Menteri Komunikasi berkenaan dengan seorang *Youtuber* itu sanggup kena naik pokok dan dapatkan *internet* yang laju tetapi jawapan dia seakan macam *sweeping under the carpet*, dengan izin.

Oleh sebab dia kata Viviana itu cuma seorang *Youtuber*, memang minta perhatian. Akan tetapi bagi saya Viviana itu hanya seorang daripada ribuan remaja yang sama umur dengan dia yang mengalami masalah yang sama, ini bukan masalah terpencil. Jadi, saya mahu minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan dengan lebih jelas, apakah tindakan untuk memastikan bukan sahaja menangani yang takrifnya di bilang *blind spot* ataupun titik buta itu tetapi memastikan kualiti *internet* itu.

Oleh sebab biasanya saya pergi ke luar bandar, bila saya nampak, ada *line* laju, *full bar* tetapi apabila kita *try* telefon tidak dapat, cuma ada *line* sahaja tetapi kita tidak boleh *call-out*, kita tidak boleh *call* masuk. Data itu *almost zero*. Maksudnya *tower to tower*, *tower to handphone* itu memang ada tetapi daripada menara itu pergi ke hab, pergi ke satelit tidak ada *link* dia. So, sebenarnya bunga-bunga sahajalah.

■1620

Jadi inilah yang saya minta penjelasan daripada Menteri Komunikasi dan Multimedia, apa tindakan kita untuk memastikan syarikat-syarikat telekomunikasi ini memberikan perkhidmatan yang terbaik terhadap rakyat di pedalaman.

Jadi seterusnya, akibat daripada kurangnya penembusan *internet*, bukan sahaja kurang tetapi kualiti penembusan itu, maka isu-isu lain timbul. Contohnya, perbankan, perbankan ini penting. Jadi kalau saya, maksudnya dulu saya pernah dan banyak kali masuk ke *interior*, Pensiangan, Kota Marudu, Ranau dan saya tanya orang-orang sana macam mana, ada bantuan dari kerajaan kah? Dia bilang ada Bantuan Prihatin Nasional.

Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kita punya bank di sana tidak ada ATM. Jadi bayangkan seorang itu kena pergi pekan yang terdekat, dia belanja lebih kurang RM150 hingga RM200 untuk sampai sana pergi dan balik. Bantuannya berapa sahaja? Jadi kenapa tidak ada sistem perbankan yang lebih mesra penduduk luar bandar.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Ekonomi, apakah tindakan mereka untuk memastikan bahawa kadar penembusan dan adaptasi *e-wallet* sistem ini lebih tinggi sebab baru-baru ini saya bersama dengan *United Nations Development Programme* (UNDP) telah buat kajian di beberapa daerah. Contohnya, daerah Pagalungan dan malang sekali dalam kajian itu kita dapati bahawa hanya 10 peratus sahaja daripada responden kenal apa itu *e-wallet* dan lima peratus sahaja pernah guna.

Jadi maksudnya, walaupun kita ada bantuan dan semua ini yang cuba diberikan oleh kerajaan tetapi ia tidak sampai kerana *delivery* dan juga infrastruktur itu mengehendkan kadar penembusan dan adaptasi *e-wallet* sistem ini. Jadi kita mahu supaya Menteri Komunikasi dan Multimedia bekerjasama dengan Menteri Ekonomi untuk memastikan bahawa kadar adaptasi sistem *e-wallet* ini khasnya di luar bandar dapat ditingkatkan dan di promosi dengan lebih baik.

Ketiga, perkara yang telah timbul dalam isu COVID ini ialah kesihatan. Memang saya *salute* kepada semua kita punya *frontliners* khasnya yang telah berhempas-pulas untuk memastikan bahawa pandemik ini dapat dikawal khasnya petugas-petugas kesihatan kita. Akan tetapi apa yang telah berlaku semasa pandemik ini ialah hospital-hospital ini telah dihadkan dan kebanyakan daripada orang-orang yang terpaksa mahu dapatkan *review*, mendapatkan khidmat pakar, *appointments* mereka ini terpaksa dipanjangkan. Mereka harus tunggu dengan masa yang lebih panjang.

Bayangkan orang kampung, baru-baru ini saya ada bantu beberapa orang yang menghidap penyakit diabetes dan kanser. Ingin mendapatkan rawatan dan juga konsultasi seterusnya kepada pihak pakar tetapi kena tinggal beberapa hari kerana mereka harus tunggu giliran ini kerana hospital tidak lagi membenarkan mereka duduk di sana. Akan tetapi malangnya tidak ada tempat tinggal. Jadi macam mana, bagaimana kita punya Kementerian Kesihatan boleh membantu golongan ini dan keluarga mereka untuk memastikan ada tempat tinggal sementara mereka menunggu giliran untuk mendapatkan *appointment* dengan pihak pakar dan juga mendapat rawatan di hospital-hospital yang lebih besar.

Keempat, pelancongan. Pelancongan ini bagi Sabah adalah industri yang paling penting. Malangnya akibat COVID-19, pelancongan ini hancur kerana kekangan dan juga penutupan sempadan kita. Jadi pelancong-pelancong- *tourists*, yang biasanya datang daripada China, Korea tidak lagi dapat datang ke Kota Kinabalu dan ke Sabah. Biasanya mereka terus juga ke Sarawak untuk melancong.

Jadi bagaimana Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dapat membantu untuk meringankan bebanan khasnya untuk pengusaha-pengusaha *resorts*. Baru-baru ini saya pergi ke Sepilok, saya pergi ke Sandakan dan ke Sepilok sebab anak saya mahu tengok Orang Utan. Akan tetapi bila sampai sana, biasanya kita akan nampak bas-bas, operator itu semua penuh tetapi apa yang saya nampak ketika itu sangat hairan kerana hanya kami empat orang yang lihat Orang Utan makan. Langsung tidak ada pelawat. Bila saya tanya pengusaha *resort*, kafeteria sana memang merana. *Business* mereka memang merudum dan sangat teruk terjejas dengan ini.

Jadi bagaimana kita boleh membantu? Saya menyambut baik saranan-saranan daripada rakan-rakan yang telah menyatakan bahawa cara kita untuk mempromosikan ini adalah untuk buat promosi pelancongan. Saya tanya kepada khasnya kita punya Menteri bagaimana. Kita juga ada seorang Timbalan Menteri daripada Sabah untuk melihat perkara ini. Saya mintalah, kalau baru-baru ini mungkin saya boleh mencadangkan di sini beliau boleh membuat satu pakej pelancongan politik ke negeri Sabah.

Contohnya PRN akan datang, kita mintalah seberapa ramai Menteri datang, dengan pegawai-pegawai datang ke Sabah dan berbelanja untuk ke restoran-restoran dan hotel-hotel kita. Tidak payahlah pergi politik, pergi makan sahaja *seafood* di Sabah, cukup. Jadi kita mahu supaya lebih ramai pelancong politik ini sampai ke Sabah. Bolehkah? Jadi saya harap rakan-rakan Yang Berhormat Senator juga kalau dapat datang, tolong-tolonglah kita punya industri pelancongan di Sabah. Saya juga menyambut baik cadangan untuk syarikat-syarikat penerbangan mengadakan insentif untuk membolehkan...

Tuan Nga Hock Cheh: Yang Berhormat.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Ya, silakan.

Tuan Nga Hock Cheh: Adakah wajar sekiranya kita minta Kerajaan Negeri Sabah beri satu jemputan kepada semua Ahli Dewan Negara pergi melawat pelancongan di Sabah?...
[Tepuk] [Ketawa]

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Saya rasa dialu-alukan Yang Berhormat, sebab kali ini kalau boleh datang tanpa undangan pun datanglah ya. Tidak payah tunggu kerajaan untuk undang kita sebab di Sabah kita akan terbuka untuk kita mengalu-alukan pelawat-pelawat khususnya untuk rakan-rakan Senator saya di sinilah.

Syarikat penerbangan tadi, saya ingin membawa isu ini sedikit sebab kita perlu bukan sahaja menambahkan kadar kekerapan terhadap penerbangan dari segala destinasi ke Sabah tetapi juga kita perlu memperkenalkan sistem rebat kepada mereka yang sanggup datang ke Sabah dan pakej-pakej yang membolehkan kita, menggalakkan pelancongan tempatan. Jadi kita berharap supaya industri ini dapat pulih sementara kita menunggu sempadan dan juga pelancongan dari antarabangsa dapat datang kembali ke negeri Sabah dan seterusnya di Malaysia.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin bawa di sini adalah tentang jalan masuk kampung. Memandangkan jalan masuk kampung ini sangat kritikal juga sebab saya nampak banyak daripada kampung-kampung ini masih bertaraf *highway gravel* dan *highway* habuk. Kalau kita datang ke negeri Sabah, kamu pergi ke Kota Kinabalu itu okeylah sebab kita punya *highway* ini semakin dapat ditingkatkan.

Akan tetapi, jalan-jalan masuk ke kampung itu sangat penting sebab ia bukan sahaja jalan perhubungan tetapi ia juga adalah satu daripada infrastruktur yang sangat penting bagi ekonomi untuk mengeluarkan hasil-hasil tani. Sabah sebagai pengeluar sawit yang terbesar di negara ini mendapati bahawa kalau jalan-jalan masuk kampung ini tidak di selenggara dengan baik, memang orang-orang kampung ini akan mendapat kesan kerana terpaksa berbelanja lebih untuk penyelenggaraan kenderaan dan sebagainya.

Ini termasuk juga projek Pan Borneo. Saya ingin bertanya kepada Jabatan Kerja Raya, apakah status pelaksanaan Pan Borneo apabila pakej-pakej yang sebelum ini banyak yang telah dikaji semula. Kita pun tidak tahu mana satu status yang sebenar. Jadi kita mahu supaya satu penerangan yang lebih jelas tentang prosedur-prosedur untuk mempercepatkan pembinaan Pan Borneo ini.

■1630

Saya difahamkan bahawa kebanyakan daripada kita punya isu Pan Borneo ini, kenapa dia lambat, pertama kerana pembayaran pampasan, pampasan terhadap rumah yang terpaksa dirobokkan, tanam-tanaman yang akan rosak dan juga tanah-tanah yang diambil. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan tanah yang diambil.

Kebanyakan daripada isu tanah ini timbul kerana nilai pampasan untuk tanah khasnya tanah adat yang tidak bergeran itu adalah sangat rendah sekali. Malah inilah yang menjadi isu yang membuatkan mereka pemilik tanah ini rasa tertindas. Ini kerana jiran mereka yang bergeran itu di sebelah dia dapat pampasan yang jauh lebih tinggi berbanding mereka yang hanya mempunyai tanah adat, *Native Customary Rights*, dengan izin.

Jadi mengapa ada dua darjat dari segi nilai pampasan tanah itu sedangkan tanah itu tanah yang sama? Bukan ada berlian pun di dalam dia ataupun ada emas. Akan tetapi kenapa ada dua standard dalam membayar pampasan ini? Kemudian proses pembayaran juga sangat lama, banyak daripada orang-orang yang mendapat masalah ini adalah mereka ada- tanah itu adalah satu-satunya tanah pusaka mereka. Jadi kalau disuruh pindah, mahu pergi mana?

Jadi saya rasa pihak kerajaan khasnya Jabatan Kerja Raya harus juga bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan ada rumah-rumah yang tersedia kepada mereka yang tidak ada tempat lain untuk pindah. Sebab Pan Borneo ini harus dipercepatkan tetapi mereka tidak ada tempat untuk pindah selalunya rumah mereka itu akan jadi pulau dan akan selalunya dibanjiri ketika hujan dan berhabuklah. Kesian kehidupan mereka ini.

Jadi saya ingin mintalah kepada pihak kerajaan khasnya Kementerian Kerja Raya untuk mempertimbangkan kita punya syor-syor ini untuk memastikan bahawa pelaksanaan Pan Borneo ini dapat dijalankan dengan lebih teratur dan adil kepada khasnya mereka yang duduk di tanah dan mereka yang tidak berkemampuan untuk mencari tempat untuk lain tinggal.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sampai di situ sahaja perbahasan saya pada kali ini. Saya mohon menyokong menjunjung kasih Titah ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Bercakap dengan penuh makna tadi masa Speaker turun, dia bisik kepada saya dia kata ucapan Yang Berhormat itu menarik dan padat. Maksudnya baiklah. Tahniah ya. Dia kata bagus poin yang dibawa oleh kita punya Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie, daripada Sabah kan? Baik, tahniah-tahniah.

Saya rasa apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi penuh makna. Antara lain berbudi kita, hormati yang muda, kasih yang tua ingat ya. Saya ingat itu, bak selalu saya katakan.

*Bunga melur bunga melati;
Mari pakai di ufuk hati;
Budaya orang kita ini yang tua dihormati;
Yang muda dikasihi... [Tepuk]*

Itu dia, amal itu. Itu yang diamalkan oleh Yang Berhormat kita. *That's why* dia boleh tengok orang, dia *respect* itu. *Respect the elders, love the youngsters*, dengan izin. Itulah

amalkan. Jadi tahniah Yang Berhormat ya, sudah laksana. Banyak lagilah, budi bahasa kita mesti menarik. Kita rendahkan diri kita, yang mana kita hendak memikat orang kampung kita tadi. Hendak suruh orang hormat kita senang sahaja, budi bahasa kita. Bongkak dan sombong tidak ada kita punya sejarah. Itu dia. Budi baik dikenang orang, yang pernah saya katakan tadi.

*Di atas bukit tanamnya ubi;
Burung tempua membuat sarang;
Bukan budi sebarang budi;
Budi baik dikenang orang.*

Tepuk tangan sikit... [Tepuk] Itu dia. Ingat, amalkan pemimpin ini. Itu cara hendak naikkan orang itu supaya maju kita punya negeri iaitu budi bahasa. Budi bahasa jangan lupa, ini *simple things* sahaja untuk kepentingan kita punya rakyat dan juga masyarakat kita ya. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Sini saya tanya ada siapa lagi hendak cakap, ada? Saya bagi lagi seorang, dua lagi, boleh tambah sorang, dua lagi. Ada yang hendak bercakap hari ini? Macam apa- siapa yang hendak bercakap? Yang Berhormat Senator Puan Asmak ada. Yang Berhormat Senator Puan Asmak belum lagi ya?... [Disampuk] Hari ini ada lagi yang hendak bercakap sini, saya beri peluang, Yang Berhormat Senator Puan Asmak sudah. Ada lagi siapa lagi, boleh tambah seorang lagi. Saya bagi peluang seorang lagi.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua: Nama tolong, namanya?

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Puan Asmak dulu selepas itu...

Timbalan Yang di-Pertua: Apa namanya?

Puan Asmak binti Husin: Yang Berhormat Senator Tuan Idris.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad. Selepas Puan Asmak. Puan Asmak dulu selepas itu Yang Berhormat Senator Tuan Idris.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Idris ya?

Datuk Razali bin Idris: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, *insya-Allah* Yang Berhormat Senator Tuan Idris ya. Baik, terima kasih dan dijemput Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, dipersilakan.

4.36 ptg.

Puan Asmak binti Husin: *Azubillah minas'shayton nirrajim. Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah rabbi'l'amin. Wassalatu wassalamu ala asrafil ambiya iwalmursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk kali ini. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada barisan hadapan yang banyak terlibat seketika menguruskan pandemik COVID-19. Saya rasa ada barisan hadapan yang mungkin tidak didendangkan iaitu seperti jentera-jentera parti, tok penghulu-tok penghulu, MPKK, JPKK. Mereka juga banyak bertungkus-lumus untuk menyelesaikan isu-isu rakyat di bawah.

Contohnya ketika saya membuat pengagihan dekat kawasan di Kelantan, ada tok penghulu ini akaun dia itu menjadi akaun umum. Maksudnya apa dia, anak-anak yang terpisah dari warga emas dan sebagainya kirim melaluinya dan minta tolong untuk dia tengok. Warga emas yang tak boleh hendak pergi dapatkan duit, dia yang kena keluarkan duit. Jadi ini adalah sebenarnya wira yang tidak didendangkan ketika berlaku pandemik dan mungkin kita juga perlu melihatlah kepada usaha-usaha yang mereka lakukan dan sebenarnya gaji mereka ini sangat kecil.

Okey, seterusnya memandangkan saya ini wakil daripada Kelantan, saya akan mulakan dulu...

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Yang Berhormat boleh saya mencelah? Tuan Yang di-Pertua. Bila bercakap tentang ketua kampung tadi, saya melihat apa yang saya bangkitkan tadi pentingnya kita menghargai peranan ketua kampung, fungsi MPKK. Apa yang Yang Berhormat Senator Puan Asmak jelaskan tadi bagaimana pengorbanan ketua kampung dalam membantu mengagih bantuan dan memberi sokongan ketika musim COVID-19 ini. Itu sebab saya mencadangkan supaya elaun pengerusi MPKK ataupun ketua kampung di naikkan daripada RM1,200. Adakah Yang Berhormat setuju?

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa. Saya kalau untuk kepentingan rakyat di bawah saya bersetuju, namun kita serahkanlah kepada pihak kementerian untuk menilai dan membuat keputusan yang terbaik ya.

Akan tetapi sebenarnya mereka adalah wira yang tidak pernah didendangkan dengan gaji yang kecil, bekerja 24 jam. Saya ingat ketika berlaku pandemik itu, mereka inilah yang menjadi bahan umpatan orang kampung. Ada barang sampai pun kena kata, barang tak sampai pun kena kata dan mereka ini serba salah menguruskan bantuan dan sebagainya. Okey baiklah, saya teruskan dengan isu daripada negeri Kelantan memandangkan...

Datuk Razali bin Idris: Sebelum itu saya mencelah sedikit.

Puan Asmak binti Husin: Sila.

Datuk Razali bin Idris: Sebab semalam saya- kita ramai bercakap tentang bagi penghargaan kepada barisan hadapan Tuan Yang di-Pertua. Bila saya sampai rumah sahaja saya buka, rupa-rupanya ada lagi yang kita tak sebut dalam perbahasan semalam termasuk hari ini iaitu rakan-rakan media. So, rakan media kita tak pernah sebut untuk kita memberi

penghargaan kepada mereka dalam bentuk kewangan ataupun bentuk pingat dan sebagainya. Jadi apakah Yang Berhormat Senator Puan Asmak bersetuju kalau kita masukkan rakan media sebagai wakil barisan hadapan juga dalam menghadapi pandemik COVID-19?

Puan Asmak binti Husin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Saya memohon untuk masukkan perkara tersebut dalam ucapan sayalah.

Okey seterusnya saya berpindah kepada isu-isu mengenai negeri Kelantan. Memandangkan kita akan masuk kepada Rancangan Malaysia Kedua Belas jadi sebagai wakil negeri Kelantan, pihak negeri Kelantan telah mengangkatlah beberapa projek untuk dinilai oleh kementerian-kementerian. Antaranya yang saya sering sebutkanlah berkali-kali iaitu projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

■1640

Hujah-hujahnya sudah saya berikan dalam sidang-sidang sebelum ini. Memang orang Kelantan ini dia suka- kalau *time* raya ini, kapal terbang ini kita kata *jammed*. Macam bas juga, *jammed*. Jadi saya rasa mungkin pihak kementerian boleh lihat balikklah. Kalau dahulu kita ingat sudah ada proses untuk pembesaran tetapi mungkin ada- apakah isu sebenarnya yang menyebabkan ia terhenti?

Saya juga ingin bertanya, sejauh mana Kelantan akan menikmati kemajuan dalam sistem pengangkutan selaras dengan Teras Lima yang berpaksikan pengantarabangsaan dalam Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030? Ini kerana dari segi lautan, Kelantan dia memang menghadap Laut China Selatan yang luas dan bersempadan dengan Thailand juga.

Seterusnya, mengenai pembangunan di kawasan Tok Bali. Ini juga saya telah sebutkan berkali-kali. Cuma saya ingin sebutkan sekali lagi bersempena dengan RMKe-12 iaitu, pertama, sangat penting kita mempunyai pembinaan kompleks maritim negeri Kelantan di Tok Bali. Seterusnya penjenamaan semula Pelabuhan Perikanan LKIM di Tok Bali. Ini kerana dalam rancangan Kelantan Melangkah Ke Hadapan, memang kita menyasarkan di kawasan Tok Bali ini sebagai industri hiliran yang akan memberikan limpahan ekonomi terutamanya kepada IKS-IKS tempatan.

Di samping itu, berkenaan dengan Tok Bali juga, oleh sebab Kerajaan Kelantan ini telah bersama dengan Kerajaan Persekutuan sekarang, jadi saya ingin bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk membina *base* sokongan untuk menyalurkan minyak ke kawasan Tok Bali? Oleh sebab sebelum ini kita tahu ia disalurkan ke negeri Terengganu dan ada yang disalurkan ke Songkhla. Jadi sekarang mungkin kita hendak tanya, adakah *base* akan dibina untuk disalurkan ke kawasan Tok Bali? Ini juga boleh membantu pertumbuhan ekonomi hiliran di kawasan Tok Bali.

Seterusnya...

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

Puan Asmak binti Husin: Sila, sila.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Asmak tadi, mungkin boleh bersetuju agaknya, ditambah lagi dengan ramainya Menteri dan Timbalan Menteri dari Kelantan dan moga-moga kita harap peruntukan untuk Kelantan itu sebagaimana tadi Yang Berhormat Selangor pun ada sebutkan. Jadi kita harap- saya pun menyokong dengan apa yang diminta oleh beberapa Yang Berhormat Senator tadi dan saya mohon mungkin Yang Berhormat Senator Asmak boleh bersetuju, *insya-Allah*. Terima kasih.

Puan Asmak binti Husin: Saya setuju sangat-sangat. Kalau hendak tambah duit ini, memang kita terimalah ikut mana-mana ya. Berbilion-bilion pun lagi kita terima, *insya-Allah*. Jadi saya mohon untuk masukkan ucapan tersebut dalam ucapan saya.

Seterusnya mengenai sukan SUKMA tahun 2024 edisi ke-22 yang akan dilaksanakan di Kelantan. Oleh itu, kami memohon peruntukan penuh untuk Kejohanan SUKMA ini kerana kami tidak pernah menganjurkan SUKMA sepanjang 34 tahun. Sebelum ini, kami pun tidak pernah mendapat peruntukan yang besar daripada Kerajaan Pusat bagi membina infrastruktur sukan seperti negeri-negeri lain. Buat pengetahuan semua, Stadium Sultan Muhammed IV yang dibina pada tahun 1967 sekarang ini pun sebenarnya dibiayai oleh Kerajaan Negeri Kelantan sendiri.

Jadi, agak sesuai untuk kita meminta peruntukan untuk stadium dan Kompleks Sukan Bukit Merbau, Pasir Puteh. Di situ juga kita bercadang untuk membangunkan sebuah sekolah sukan memandangkan di Kelantan ini ada ramai atlet-atlet sukan tetapi ada juga yang bernaung di negeri-negeri lain kerana tiada kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Seterusnya untuk Kementerian Pertanian, kami juga memohon untuk membina rumah sembelihan di tempat strategik. Ini kerana di Kelantan ini kita tahu ia adalah juga negeri yang menternak lembu dan bersempadan dengan Thailand. Daging ini kita dapat banyak juga dibawa masuk daripada Thailand tetapi kita kekurangan rumah sembelihan. Tidak ada rumah sembelihan. Hanya ada satu sahaja. Jadi menyebabkan rakyat di Kelantan ini biasanya mereka akan sembelih sendiri.

Macam baru-baru ini ketika korban di musim pandemik, memang ada saranan untuk sembelihan di rumah sembelih tetapi oleh sebab kekurangan tempat, maka memang disembelih di rumah masing-masing. Untuk diniagakan pun sama juga. Oleh sebab itu, kami memohon supaya pihak Kementerian Pertanian melihat untuk membina rumah sembelihan ini di tempat sembelihan yang strategik.

Seterusnya kami juga mencadangkan untuk membangunkan sebuah wisma khas untuk wanita yang dinamakan sebagai Wisma Darul Niswa. Ia adalah sebuah *one-stop centre* untuk aktiviti wanita, sama ada dari segi keusahawanan sampailah kepada aktiviti pembangunan untuk wanita yang bersifat mesra wanita, mesra kanak-kanak dan mesra keluarga. Saya dapati kalau *one-stop centre* ini, di Sarawak sudah ada. Cuma di Kelantan masih tidak ada.

Buat pengetahuan semua, di Kelantan ini kita ada 26 pusat pembangunan wanita Kelantan di seluruh kawasan. Jadi kalau ada sebuah *one-stop centre*, ia akan menjadi satu tempat induk yang akan menggabungkan keseluruhan ini dan ia akan membangunkan lagi wanita-wanita di Kelantan yang kita tahu memang wanita Kelantan ini dia agak dominan berbanding dengan yang lain. Itu puji diri sendirilah. Petang-petang kan.

Seterusnya kami juga mencadangkan pembangunan *disaster recovery center* di negeri Kelantan terutamanya di kawasan Rantau Panjang kerana Kelantan ini kita tahu mempunyai pengalaman dalam pengurusan bencana yang agak besar, selain daripada Sabah. Saya juga ingin...

Dr. Yaakob bin Sapari: Mohon mencelah sekejap, Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Okey, silakan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Apakah Yang Berhormat ada sasaran, minta supaya dalam bajet yang akan datangkah? Oleh sebab kesempatan ada kerajaan ini sekejap sahaja, takut tukar balik. Jadi waktu ada ini, kena minta banyak-banyak dan pastikan dapat sasarannya, tidak hanya lepas begitu.

Puan Asmak binti Husin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya mohon sokonganlah daripada semua Ahli Yang Berhormat yang ada di sini untuk menyokong bajet Kelantan. Sebenarnya kita sudah angkat dan ini saya menarik perhatian untuk perhatian kementerianlah dalam ucapan saya.

Seterusnya, saya ingin bertanya berkaitan dengan isu banjir di Kelantan. Kita tahu antara puncanya kerana kita kekurangan kawasan tadahan, satu.

Kedua, kerana perkembangan tebatan banjir. Jadi, untuk Empangan Nenggiri untuk kawasan tadahan, saya ingin bertanya, apakah perkembangan projek ini? Apakah langkah-langkah mitigasi yang telah diambil untuk mengawal impak ekosistem dan rancangan pembangunan impak ekonomi seperti pelancongan dan lain-lain di persekitarannya? Saya juga difahamkan sudah ada rundingan dilakukan dengan masyarakat Orang Asli yang terlibat untuk menempatkan semula mereka. Jadi mungkin saya ingin bertanya, apakah perkembangan seterusnya?

Begitu juga, saya ingin bertanya, sejauh mana perkembangan tebatan banjir sepanjang Sungai Golok daripada Tumpat ke Rantau Panjang? Oleh sebab ia boleh

mengakibatkan banjir yang besar. Kalau November, Disember, memang kita kena bersedialah terutamanya- kerana rakyat merasakan ia agak perlahan berbanding pembinaan di pihak Thailand. Thailand, sebelah dia ini hendak siap sudah, tetapi di sebelah ini kita macam agak perlahan. Jadi sebenarnya saya memohon daripada pihak kementerian untuk menjelaskan, apakah perkembangan sebenar yang sedang berlaku mengenai tebatan banjir ini? Kita runsing apabila masuk bukan November, Disember akan berlaku lagi banjir besar seperti biasa dan ia mengakibatkan isu-isu kebajikan kepada rakyat di sekitar sungai tersebut.

Seterusnya, saya ingin berpindah kepada isu perpaduan. Hari ini apabila kita bercakap tentang isu perpaduan, saya bersetuju dengan pandangan daripada beberapa pakar yang berkaitan dengan hubungan etnik iaitu pada hari ini kita melihat isu perpaduan ini secara *simplistic*, secara mudah. Maksudnya, kadang-kadang apabila kita kata apakah program perpaduan yang dijalankan, banyaknya menyarankan supaya program itu adalah program berbentuk fizikal, contohnya makan durian bersama-sama, rumah terbuka. Apabila selesai rumah terbuka itu, maka masing-masing balik tetapi sebenarnya isu perpaduan itu masih tidak selesai.

Mungkin saya boleh berkongsi apa yang berlaku di Kelantan. Oleh sebab saya tertarik dengan isu Kelantan, saya wakil Kelantan, maka saya buat kajian dan membuat satu artikel berkaitan dengan model perpaduan di Kelantan. Saya dapati di Kelantan ini ada satu penyelarasan yang dipanggil sebagai Pusat Integrasi Kaum yang terdiri daripada wakil Islam dan bukan Islam yang menyelaraskan pelbagai agensi di kerajaan negeri dan juga Persekutuan yang melibatkan pelbagai kementerian yang berkaitan dengan perpaduan bukan Islam dan orang Islam.

Apa yang saya tertarik adalah, contohnya, apabila kita pimpinan ingin turun ke program-program orang bukan Islam, mereka yang akan menasihati kita, sama ada kita ini patut turun ataupun tidak. Saya kata, "*Macam mana awak tahu saya ini boleh turun kah tidak?*" Dia kata, "*Oh, yang ini Yang Berhormat tidak boleh turun sebab ini upacara keagamaan kami*", "*Yang ini Yang Berhormat boleh turun sebab ini upacara adat*".

Jadi, maknanya mereka ini sudah sampai ke peringkat memahami betul-betul dan boleh tahu sebenarnya kita ini boleh pergi atau tidak boleh pergi. Dia juga yang menasihatkan-bukan Islam ini. Menasihatkan kepada penganjur bukan Islam untuk sama ada membenarkan kita memanggil ataupun tidak dan sebagainya. Maknanya dia faham.

Saya juga bertanya kepada mereka, wakil-wakil bukan Islam, sebab saya pelik macam mana mereka ini boleh duduk dengan kerajaan Islam. Oleh sebab ini saya sebagai pengkaji. Saya meletakkan diri saya sebagai pengkaji.

■1650

Saya tanya dia- saya hendak tanya sebenarnya macam mana awak ini boleh duduk dan faham konsep membangun berasam Islam. Ini kerana, kalau saya bukan Islam, mungkin saya ini tidak faham. Lalu dia cakap; *“Oh! Sebenarnya mudah sahaja dia kata YB, apabila Islam bangun, orang Melayu bangun, maka kita bangun juga”*. Saya pun terfikir, mudah sangat dia faham. Kita yang faham kompleks pula bagi pihak dia.

Jadi, maknanya isu perpaduan ini kalau kita cerakin dan kita semaikan secara betul-betul, maknanya kita akan memahami isu perpaduan, saling memahami di antara satu sama lain, bukan sahaja di luar secara fizikal tetapi sampai ke hati. Itu contoh di Kelantan lah dan mungkin ada contoh-contoh di negeri lain. Mungkin kalau negeri lain hendak panggil saya untuk buat kajian pun boleh, sebab saya ini suka mengkaji dan buat artikel.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang isu perpaduan iaitu berkaitan dengan pola masyarakat baharu yang mula timbul di Malaysia ini lah. Jikalau sebelum ini, kita dikenali sebagai ‘pola masyarakat pelbagai’ iaitu terdiri daripada Cina, Melayu, India hasil daripada penjajahan dan sebagainya dan kita hidup begitu.

Akan tetapi hari ini, kalau kita tengok kepada pakar dia tidak panggil pelbagai lagi, dia panggil ‘super kepelbagaian’ yang mana ciri-ciri kepelbagaian ini adalah seperti berikut ini Professor Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin yang senaraikan, dia kata; Pertama, sifat ‘super kepelbagaian’ ini adalah melibatkan pelbagai individu dan kelompok yang berbeza, rata-rata bersaiz kecil. Migrasi berlaku lebih pantas daripada zaman koloni. Selalunya tidak terkawal, sama ada secara haram atau halal, tiba dengan pelbagai alasan, pelarian, pendatang haram, pelajar antarabangsa, ekspatriat, penyeludupan, perdagangan manusia dan juga aktiviti-aktiviti belakang tabir seperti pelacuran dan sebagainya.

Hendak tidak hendak pada hari ini, mungkin kita bercakap tentang Melayu, Cina, India, tetapi kalau kita duduk Selangor dan Wilayah contohnya kita akan bergaul dengan masyarakat Bangladesh, Nepal daripada Nigeria dan sebagainya. Mereka membentuk budaya dalam masyarakat kita. Contohnya, apabila kita hendak pergi bermuamalat atau membeli belah, kita kena belajar juga perkataan Bangladesh sekarang, baru dapat barang murah. Contohnya... *[Berucap dalam bahasa Bangladesh]* Betul atau tidak? Saya ini suka sikit bahasa. Jadi, kena belajar juga sedikit-sedikit... *[Bercakap dalam bahasa Bangladesh]* Dia pun gembira bagi barang murah. Maknanya mereka ini secara tidak langsung bermuamalat dan bermasyarakat bersama dengan kita.

Oleh kerana itu, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah Malaysia bersedia dengan transformasi masyarakat yang berubah daripada kepelbagaian kepada super kepelbagaian? Ini kerana, kalau ia tidak ditangani, ia sebenarnya agak diversiti daripada segi budaya, bahasa, agama, sistem sosial dan lain-lain. Apakah pelan kerajaan untuk menangani

kewujudan masyarakat super kepelbagaian dan juga bagaimana kita hendak menangani pelbagai kesan migrasi sama ada secara halal atau haram termasuk mengambil kira kewujudan super kepelbagaian masyarakat dalam proses perbandaran.

Ini kerana, perbandaran ini ia berkait rapat juga dengan polarisasi kaum. Bagaimana kita ingin memastikan setiap kaum yang ada di Malaysia, walaupun mereka yang berada di sini, bukan daripada masyarakat majmuk yang asal itu- mungkin daripada Bangladesh, Indonesia dan sebagainya dan mereka berkahwin diam di sini tetapi mereka menghormati Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

Okey, seterusnya saya berpindah kepada isu perpaduan lagi tetapi isu yang lain. Setelah pasca COVID-19, kita nampak ada kecenderungan migrasi daripada bandar ke luar bandar yang tinggi. Sebenarnya fenomena ini berlaku sejak daripada beberapa tahun kebelakangan. Tahun 2016 sehingga sekarang, nampaknya orang cenderung untuk berpindah ke luar bandar. Oleh sebab itu saya ingin bertanya, adakah kerajaan akan meneliti sistem perbandaran dan penempatan penduduk? Apakah persediaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar tentang perubahan pola masyarakat ini dan kemungkinan ia boleh memberi kesan kepada isu perpaduan juga.

Selain daripada kuota perumahan bumiputera dan bukan bumiputera, apakah lagi yang dibangunkan untuk memastikan setiap perbandaran penempatan yang dibina ini mengambil kira isu perpaduan dan asimilasi penduduk agar semakin kukuh.

Ketiga, apakah impak dan kejayaan utama setakat ini berkaitan dengan Sekretariat Rukun Negara? Tadi telah ditanya oleh beberapa rakan Yang Berhormat yang lain, tetapi saya ingin menyentuh, setakat ini apakah impak utama dan kejayaan utama Sekretariat Rukun Negara terutamanya, adakah Sekretariat Rukun Negara ini sekarang bertugas juga di alam maya secara berkesan terutama untuk generasi muda yang mesra teknologi dan banyak bergaul di alam maya. Ini kerana, kita nampak isu perpaduan di alam maya ini agak macam yang disebutkan oleh YB tadi agak merunsingkan kita. Semua orang bercakap degan bahasa masing-masing, hendak cerita apa, ikut suka hati dan sekarang kita baca tadi dalam Malaysiakini sudah ada kolumnis yang mengangkat cadangan supaya menyemak semula Rukun Negara ke arah Rukun Negara 2.0.

Mereka mempersoalkan kewujudan Rukun Negara yang pertama iaitu 'Kepercayaan Kepada Tuhan' kerana alasannya tidak inklusif dan juga menegaskan bahawa Rukun Negara yang pertama tidak sesuai kerana kita ini negara sekular. Jadi, benda ini sebenarnya sangat bahayalah sekiranya dibiarkan dan ia sebenarnya berlegar di alam maya. Jadi, apakah Sekretariat Rukun Negara ini berlegar juga di alam maya?

Seterusnya, keenam Perlembagaan Persekutuan ialah mercu tanda tapak integrasi yang menjadi asas dan teras kesepaduan rakyat Malaysia. Adakah kerajaan bercadang untuk

mewujudkan institusi khas untuk memasarkan, menyemai dan fokus kepada penyelidikan dan penyebaran tentang Perlembagaan Persekutuan dalam kalangan masyarakat? Sebagaimana di Jerman, mereka mewujudkan satu institusi khas untuk mempromosi demokrasi di negara mereka dan juga di seluruh dunia.

Seterusnya, saya ingin berpindah kepada isu yang lain selepas perpaduan iaitu isu pemerikasaan...

Tuan Manolan bin Mohamad: Yang Berhormat minta mohon mencelah YB.

Puan Asmak binti Husin: Okey, silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang cukup bangga dengan ucapan YB berkenaan dengan perpaduan. Perpaduan dalam negara kita dan banyak berkisar tentang peranan kerajaan serta bagaimana untuk kita hendak mengeratkan hubungan perpaduan di antara kaum ini. YB pun berasal daripada Kelantan dan wakil Kelantan. Saya tengok adakah YB bersetuju bahawa perpaduan ini sebenarnya banyak dibuat oleh- perpecahan ini banyak dilakukan oleh orang politik? Khususnya politik yang berasaskan sesuatu kaum ataupun sesuatu ideologi.

Keduanya, adakah juga YB bersetuju bahawa perpaduan itu kita boleh eratkan di antara kaum apabila kita mengurangkan kesenjangan antara penduduk luar bandar dan juga bandar? Ini kerana, sekarang ini kita tengok pendapatan penduduk luar bandar dan juga antara wilayah itu sangat tinggi jurang dia. Jadi, adakah itu salah satu faktor?

Ketiga, adakah YB bersetuju bahawa kalau kita tengok di Kelantan, sebenarnya perpaduan ini di antara kerajaan negeri dan juga masyarakat Orang Asli Temiar, saya rasa kurang diambil berat khususnya berkenaan dengan isu tanah mereka dan juga- tadi ada YB sebut berkenaan dengan pembinaan empangan di Kelantan dan adakah YB juga bersetuju supaya mengadakan *engagement* dengan Orang Asli Kelantan ini sebelum kerajaan negeri membina empangan ini? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih atas perhatian Yang Berhormat. Ada tiga soalan di sini. Pertama adakah perpaduan ini *racism*-lah, iaitu punca perpecahan kaum ini berasal daripada politik dan ideologi. Saya rasa bukan salah orang politik semata-mata. Akan tetapi, saya tengok ahli akademik juga berperanan dalam isu-isu ini termasuk rakyat jugalah.

Apabila kita melihat perpaduan ini dalam konteks yang mudah, konteks fizikal dan kita tidak melihat perpaduan dalam konteks yang sebenar. Contohnya, macam kalau kita orang agama, apabila kita faham agama, *insya-Allah* tidak akan berlaku perpecahan kaum dan kita akan menghormati dia. Akan tetapi, apabila orang tidak faham agama, itu yang timbul kadang-kadang isu-isu yang pelik-pelik seperti kalau orang masuk gereja, contohnya macam saya masuk gereja, dia kata kenapa masuk gereja, kenapa masuk Wat? Macam kita di Kelantan,

memang kita ada program-program yang kita kena masuk ke rumah ibadat bukan Islam dan ia diamalkan sejak dari dahulu lagi dan tiada masalah.

Akan tetapi, kalau orang tidak faham, dia akan kata, “*Eh, tidak boleh*” tetapi sebenarnya boleh, apabila tidak melibatkan upacara keagamaan. Jadi, oleh sebab itu, saya kata bukan semata-mata berkaitan dengan politik dan ideologi, tetapi berkaitan dengan semua pihak termasuklah pakar-pakar akademik, usahawan, pelajar dan rakyat itu sendiri.

Okey, yang keduanya berkaitan dengan kesenjangan antara bandar luar bandar. Saya setuju dan saya mohon untuk masukkan dalam ucapan. Inilah yang saya maksudkan tadi untuk pelan mitigasi bagaimana penghijrahan besar-besaran daripada luar bandar ke bandar itu dalam masa yang sama boleh menjamin asimilasi dan perpaduan di kalangan rakyat.

■1650

Ketiga, berkaitan dengan Orang Asli. Sebenarnya saya juga sentiasa membangkitkan isu Orang Asli sama ada di pihak Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri. Saya lihat sekarang memang ada perhubungan yang baik antara kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan Orang Asli. Namun begitu, dalam masa yang sama kita kena melihat dari segi perspektif Orang Asli juga. Oleh sebab itu, tadi saya sebutkan apakah perkembangan mengenai rundingan terhadap penempatan semula Orang Asli. Saya telah tegaskan sebelum ini bahawasanya Orang Asli juga adalah orang Kelantan atau masyarakat Kelantan.

Okey, baiklah. Seterusnya, saya ingin berpindah kepada isu pemeraksanaan wakaf di Malaysia. Wakaf ini ia telah terbukti menjadi asas pendanaan pembangunan yang mampan dalam sejarah tamadun Islam sejak daripada dahulu. Di Malaysia, kita nampak instrumen wakaf ini juga telah mula mendapat perhatian dan diperkasakan melalui pelbagai sektor. Akan tetapi ia masih tidak dilaksanakan secara meluas ke dalam sektor lain kecuali ia banyak terfokus di bawah Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Berkenaan dengan ini, sebenarnya pada beberapa minggu lepas saya telah melawat Wakaf Johor di bawah *Johor Corporation* dan saya sangat kagum dengan konsep wakaf saham, wakaf korporat yang diamalkan. Mereka banyak terlibat dalam proses pembangunan di negeri Johor dan negeri-negeri lain di Malaysia.

Cuma ketika itu, ketika berdepan dengan CEO, saya tanya dua soalan saja iaitu pertama adakah pembangunan wakaf ini yang dirancang dan dibuat ini selari dengan pembangunan negeri Johor, saya tanya soalan pertama. Soalan yang kedua saya tanya apakah impak wakaf ini terhadap pendapatan dan perbelanjaan pembangunan negeri Johor? Maka ketika itu dia pun kata, “*Eh, saya pun tidak pernah terfikir tentang perkara ini.*” Saya kata, “*Kalau kita tidak nampak impak dari sudut KDNK dan KDN negeri Johor, jadi macam mana kita hendak nampak signifikannya wakaf dalam proses pengurusan kewangan di peringkat negeri?*”

Saya rasa di peringkat Persekutuan juga saya ajukan soalan yang sama. Apakah sebenarnya impak wakaf. Oleh sebab wakaf ini ia ada banyak pembangunan yang telah dibuat sama ada di wilayah sampailah kepada negeri-negeri lain. Akan tetapi setakat ini kita tidak melihat dari sudut *calculation* apakah sumbangan dan impak terhadap pendapatan kasar negara. Jadi, saya mohon Kementerian Kewangan selepas ini untuk mengambil kira isu wakaf dan zakat sebagai pendapatan dan juga salah satu daripada perbelanjaan pembangunan negara kerana sifatnya yang *sustainable* iaitu yang bersifat mampan.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya tentang wakaf air sebagaimana yang dirancang oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Saya rasa ini adalah satu perkara yang bagus kerana menggunakan kaedah wakaf untuk memastikan kemapanan pengurusan air. Ini adalah sesuatu yang saya kata macam inovasi di Malaysia, kementerian yang lain mula menggunakannya. Apakah model yang akan digunakan dan menggunakan instrumen wakaf apa.

Saya juga ingin tahu tentang perkembangan wakaf IPT yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2016. Kalau ikut dalam perancangan itu tahun 2015 hingga tahun 2025. Jadi apakah pencapaian telah menunjukkan tanda-tanda positif sebagaimana yang dirancang dalam *University Transformation Programme, Purple Book* itu yang berkaitan dengan *endowment* dan wakaf.

Seterusnya, saya difahamkan melalui wakaf dan zakat juga pelbagai pembangunan asnaf dilakukan termasuk pakej usahawan, pertanian dan lain-lain. Jadi, saya ingin bertanya adakah produk-produk ini dibangunkan selaras dengan perancangan yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan kementerian melibatkan usahawan contohnya. Kita tidak mahu ada dua atau tiga agensi melakukan perkara yang sama tetapi tidak ada penyelarasan sedangkan kita boleh melakukan secara kaedah yang lebih mampan. Okey.

Seterusnya, saya ingin berpindah isu yang lain iaitu isu berkaitan dengan pencegahan anak luar nikah dan pendidikan kesihatan reproduktif yang telah dijalankan oleh Yayasan AIDS Malaysia dan ONE Condoms Malaysia. Saya difahamkan program ini juga dengan kerjasama UiTM yang dinamakan sebagai 'Kakak Kondom'. Saya ada keluarkan kenyataan juga berkaitan dengan ini. Jadi, saya ingin bertanya apakah sebenarnya motif utama program ini? Adakah untuk mempromosikan seks selamat ataupun zina di kalangan anak muda dengan menggunakan kondom sebagai langkah pencegahan?

Bagi saya, saya ini ustazah, saya mengajar juga orang tentang penggunaan kondom terutama kepada wanita, suri-suri rumah dan sebagainya yang bekerja dan berkerjaya kerana kondom ini adalah sebahagian daripada perancangan untuk kesihatan anak dan sebagainya bagi orang yang sudah berkahwin. Akan tetapi kalau kita memperkenalkan kepada pelajar

yang masih mentah contohnya dan memperkenalkan *safe sex*, jadi adakah ini sebenarnya yang dibenarkan oleh pihak kementerian ataupun pihak universiti itu sendiri?

Saya difahamkan juga ada pihak-pihak yang masuk dan menceritakan tentang kesihatan reproduktif di peringkat IPT dan dalam masa yang sama menyebarkan kondom secara percuma. Jadi, adakah program seperti ini dalam makluman pihak universiti dan dibenarkan. Bagi kita orang Islam, ikut-ikutan mana pun zina ini adalah dosa besar. Kalau dapat dengan menggunakan kondom kita boleh mencegah sekalipun anak luar nikah tetapi kita tidak pasti, apakah lagi penyakit lain yang kita tidak dapat cegah hasil daripada zina yang memang ini adalah dosa besar bagi orang Islam.

Seterusnya, saya ingin juga bertanya kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Isu ini dibangkitkan oleh ibu-ibu iaitu tentang program cerita yang *best* ini ditayangkan pada pukul 7 malam. Oleh kerana masa ini kita ibu-ibu ini berperang dengan anak-anak hendak beribadah, hendak sembahyang, hendak mengajar anak-anak mengaji Al-Quran dan sebagainya tetapi *time* inilah dipasangkan *7 Hari Mencintaiku 2*.

Sampai ke seluruh Malaysia jadi *viral* sedangkan itu pukul 7 malam, kan. Kalau di Sabah dan Sarawak mungkin sesuai sebab 7 malam itu sudah lepas maghrib dan sebagainya. Akan tetapi tempat kita ini orang kata berkejaran dengan televisyen, berkejaran dengan anak-anak hendak mengaji dan berkejaran dengan lain. Jadi, saya mohon sangat kepada pihak kementerian dan juga pihak penyiar siaran ini, televisyen dan sebagainya supaya pukul 7 malam ini letaklah benda-benda yang berkaitan dengan kebaikan rohani dan sebagainya.

Seterusnya, saya ingin bercakap tentang reformasi perkhidmatan kesihatan. Saya berpandangan penyampaian perkhidmatan kesihatan di Malaysia memerlukan reformasi dan perubahan pelan tindakan yang lebih menyeluruh. Isu doktor kontrak adalah simptom atau terjemahan kepada masalah yang lebih besar iaitu kemapanan itu sendiri. Okey. Oleh itu, saya ingin bertanya apakah langkah kerajaan seterusnya untuk reformasi penyampaian perkhidmatan kesihatan? Berapakah pelaburan kerajaan yang diperuntukkan untuk R&D khususnya untuk inovasi kesihatan bagi meminimumkan kos tetapi berimpak tinggi? Bagaimana pula dengan perkembangan kesihatan primer di Malaysia? Sejauh mana pencapaian setakat ini?

Saya hendak sentuh juga mengenai doktor kontrak, sikit sahaja iaitu saya memohon penjelasan dan jawapan yang tulus tentang hala tuju dan laluan kerjaya para doktor terutamanya doktor kontrak. Sekarang yang menjadi isu disebabkan semua yang terlibat tidak jelas tentang masa depan mereka terutama berkaitan dengan kenaikan pangkat, latihan kepakaran, sub kepakaran, kenaikan gaji dan pangkat serta lain-lain, serta peluang untuk berpindah.

Kalau kita tengok dari segi kos penyampaian perkhidmatan per unit kos di Malaysia, kita tengok emolumen untuk petugas perubatan hanya sekitar 50 peratus hingga 60 peratus sahaja. Sedangkan standard *hire middle income country* ini adalah sekitar 70 persen. Mungkin saya ingin mencadangkan Kementerian Kesihatan mungkin juga boleh menggunakan produk wakaf untuk memastikan keamanan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Seterusnya saya ingin...

Dr. Yaakob bin Sapari: Mencilah sikit Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Okey.

Dr. Yaakob bin Sapari: Panjang Yang Berhormat ya. Doktor ini, saya hendak penjelasan. Kalau boleh saya hendak minta penjelasan, adakah ia soal *ratio* antara doktor dan pesakit di Malaysia sudah mencukupi atau masalah kewangan negara? Minta kementerian menjawab.

Puan Asmak binti Husin: Okey, saya panjangkan ucapan tersebut kepada Kementerian Kesihatan. Isu yang seterusnya, ada dua lagi isu. Isu jaminan keselamatan penguat kuasa terutamanya penguat kuasa wanita. Ini saya hendak sebut khusus tentang kes kematian pegawai kanan kastam wanita iaitu Almarhumah Anisah binti Ali semasa Operasi Chimera bagi membendung kegiatan penyeludupan senjata api, dadah, wang haram dan bahan terlarang di sempadan Kelantan dan Thailand.

Kes ini telah dibangkitkan berulang kali di Dewan Rakyat dan pernah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Rabiyyah binti Ali sebelum ini tetapi sampai sekarang kes ini nampaknya tidak sampai ke mana. Akan tetapi, saya memohon penjelasan kementerian kerana ia membabitkan isu keselamatan penguat kuasa wanita. Jadi, apa jaminan kalau kita sebenarnya bekerja sebagai penguat kuasa dan untuk kita tarik lagi ramai wanita untuk terlibat dalam penguatkuasaan.

Seterusnya yang kelapan, saya ingin menyentuh tentang isu ancaman akidah dan gejala sosial melalui alam maya. Kita lihat Jabatan Agama Islam Selangor sendiri telah mula menghasilkan penerbitan tentang ancaman agnostik sejak daripada tahun 2015 lagi. Kalau ateis tidak percaya kepada tuhan tetapi kalau agnostik maknanya dia percaya kepada tuhan tetapi tidak percaya kepada agama. Ini bagi orang Islam sebenarnya bertentangan dengan akidah.

■1710

Akan tetapi, dari sehari ke sehari ia semakin berleluasa. Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah halangan kepada pihak Hal Ehwal Islam bawah JPM untuk menangani isu ini. Apakah langkah agresif yang akan dijalankan bagi menjaga anak-anak muda kita yang banyak bergantung pada media sosial untuk mendapatkan ilmu. Kita dapat laporan dalam *Twitter* ini memang berlegar-legar isu Islam liberal, ancaman ideologi, akidah dan sebagainya.

Seterusnya, apakah pula tindakan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk menangani *Youtuber, Instafamous* yang beraksi lucah porno ringan di alam maya dan disaksikan oleh remaja dan kanak-kanak. Saya sendiri daripada pengalaman saya, saya memang buat *report* kepada SKMM dan kita dapat balasan akan dibuat tindakan. Akan tetapi, nampaknya kita lihat *influencers* tersebut, pihak yang berpengaruh itu masih melakukan aksi-aksi yang tidak sesuai untuk anak-anak dan remaja, termasuk kita sendiri pun tengok malu, dengan gembiranya di alam maya dan ditonton secara bebas.

Okey. Seterusnya yang kesembilan, saya ingin mencadangkan kepada Malaysia untuk menjadi fasilitator untuk menangani isu dan konflik yang melibatkan Kashmir antara India dan Pakistan. Ini kerana mungkin kita nampak India dan Pakistan ini macam jauh daripada kita tetapi sekiranya berlaku apa-apa antara kedua negara ini, impak daripada keduanya akan kena kepada negara ASEAN. Oleh itu, kita perlu mengambil langkah yang kita kata positif, langkah yang drastik untuk menangani isu ini dan menjadi fasilitator antara India dan Pakistan dan seterusnya membela dari segi kemanusiaan hak-hak orang Kashmir.

Saya rasa itu sahaja ucapan daripada saya dan akhir sekali saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Yang Berhormat ini seorang pendakwah juga. Selalu berceramah saya nampak dalam televisyen dan petang ini banyak poin-poin baik ditimbulkan kepada kita. Terima kasih Yang Berhormat dan teruskan perjuangan itu.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad, dipersilakan.

5.12 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan dan menjunjung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi sesi Parlimen Sidang Dewan Negara pada kali ini.

Saya mulakan perbahasan saya pada hari ini dengan serangkap pantun. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, dan juga Timbalan Yang di-Pertua ini kaki pantun. Petang-petang ini saya jual lah pantun.

*Dalam menyambut Hari Kebangsaan;
Pelbagai bangsa dan rakyat disatukan,
Hargailah nilai dan erti kemerdekaan,
Bebas dari pengaruh penjajahan.*

Diminta Tuan Yang di-Pertua jawab dan beli pantun saya... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 telah menular di seluruh negara dan mencatatkan kes positif secara global yang mencecah sampai 25.3 juta kes. Manakala, kesembuhan global sebanyak 65 peratus dan peratus kematian pula ialah sebanyak 35 peratus. *Alhamdulillah*, di Malaysia, kita mengucap kesyukuran kepada Allah SWT, kejayaan ini ialah terutama kejayaan yang dilakukan oleh mereka yang berada di barisan hadapan yang terdiri daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, polis, bomba dan pihak berkuasa.

Kedua ialah kepimpinan negara kita yang begitu cakna, yang mengambil berat berkenaan dengan hal-hal rakyat ketika menghadapi pandemik ini. Ketiga ialah rakyat. Rakyat Malaysia ini kita kena *appreciate*-lah, dengan izin, hormat. Ini kerana rakyat yang boleh patuh kepada arahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa. Kita tidak seperti mana negara-negara yang kononnya maju, mereka yang hebat dari segi *human rights*. Bila buat satu peraturan, mereka bangun buat *demonstrate*, mereka langgar peraturan. Akhirnya, musibah berlaku terhadap negara mereka.

Di Malaysia, *alhamdulillah* saya kebetulan ketika berlakunya PKP itu memang pelik lah. Saya duduk di rumah ini anak, isteri saya pun kata pelik. Ini kerana saya jarang berada di rumah. Walaupun di rumah saya satu sahaja [*Ketawa*] Tangga tidak banyak. Macam Yang Berhormat Senator Datuk Razali, saya tidak tahulah [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, seorang sahaja.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Seorang. Saya setia yang satu [*Ketawa*] Jadi, anak saya pun pelik dan isteri saya pun pelik dan orang kampung saya pun pelik. Selalunya saya tidak ada di rumah, dua hari atau tiga hari saya tidak duduk rumah. Sepanjang PKP itu berada di rumah dan saya duduk di kampung. Kebetulan kalau di kawasan kampung saya itu, kalau waktu hari biasa ini lalu lalang motor lalu depan, rumah kampung. Akan tetapi, waktu PKP, *alhamdulillah* waktu maghrib tidak ada orang dah. Padahal di kampung polis pun tidak masuk.

Jadi, ertinya saya hendak sebut, apabila rakyat kita ini berjaya untuk di-*educate*, dengan izin, dapat kita didik mereka sehingga mereka ini menjadi orang yang patuh kepada apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan, dan terutamanya daripada pihak Kementerian Kesihatan itu sendiri.

Alhamdulillah, kes kematian kita berjaya dibendung dengan sebaiknya hanyalah dengan 1.3 peratus daripada keseluruhan kes positif. Selain daripada itu, kita dapat melihat bagaimana Malaysia adalah lima negara terbaik di dunia dalam mengawal pandemik COVID-19 ini. Ketua Pengarah Kesihatan kita, Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah telah mendapat doktor yang ketiga terbaik di dunia. Ini satu pengiktirafan yang hebat yang diberikan kepada negara kita, Malaysia... [*Tepuk*] Walaupun negara kita kecil mungkin selama ini orang tidak berapa hendak kenal Malaysia. Kadang-kadang orang lebih kenal *Singapore* tetapi

dengan adanya kes pandemik ini, ada hikmah, ada rahmat yang mana dunia mengetahui tentang kehebatan kita.

Walaupun kita negara kecil tetapi kita melahirkan *human capital* atau melahirkan manusia insan yang hebat, antaranya ialah Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah. Saya ada sedikit nostalgia dengan dia. Ini kerana dia *senior* saya di Kolej Islam Klang. Dia *Form 5*, dan saya *Form 4* tahun 1980. Selepas itu, dia pergi buat *Medic* di UKM dan *alhamdulillah* dia hasil daripada bumi wakafan iaitu bumi Kolej Islam Klang yang berjaya melahirkan seorang doktor yang antara salah satu daripada tiga doktor yang terbaik di dunia.

Selain daripada itu juga, kita dapat lihat bagaimana kesusahan ini melalui Kerajaan Malaysia di bawah Kerajaan Pakatan Nasional. Selalu kalau kita hendak sebut sebenarnya saya ditegur juga oleh seorang Profesor Dr. Ridhuan Tee, dia seorang pensyarah sains politik. Dia menyebut dia kata kita ini salah. Selalu kita dok sebut Kerajaan PAS, Kerajaan PH, Kerajaan BN, sebenarnya tidak betul. Kerajaan-kerajaan Malaysia. Kerajaan Malaysia di bawah pentadbiran Perikatan Nasional. Itu baru betul. Ini kita dok letak Kerajaan PN, Kerajaan PH, Kerajaan PAS, Kerajaan BN, itu saya rasa kita kena perbetulkanlah dalam ucapan kita sebagainya yang patutnya ialah Kerajaan Malaysia di bawah pemerintahan Kerajaan PN.

Jadi, sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bantuan pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN dan PENJANA yang menelan kos sehingga RM265 bilion mampu mencapai matlamatnya dalam memperkasakan dan melindungi rakyat dan memberikan- merangsang ekonomi negara dan juga perniagaan.

■1720

Sekali lagi kita ucap tahniah atas apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menangani tentang COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap juga berkenaan dengan- walaupun tadi sudah di sebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan sekuriti makanan ataupun disebut *food security*. Saya telah meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di dalam Dewan Rakyat yang berkaitan dengan status bekalan makanan kita ketika berada di waktu COVID. Bekalan makanan kita, *alhamdulillah* berada di tahap yang baik.

Akan tetapi saya ingin mengambil maklum berkenaan perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Saya hendak supaya Menteri kita nanti dapat memberi respons berkenaan dengan jangka pendek dan jangka panjang. Di pihak MAFI ini dalam memastikan bekalan makanan utama negara seperti beras mencapai tahap yang baik di tahun-tahun yang akan datang.

Ini kerana soal *food security* ini satu perkara yang serius sebenarnya. Saya pun pelik apabila melihat tentang yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari semalam,

dia juga menyebut bagaimana tentang kadar import makanan kita itu melebihi daripada RM50 bilion. Sedangkan negara kita ini luas dengan pertanian. Padahal kalau kita duduk di kampung kita tengok banyak hasil-hasil yang boleh kita tanam sendiri, buat sendiri dan itu peringkat itu.

Kalau peringkat lebih luas lagi kita mempunyai tanah yang luas. Persoalannya kenapa kita lihat kita masih lagi mengimport makanan? Bagaimana kita lihat pertukaran wang asing, berlakunya pengaliran wang negara kita akibat daripada kita ambil makanan. Tidak apa, duit boleh kita cari, wang kita boleh cari mungkin. Ini kerana dulu, ada kepimpinan dulu mereka menganggap bahawa apabila tanah satu relung atau satu ekar, tanah, bendang, ia boleh memberi peluang pekerjaan lima orang. Lebih baik dia kata tanah satu ekar ini tadi kita *convert* jadi industri. Kita boleh memberi peluang 500 pekerja betul. Akan tetapi kena ingat dari segi sudut keselamatan makanan tidak betul.

Untuk jangka panjang saya cukup bimbang waktu menghadapi COVID-19 baru-baru ini. Terutama- kalau cuba bayangkan kalau pandemik ini berlaku berterusan makan masa selama setahun misal kata... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Minta lindung. Cuba bayangkan kita beras, kita terpaksa bergantung dengan Thailand, Burma, Kemboja dan sebagainya. Cuba bayangkan kalau berlakunya fenomena COVID-19 ini- kita kena ingat ini ialah fenomena global yang bukan sahaja berlaku di negara kita. Ia berlaku di seluruh dunia. Cuba bayangkan kalau waktu itu berlaku berterusan, mereka sudah tentulah akanutamakan makanan untuk rakyat mereka dulu. Mereka tidak akan eksport. Macam kita juga kita akanutamakan rakyat kita dulu.

Waktu itu wang tidak ada erti bagi kita. Duit banyak, wang banyak tidak ada erti. Macam kita hari inilah, saya selalu sebut kita hari ini yang pertama ini Tuan Yang di-Pertua, kita ini antara nikmat yang Allah Taala tarik kepada kita ini ialah nikmat makan. Dulu waktu kita tidak ada duit, tidak ada wang, masa sekolah, masa universiti dulu. Setiap malam boleh kita makan nasi lemak tiga bungkus, roti canai tiap-tiap malam makan. Waktu itu duit tidak ada. Sekarang duit ada tidak boleh makan. Fasal apa? Walaupun kita tidak kena penyakit, kita awasi penyakit. Maka nikmat yang Tuhan tarik kepada kita ini nikmat makan.

Saya hendak kaitkan dengan- kalau berlakulah pandemik ini secara berterusan baru ini dalam keadaan kita tidak mempunyai sumber makanan dan negara-negara yang kita hendak import makanan pula merupakan mereka juga dilanda kerana baru ini ialah fenomena global. Ia bukan sahaja berlaku di Malaysia. Berlaku di serata dunia. Cuba bayangkan kalau waktu itu- kita orang Malaysia ini, saya boleh tidak makan nasi tiga hari sahaja. Maknanya tidak makan tiga hari. Maknanya kita boleh makan roti, makan mi boleh tetapi masuk hari keempat tidak boleh.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sekejap minta laluan. Saya harap pihak teknikal betulkan nama Yang Berhormat kita ini. Terima kasih. Ayahnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, namanya.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Idris Ahmad.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila betulkan. Sila tengok

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Nuridah. Oh, bin Hashim. Bukan Hashim. Idris Haji Ahmad. Bapa saya Ahmad. Nanti tidak dapat harta pusaka susahlah nanti. Silap nama kes besar. Bapa saya Ahmad. Nanti tinggal harta banyak itu tidak boleh warisi fasal bin lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Betulkan.

Puan Asmak binti Husin: Mohon mencelah? Yang Berhormat boleh mencelah?

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Boleh.

Puan Asmak binti Husin: Kena mencelahlah bos. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi bila bercakap tentang keselamatan makanan, sekuriti makanan. Adakah ia juga berpunca daripada sikap masyarakat ataupun cara kita menyemaikan konsep kebajikan dan subsidi dalam masyarakat.

Contohnya ketika berlaku pandemik baru ini, kita nampak masyarakat bawahan ada sikap bergantung pada bantuan sepenuhnya. Contohnya bila kita buat pengagihan beras, telur contohnya, bila hendak habis sahaja terus telefon, beras hendak habis. Saya tengok sekeliling rumah dia tanah itu kosong. Kalau pelihara ayam kah, tanam ubi kah? Okey. Akan tetapi maknanya sekeliling tanah kosong pun dibiarkan kosong begitu. Adakah kerana sikap masyarakat menyumbang kepada perkara ini?

Kedua adakah kerana kita tidak menyemaikan konsep kebajikan yang sebenar menurut Islam tetapi kita menyemai konsep *welfare state* yang rakyat bergantung 100 persen kepada subsidi dan sebagainya? Sekian terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Asmak dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya ialah berkenaan dengan, memang satu ialah sikap kerana negara kita ini kita faham rakyatnya mewah, makmur dengan sumber-sumber yang mereka boleh dapat.

Keduanya pula sikap rakyat Malaysia ini rakyat yang kita tengok pemurah. Selalu bagi derma kepada orang. Sebab itu kita tengok ada kadang-kadang yang mengambil kesempatan mengambil untuk minta derma kepada orang walaupun mereka mampu untuk bekerja. Itu satu.

Perkara yang ketiga juga berkaitan dengan soal- kita sepatutnya sebab itu perkara ini- nanti saya hendak bincang ke depan nanti hal yang berkaitan dengan soal sikap yang ada. Sepatutnya kalau kita pergi tengok- kita tidak pergi tengok tempat lain. Kita pergi tengok di Thailand. Di Thailand kita lihat tengok tidak ada tanah-tanah yang ada di sana kosong melainkan di tanam. Termasuklah di seluruh di surau, di masjid, di sekolah-sekolah.

Keduanya, di Malaysia boleh tiru baik juga, minta maaf saya boleh puji orang Jawa. Sebab itu kalau kita pergi di kawasan Jawa, kita tengok tanah depan rumah itu, kalau kita tengok di tanam dengan- tanah rizab ini, tanah rizab sungai, tanah rizab jalan kita tengok penuh dengan tanaman itu, orang kata ini rumah Jawa tetapi kalau semak...

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencelah Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Orang Jawa.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya setuju cadangan Yang Berhormat supaya budaya bercucuk tanam ini diperkenalkan. Akan tetapi teknik moden hari ini, ia tidak mudah, tidak payah sangat dalam pertanian. Oleh sebab saya cadangkan supaya kementerian untuk memperkenalkan teknik-teknik moden.

Kalau Yang Berhormat hendak datang, datang rumah saya. Saya ada semua teknik-teknik moden itu. Jadi memudahkan dalam pertanian. Akan tetapi satu lagi yang rajin sangat Yang Berhormat sampai tebang hutan. Dia tebang hutan sampai 12 ribu ekar, tanam tanaman untuk komersial. Adakah Yang Berhormat ini setuju kaedah ini juga? Makna kita, tanah-tanah lapang, tanah hutan kita tebang kita tanam, usahakan. Dan itu supaya tidak membazir hasil bumi ini.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Dr. Yaakob ini saya kenal dia sejak- dia ini hebat. Seorang *entrepreneur*.

■1720

Dia waktu keluar universiti dulu, dia tak bekerja dengan kerajaan. Dia jual tebu. Dia *supply* tebu bukan di tepi jalan tapi dekat hotel. Hotel-hotel, ada mesin di rumah dia. Dulu dia miskin, sekarang dia kaya dah. Maknanya dia cerdik. Waktu orang paling bodoh tak minat meniaga, dia minat waktu itu. Dr. Yaakob Sapari ini saya kenal. Kenalan lama saya.

Memang saya bersetujulah. Dalam konteks kita katakan tadi ialah bentuk perancangan. Akan tetapi kita ini kena semua balik pada soal kita bincang dari segi modal insan kita ini yang kadang-kadang sudah miskin. Sepatutnya tanah-tanah yang kita beri berjaya. Bajet-bajet yang diberikan kepada kementerian-kementerian ini cukup hebat terutama yang membabitkan soal pertanian dan sebagainya. Cukup tinggi. Akan tetapi malangnya, perkara itu kita lihat tidak berjaya kerana ada sebab faktor-faktor lain.

Nak berhenti dahulu kah, Tuan Yang di-Pertua? Kita berhenti, sambung hari Isnin. Boleh? Saya ada banyak lagi poin ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Nak sambung lagi?

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Tak. Saya fasal banyak lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Sampai berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua: Sampai lagi 10 minit atau lima minit. Boleh lagi lima minit?

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Lima minit? Lima minit tak sempat habis, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya? Banyak?... Sepuluh minit?

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Sepuluh minit, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, teruskan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini, kita lihat berkenaan dengan- mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri ketika Dewan Rakyat berkenaan dengan tahap sara diri pengeluaran padi negara kita pada tahun 2019 adalah 69 peratus, meningkat pada tahun 2020 sehingga 72 peratus dan meletakkan *target* tahap sara diri ini pada tahun 2025 pada kadar 75 peratus. Itu ialah pada tahun 2025. Lima tahun lagi.

Walaupun dahulu menjelang tahun 2020 pernah disebut juga oleh pihak kerajaan pula meletakkan *target* tahap sara diri ini pada kadar 100 peratus menjelang tahun 2020. Patut tahun 2020 ini sudah pun mencapai berkenaan tahap sara diri kita ini sudah mencapai 100 peratus tetapi kita hanya mencapai 72 peratus.

Umum mengetahui pada tahun 1994, sesuai dengan Dasar Penswastaaan Negara, iaitu Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 [*Akta 47*] telah digantikan dengan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [*Akta 522*]. Dengan itu, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang diwujudkan pada tahun 1971 dibubarkan dan digantikan dengan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) pada tahun 1996.

Jika kita melihat kembali kepada dasar perancangan daripada pihak kerajaan suatu ketika dahulu, Polisi Pertanian Kebangsaan Ketiga pada tahun 1998 telah meletakkan *target* 86 peratus menjelang tahun 2010 untuk kadar tahap sara diri pengeluaran padi. Jadi, sebab itu kita lihat pencapaian terbaik negara kita dalam pengeluaran padi ini pada tahun 1980 pada kadar 92 peratus.

Waktu itu diuruskan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Ketika itu kita lihat banyak kilang-kilang bumiputera. Pada tahun 1972, terdapat 110 kilang padi bumiputera. Akan tetapi tahun 2016, ia menjunam, kilang bumiputera hanya tinggal 24 buah sahaja. Tahun 1972 ada 110 buah dan tahun 2016, kilang bumiputera hanya ada 24 buah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkit sedikit berkenaan dengan- tadi saya dihadiri oleh jawatankuasa bertindak untuk menyelamatkan harta wakaf daripada pihak Kolej Islam Malaya...

Dr. Yaakob bin Sapari: Mohon mencelah sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Ya.

Dr. Yaakob bin Sapari: Fasal padi tadi. Hasil penswastaan atau monopoli LPN itu kepada BERNAS telah menyebabkan penglibatan bumiputera menurun. Adakah Yang Berhormat setuju dengan satu cadangan daripada kerajaan sebelum ini supaya monopoli BERNAS itu dipecahkan? Jadi, tidak lagi dimonopoli seperti hari ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita *dok* lihat sepatutnya apabila Dasar Penswastaan dan sebagainya, pertama, untuk efisien dan yang kedua, untuk mengurangkan kadar pengurusan kewangan negara. Akan tetapi apabila kita lihat dalam soal yang strategik ini, sepatutnya benda ini tidak boleh dilepaskan untuk diberikan kepada yang lain.

Perkara ini sepatutnya memang diambil alih oleh pihak kerajaan. LPN pegang itu elok dah kerana dia nak jaga tentang, terutama saya sebut tadi ini soal keselamatan. Makanan ini benda penting. Benda penting. Keselamatan ini benda yang kita tidak boleh *tolerate*, benda yang kita tidak boleh hendak kompromi terutamanya soal beras ini tadi.

Kalau kita ada beras macam kita *dok* bagi- saya *dok* turun kampung-kampung, kita beri beras. *Insyah-Allah*, yang lain itu dia boleh ambil benda-benda lain. Akan tetapi kalau tidak ada beras, dia tidak boleh makan sayur sahaja. Dia bukan macam kita ini vegetarian sahaja ataupun makan epal malam-malam. Dia tak boleh. Dia mesti makan beras. Sebab itu saya tidak bersetujulah. Sebab itu kita minta supaya- soal ini ialah soal yang tidak boleh dikomersialkan ataupun diberi kepada pihak lain untuk uruskan.

Saya hendak bercakap balik pada soal harta wakaf Kolej Islam Malaya. Kerana kita lihat bagaimana- Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan, antara harta wakaf Kolej Islam Malaya, bukan Kolej Islam Klang itu. Kolej Islam Klang lepas itu. Antaranya ialah di tapak kepada bekas UIA Petaling Jaya. Lebih kurang ada 30 ekar tanah itu. Akan tetapi persoalannya sekarang ini, ia dimiliki oleh individu-individu tertentu yang melibatkan Kolej Islam Malaya ini tidak ada apa. Sebab itu sepatutnya Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi ini kena ambil bantuan sedikitlah untuk tolong bantu di pihak *lawyer* untuk membantu pada perjuangan mereka sebenarnya.

Saya tadi dihubungi oleh mereka, agak sedihlah bila kita tengok yang didatangi oleh pihak mereka yang memperjuangkan- ini jawatankuasa bertindak untuk menyelamatkan. Tanah ini sudah menjadi milik peribadi. Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan.

Wakaf ini, apa makna wakaf? Wakaf ini maknanya terhenti. Dia tak boleh untuk kita hendak berlakunya hibah, berlakunya warisan, berlakunya jual beli. Itu wakaf. Sepatut berlaku begitu. Tak boleh makan. Saya minta maaf, saya cerita...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: [*Bangun*]

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, mohon kebenaran. Boleh ya mencelah sedikit? Kakanda senior Kolej Islam.

Yang Berhormat, isu wakaf ini yang saya ikuti, kita banyak cuba melakukan penambahbaikan sehinggalah setiap negeri, majlis agama Islam akan diberi hak untuk mengurus wakaf. Kemudian kita ada satu unit khusus di bawah Jabatan Perdana Menteri, hal ehwal wakaf. Kebetulan ramai kawan-kawan kita di sana.

Jadi, persoalan saya ialah pada pandangan Yang Berhormat, hal ehwal wakaf ini patut diuruskan secara negeri sebegitu ataupun secara pusat? Pada pandangan dan pengalaman Yang Berhormat tengok.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Ini kita balik pada soal benda itu kena diuruskan dengan baiklah kerana soal agama ini soal yang kita faham ia melibatkan soal hak negeri-negeri. Macam baru inilah kita tengok waktu berlakunya PKP, apabila diarahkan oleh MKN sembahyang 12 orang, di setengah tempat 40 orang, di setengah tempat- itu terpaksa pulang pada negeri. Arahan ini hanya pakai di wilayah kerana soal jawatankuasa- pandangan ini ialah pandangan di peringkat negeri.

Akan tetapi saya nak *refer* kepada kes Kolej Islam Malaya ini. Nanti mungkin anta pun tak dapat, Yang Berhormat pun mungkin tak dapat maklumat ini. Saya mungkin nak bagi tahu sedikit, nak berkongsi pandangan kerana kita ada isu ini, isu yang saya rasa agak perlu diselesaikan dengan baik kerana ini hak umat Islam. Harga itu saya rasa mungkin harga lebih daripada bilion. Kita tengok tanah *golden area*, dengan izin. Itu di Kolej Islam dekat dengan bekas tapak UIA PJ dulu. Itu satu.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya ialah saya hendak bangkitkan berkenaan dengan balai bomba di Pekan Terung. Pekan Terung dekat Bukit Gantang dekat kampung saya. Sebenarnya kalau ikutnya telah pun diluluskan tetapi tidak ada apa benda yang hendak dibangunkan lagi kerana di situ banyak berlaku kebakaran, agak jauh kerana balai bomba yang datang daripada Taiping atau datang daripada Pantai Remis agak jauh. Kita harapkan perkara ini dapat disegerakan.

Ketiganya ialah berkenaan dengan ada isu bagaimana saya hairan syarikat pembersihan- *cleaner* di RNR Bukit Gantang, bagaimana pekerja di sana yang tidak dicarum dengan SOCSO. Cuba bayangkan bekerja di bahagian *cleaner*- yang Ahli-ahli Yang Berhormat pergi itu. tidak dicarum dengan SOCSO. Kita harapkan supaya pihak yang menguruskan RNR sama ada melalui Kementerian Kerja Raya. ataupun hal pekerjaan ini pula terdiri daripada Kementerian Sumber Manusia, kena ambil tindakan siasatan terhadap syarikat yang kendali benda ini.

Ini memang kita lihat orang kata lintah daratlah. Hampir tiga tahun mereka tidak di carum. Maklumlah orang kampung dia takut hendak pergi merayu. Apabila kes itu saya masuk dalam *Facebook* bila kes melibatkan seorang yang kena potong jari dia sakit sebab kencing manis, saya *checked* dengan dia, dia kata tidak dapat SOCSO. Saya masuk dalam *Facebook*, esoknya baru pihak sana pergi turun hendak siasat siapa yang melaporkannya tadi.

Jadi kita harapkan supaya perkara ini- pihak kementerian mesti bertanggungjawab. Ini bukan zaman pengabdian yang kamu boleh sewenang-wenangnya untuk lakukan kepada rakyat di era ini.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain sudi untuk mendengar. *Wallahualam... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Yang Berhormat. Dia tahu masanya, iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris bin Ahmad... *[Tepuk]* Bagus *point*.

Petang ini saya banyak mendengar hujah-hujah yang terbaik. Banyak hujah-hujah yang orang kata berpaksi kepada kebajikan. Bagus sangat tengok ya. Saya berpuas hati dengar dengan baik dan juga saya nampak begitu bagus.

Jadi kita punya Yang Berhormat Menteri pun ada ini dia tunggu sampai- tepuk tangan sikit untuk dia... *[Tepuk]* Ada Yang Berhormat Menteri kita Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Hidup YB Datuk Halimah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tepuk tangan sedikit pada dia, dia datang itu... *[Tepuk]*

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Hidup Yang Berhormat Halimah *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebenarnya puas hati sebab petang ini Ahli-ahli Yang Berhormat tunggu sampai- perjuangan kita hingga ke penghabisan, dan ingat sikit saya nak nasihat, kalau boleh jangan bagi kita punya Dewan ini kurang orang. Itu tolong. Beri kerjasama. Dan terdengar tadi- saya pernah dulu beritahu anak buah saya, saya kata, "Kau sedekahlah sikit..." Dia kata Datuk Seri, "Macam mana saya hendak sedekah, saya tidak ada duit." "Ah, bukan duit. Kamu punya senyum pun sedekah." Saya kata.

"Nasihat dekat orang pun sedekah." Pergi ambil sedikit bubur lambuk di masjid itu bagi kepada orang tua ini pun sedekah itu ia. Jadi banyak paksi kepada sedekah budi kita itu. Budi bahasa kita itu, jasa kita itu yang penting sekali budi kita itu, iaitu saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini ialah orang yang berbudi besar.

Ya, Yang Berhormat Yusmadi inilah sebabnya. Ini sebab Ahli-ahli di sini. Hal ini sebab Yang Berhormat berada di sini sebab ada budi. Bak kata orang tua-tua.

*Ayam hutan terbang ke hutan;
Tali terjerut di pagar duri;
Adik bukan saudara pun bukan;
Hati tersangkut kerana budi... [Tepuk]*

Itu dia budi bahasa kita, dan keluarga saya- Ahli Yang Berhormat sini ialah orang yang sangat tinggi budi bahasa dan berbudi selalu. Yang Berhormat Doktor, betul? Jadi Ahli-ahli sekalian, jam kita sudah sampai di sini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 7 September 2020. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Jaga diri baik berhati-hati di jalan raya.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang]